# MANTERA DAN AMALAN KECANTIKAN WANITA BAJAU: KAJIAN KES BAJAU KOTA BELUD

RAHMAH ABDUL GHANI

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

University of Malaya

# MANTERA DAN AMALAN KECANTIKAN WANITA BAJAU: KAJIAN KES BAJAU KOTA BELUD

**RAHMAH ABDUL GHANI**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2018**

University of Malaya

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **RAHMAH ABDUL GHANI**
No. Pendaftaran/Matrik: **JHA110001**
Nama Ijazah: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**
Tajuk Tesis: **MANTERA DAN AMALAN KECANTIKAN WANITA BAJAU: KAJIAN KES BAJAU KOTA BELUD**
Bidang Penyelidikan: **SASTERA LISAN**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

---------------------------------------------

Tandatangan Calon Tarikh: 31 OGOS 2018

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

---------------------------------------------

Tandatangan Saksi Tarikh: 31 OGOS 2018

Nama:
Jawatan:

---------------------------------------------

Tandatangan Saksi Tarikh: 31 OGOS 2018

Nama:
Jawatan:

University of Malaya

**MANTERA DAN AMALAN KECANTIKAN**
**WANITA BAJAU: KAJIAN KES BAJAU KOTA BELUD**

## ABSTRAK

Mantera yang diwarisi masyarakat masyarakat Bajau masih lagi relevan penggunaannya terutama untuk tujuan kecantikan, pengubatan, perlindungan diri dan sebagainya. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis mantera dan amalan kecantikan wanita Bajau di daerah Kota Belud Sabah. Pengumpulan data dibuat berdasarkan informan yang dipilih daripada beberapa kawasan kajian. Bahan kajian terdiri daripada pelbagai jenis mantera serta amalan yang berkaitan dengan kecantikan wanita Bajau yang menepati objektif kajian yang dilakukan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data melalui pemerhatian, temu bual dan analisis data. Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa wanita Bajau masih lagi menggunakan mantera serta mengamalkan petua-petua bagi menyerlahkan kecantikan dan keterampilan mereka agar mudah diterima oleh masyarakat. Bagi wanita Bajau dengan kecantikan yang dimiliki ,seorang wanita akan dapat memikat kasih sayang daripada anggota keluarga dan masyarakat lain. Ini kerana kecantikan rupa paras yang ditambahkan lagi dengan kecantikan dalaman membuatkan mereka senang diterima oleh anggota keluarga dan juga masyarakat yang merupakan keluarga besar.

Kata kunci: Kecantikan,Mantera,Amalan,Petua,Pantang-larang

University of Malaya

**MANTERA DAN AMALAN KECANTIKAN WANITA BAJAU: KAJIAN KES BAJAU KOTA BELUD**

## ABSTRACT

Mantra inherited by the Bajau community is relevant till today, especially for beauty, healing, protection, and others. Therefore, the objective of this research is to analyze Mantra and beauty rituals of Bajau women in Kota Belud, Sabah. The data gathered is from selected informants living in several parts within the research area. The research material is composed of various types of Mantra and rituals associated with the beauty of Bajau women which are suited to the research objectives. This study is a qualitative research which uses the data accumulated through observation, interviews and data analysis. The study findings showed that Bajau women still practices Mantra and traditional tips to enhance their beauty and appearance, to be accepted by their community. Bajau women are of the opinion that beauty will allow her to attain love from her family and other community members. This is because outer beauty paired with inner beauty will make family members and the community which constitutes the extended family, easily accepted them.

Keyword: Beauty,Mantra,Practices,Best Practice,Taboo

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah Allah kurniakan kesabaran, kekuatan mental, dan kecelikan hati dan akal dalam melengkapkan tesis ini. Al-Fatihah buat Allahyarham **BAPA** tersayang, **HAJI ABDUL GHANI HAJI MATAHIR** semangat dan bayangannya sentiasa ada bersama menjadi motivasi dan pendorong utama dalam perjuangan ini, meskipun tidak sempat menikmati kejayaan ini. Buat mama Hajah Baikah Oleh, terima kasih titipan doa dalam mengiringi perjuangan ini.

Setinggi- tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia, iaitu Prof. Madya Dr. Zahir bin Ahmad dan Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn. Bimbingan, motivasi serta nasihat di saat pengkaji putus asa dengan perjuangan ini amat bermakna dan dihargai.

Buat suami tersayang Ramlan Datu Haji Hassan yang sentiasa sabar dalam menempuh pelbagai suka duka bersama anak-anak tersayang mama: Rasydan dan Rasyidah Salwani. Perjuangan ini membuktikan semangat cekal mampu mengatasi segala-galanya. Jangan pernah putus asa dengan dugaan yang mendatang.

Terima kasih buat Prof Dato Dr. Yaacob Haron,Prof Madya Dr. Tune Yap Beng Liang, Dr. Sharil Nizam Sha'ri, En. Ahmad Hakimi, Dr. Noor Hasnoor dan Cik Yani yang sentiasa memberikan galakan dan semangat untuk meneruskan perjuangan ini.

Khas buat pensyarah-pensyarah di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya khususnya kepada Prof Madya Dr. Hashim Ismail, Dr. Mohd Taufik Arridzo, Prof Madya Dr. Tengku Intan Marlina, Prof Madya Dr. Norhayati serta pensyarah –pensyarah lain yang tidak dapat dinyatakan kesemuanya dalam ruang yang terbatas ini, terima kasih atas galakan dan sokongan serta bantuan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga buat sahabat-sahabat saya Nashrah, Wan Firzaleenazrah, Akhmad, Hanafi, Fuza, Haslan, Papartaim Haji Bidin,Asmanirah yang sentiasa membantu dalam perjuangan ini. Semoga kalian dimurahkan rezeki dan

University of Malaya

mendapat keberkatan dalam kehidupan yang mencabar ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ini juga ditujukan khas kepada informan- informan yang memberikan kerjasama sepenuhnya semasa kajian ini dilakukan.

Buat seluruh ahli keluarga dan rakan-rakan yang disayangi terima kasih kerana memahami, memberi semangat tanpa jemu dan sentiasa memberi ruang untuk menyiapkan kajian ini.

Sesungguhnya perjalanan hidup kita telah ditentukanNYA.

"Akhirnya kura-kura sampai juga ke garisan penamat".

Terima kasih, Wassalam.

Rahmah Abdul Ghani
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

31 OGOS 2018

University of Malaya

# ISI KANDUNGAN

Abstrak ........ iii

Abstract ........ iv

Penghargaan ........ v

Isi Kandungan ........ vii

Senarai Jadual ........ xii

Senarai Rajah ........ xiii

Senarai Gambar ........ xiv

Senarai Peta ........ xvi

**BAB 1: PENDAHULUAN ........ 1**

1.1 Pendahuluan ........ 1

1.2 Sorotan Kajian ........ 1

1.3 Permasalahan Kajian ........ 21

1.4 Persoalan Kajian ........ 22

1.5 Objektif Kajian ........ 22

1.6 Bidang Kajian ........ 22

1.7 Bahan Kajian ........ 23

1.8 Batasan kajian ........ 23

1.9 Metodologi kajian ........ 24

1.9.1 Kaedah Pengumpulan Data ........ 25

1.9.2 Metode Analisis Data ........ 35

1.10 Konsep operasional ........ 37

1.10.1 Mantera ........ 38

1.10.2 Jampi ........ 39

1.10.3 Amalan ........ 40

University of Malaya

1.10.4 Kecantikan .......... 41

1.10.5 Petua .......... 41

1.11 Unjuran bab .......... 42

**BAB 2: TEORI, KONSEP DAN MODEL KAJIAN .......... 43**

2.1 Pendahuluan .......... 43

2.2 Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Teori Fungsional .......... 44

2.3 Tokoh-tokoh .......... 46

2.3.1 Radcliffe Brown .......... 46

2.3.2 Evans-Pritchard .......... 48

2.3.3 Bronislaw Malinowski .......... 49

2.3.3.1 Teori Malinowski .......... 50

2.4 Konsep Cantik .......... 58

2.4.1 Pandangan Islam tentang nilai kecantikan wanita .......... 61

2.4.2 Konsep Cantik bagi orang Bajau .......... 63

2.5 Model Kajian Kecantikan .......... 66

2.5.1 Model Kajian Hermansyah (2006) .......... 67

2.5.2 Model kajian Sharifah Suraya Syed Jamaluddin dan Salmah Omar (2010)… .......... 68

2.5.3 Model Kajian Roziah Omar (1994) .......... 70

2.5.4 Model Kajian Kecantikan Wanita Bajau .......... 70

2.6 Rumusan .......... 74

**BAB 3: MASYARAKAT BAJAU .......... 76**

3.1 Pendahuluan .......... 76

3.2 Latar belakang Masyarakat Bajau .......... 76

University of Malaya

3.3 Populasi Masyarakat Bajau ........ 77
3.4 Asal-usul Orang Bajau ........ 79
3.5 Bajau *Sama* ........ 85
3.6 Bajau Laut ........ 86
3.7 Penduduk dan Petempatan ........ 88
3.8 Agama dan Kepercayaan ........ 89
3.9 Pekerjaan dan Ekonomi ........ 90
3.10 Kebudayaan Masyarakat Bajau ........ 92
3.10.1 Berunsai ........ 92
3.10.2 Tarian Limbai ........ 93
3.10.3 Tarian Kuda Pasu ........ 93
3.11 Seni Muzik ........ 93
3.12 Permainan ........ 94
3.13 Seni Rupa dan Seni Tampak ........ 96
3.14 Penunggang Kuda Bajau ........ 105
3.15 Daerah Kota Belud ........ 106
3.15.1 Struktur pentadbiran dan kepimpinan ........ 110
3.15.2 Kemudahan Asas ........ 115
3.16 Kawasan Kajian ........ 118
3.16.1 Kampung Labuan ........ 119
3.16.2 Kampung Tanjung Wakap ........ 120
3.16.3 Kampung Tanjung Pasir ........ 120
3.16.4 Kampung Pirasan ........ 121
3.16.5 Kampung Jawi-Jawi ........ 123
3.16.6 Kampung Taun Gusi ........ 123
3.16.7 Kampung Kulambai ........ 124

University of Malaya

3.16.8 Kampung Siasai Kumpang ... 124

3.16.9 Kampung Dundau ... 124

3.16.10 Kampung Kuala Abai ... 125

3.16.11 Kampung Pandasan ... 125

3.17 Rumusan ... 128

**BAB 4: MANTERA DAN KECANTIKAN ... 129**

4.1 Pendahuluan ... 129

4.2 Mantera dan Masyarakat Bajau ... 130

4.3 Jenis dan fungsi mantera ... 131

4.4 Mantera Kecantikan ... 132

4.4.1 Mantera Pemanis ... 132

4.4.2 Mantera Pendinding ... 153

4.4.3 Mantera Pengasih ... 157

4.4.4 Mantera Penggerun dan Penunduk ... 158

4.4.5 Mantera Penguat Badan dan Kebal ... 161

4.5 Rumusan ... 162

**BAB 5: PETUA DAN AMALAN ... 164**

5.1 Pendahuluan ... 164

5.2 Amalan-amalan kecantikan ... 164

5.3 Amalan Pemakanan ... 173

5.4 Petua dan Amalan Penjagaan Kesihatan ... 180

5.4.1 Petua Dan Amalan Penjagaan Wanita Selepas Kedatangan Haid ... 181

5.4.2 Amalan Kesihatan Ketika Mengandung ... 183

5.4.3 Petua dan Amalan Ketika Mengandung ... 185

University of Malaya

5.4.4 Petua dan Amalan Selepas Bersalin .................................................. 190

5.5 Amalan Pantang -larang (Berkaitan Adab)...................................................... 195

5.5.1 Pantang Larang Anak Dara Dalam Masyarakat Bajau ......................... 196

5.5.2 Pantang Larang Wanita Dalam Masyarakat Bajau............................... 199

5.5.3 Pantang Larang Wanita Bajau Dalam Kematian.................................. 201

5.6 Rumusan ........................................................................................................ 202

**BAB 6: KESIMPULAN........................................................................... 204**

**RUJUKAN………........................................................................................ 215**

**LAMPIRAN…… ........................................................................................ 230**

University of Malaya

# SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Jadual keperluan asas manusia mengikut struktur *functionalism* oleh Malinowski (Langness, L. L.), 1987 ............................................................................ 52

Jadual 3.1: Penduduk Bajau mengikut daerah pentadbiran Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, 2010. (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah. Disember 2015) ........................................................................................................ 79

Jadual 6.1: Mantera dan Penggolongannya............................................................... 205

Jadual 6.2: Jadual keperluan asas manusia mengikut struktur *functionalism* oleh Malinowski (Langness, L. L.), 1987 .......................................................................... 208

University of Malaya

## SENARAI RAJAH

Rajah 2.1: Model Kajian Mantera dan Amalan Kecantikan Wanita Bajau ................... 71

Rajah 6.1: Dapatan kajian Mantera dan Amalan Kecantikan Wanita Bajau ............... 211

University of Malaya

## SENARAI GAMBAR


Gambar 3.1: Suasana di Tamu ........................................................................ 91

Gambar 3.2: Suasana di Tamu ........................................................................ 91

Gambar 3.3: Peralatan muzik bertitik.............................................................. 94

Gambar 3.4: Permainan sepak manggis........................................................... 96

Gambar 3.5: *Tipo Selisir* ................................................................................. 97

Gambar 3.6: Wanita Bajau dan *Tipo Selisir* ................................................... 98

Gambar 3.7: Sempangan.................................................................................. 99

Gambar 3.8: Wanita Bajau dan Busana Tradisi ............................................ 100

Gambar 3.9: Seni Tekat Bajau ...................................................................... 101

Gambar 3.10: Aksesori Busana Pengantin Wanita Bajau.............................. 102

Gambar 3.11: *Mendapun* ............................................................................... 103

Gambar 3.12: Pelamin Bajau ........................................................................ 103

Gambar 3.13: Tudung Duang......................................................................... 104

Gambar 3.14:Parang Bajau ........................................................................... 105

Gambar 3.15:Haji Abdul Majad.Pembuat Parang Bajau ............................... 105

Gambar 3.16:Dewan Masyarakat Kota Belud .............................................. 109

Gambar 3.17: Pejabat Pos .............................................................................. 109

Gambar 3.18: Padang Pekan ......................................................................... 109

Gambar 4.1: Puan  Kernah Hj Ismail sedang menunjukkan cara-cara membaca mantera di bedak sebelum disapukan ke muka. ........................................................... 137

Gambar 4.2: Gambar pengantin Bajau sedang dihiaskan oleh Mak Andam ............... 138

Gambar 4.3: Informan sedamg membaca mantera pemanis kepada sikat ................... 141

Gambar 4.4: Langir sedang dilumurkan di kepala seorang wanita Bajau untuk tujuan kecantikan. ................................................................................................ 143


University of Malaya

Gambar 4.5: Wanita Bajau sedang mengenakan minyak di bibir .............................. 146

Gambar 4.6: Wanita Bajau dengan Sirihnya............................................................ 149

Gambar 4.7: Wanita Bajau dengan Sigup di bibir.................................................... 149

Gambar 4.8: Baju yang telah ditulis huruf-huruf tertentu yang dipercayai mampu membuat seseorang itu kebal ...................................................................... 154

Gambar 4.9: Tangkal yang dipercayai mempunyai kuasa sebagai pendinding. .......... 155

Gambar 5.1: Lempoyang .......................................................................... 168

Gambar 5.2: Kunyit ................................................................................ 168

Gambar 5.3: Latok @ Anggur Laut......................................................... 175

University of Malaya

## SENARAI PETA

Peta 1.1: Negeri Sabah dan kedudukan Daerah Kota Belud.
(Sumber: https://www.google.com/search?biw=1920&bih=974&tbm)..................... 107

Peta 3.2: Kawasan kajian lapangan di Kota Belud, Sabah.
(Sumber: https://www.google.com/search?biw=1920&bih=974&tbm)...................... 119

University of Malaya

# BAB 1: PENDAHULUAN

## 1.1 Pendahuluan

Bab ini mengandungi perbincangan tentang sorotan kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, bidang kajian, bahan kajian, batasan kajian,metodologi kajian,konsep operasional dan unjuran bab.

## 1.2 Sorotan Kajian

Tinjauan kajian ini dibataskan kepada hasil kajian-kajian lepas terhadap mantera khususnya yang berkaitan dengan amalan kecantikan wanita yang menggunakan pelbagai pendekatan dan teori. Kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan masyarakat dan kebudayaan Bajau juga dibincangkan dalam bahagian ini bagi memantapkan dapatan kajian.

Terdapat banyak kajian terhadap masyarakat Bajau yang telah dilakukan oleh pengkaji dari Eropah dan Amerika Syarikat semenjak tahun 1900-an (Gusni Saat:2008,13). Antaranya yang dilakukan oleh penyelidik dan sarjana Eropah seperti Spenser St. John (1862), Ivor H.N Evans (1922), Charles Bruce (1924), Oscar Cook (1924), Owen Rutter (1929), dan Crill Alliston (1961). Selepas tahun 1964, barulah terdapat kajian khusus tentang orang Bajau beragama Islam di Sabah (Syamsul Azizul Bin Marinsah: 2017,17). Antaranya ialah kajian Clifford Sather (1971; 1997), James F. Warren (1971), Jainisah Nurajin (1976/1977), Carol Warren (1977), Yap Beng Liang (1977; 1993; 1997; 1998; 2001), Hassan Mat Nor (1980), Halina Sendera (2007; 2008; 2013; 2014; 2016), Gusni Saat (2003; 2004; 2005; 2008; 2010), Saidatul Nornis Mahali (1992; 2004; 2005; 2009; 2010; 2012) Hanafi Hussin (2005; 2008; 2010), Ismail Ali (2007; 2010) dan ramai lagi.

University of Malaya

Kajian awal tentang masyarakat Bajau yang bertajuk *"The Sea People of Sulu: A Study of Sosial Change in the Philippines"*,yang dilakukan oleh Nimmo (1963) membincangkan tentang masyarakat Bajau di kepulauan Tawi-Tawi dan Sibutu Filipina, yang melibatkan aspek tempat tinggal,isi rumah sistem kekeluargaan serta kerjasama yang padu dalam masyarakat Bajau di kepulauan tesebut. Kajian ini memberi tumpuan terhadap perubahan tempat kediaman yang berlaku terhadap masyarakat Bajau yang beralih daripada mendiami kawasan bot kepada menduduki rumah yang dibina di atas daratan.

Sopher (1965) telah membincangkan tentang latar belakang,demografi,ekonomi dan budaya pengembara laut di Asia Tenggara dalam buku yang bertajuk *"The Sea Nomads: A Study Based On The Literature Of The Maritime Boat People of Southeast Asia.* Antara aspek yang dibincangkan ialah orang Bajau di Sabah yang berkaitan dengan asal-usul serta gaya hidup dan kegiatan ekonomi masyarakat tersebut. Kajian ini tidak membincangkan tentang mantera dan juga amalan kecantikan dalam wanita Bajau.

Pengkaji yang terawal tentang masyarakat Bajau di Sabah ialah Yap Beng Liang (1977). Kajian beliau yang bertajuk *"Orang Bajau Pulau Omadal Sabah, satu kajian tentang sistem budaya"*. Kajian beliau membincangkan tentang asal-usul Bajau, latar belakang sosioekonomi masyarakat Bajau di Pulau Omadal, sejarah Pulau Omadal, Taburan masyarakat Bajau, sistem kepercayaan dan amalan tradisi serta sistem kekerabatan masyarakat Bajau Pulau Omadal. Kajian ini turut membincangkan tentang adat istiadat serta amalan pantang larang dan kepercayaan ilmu magik yang diguna dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun kajian ini tidak membincangkan secara khusus tentang jenis-jenis mantera serta amalan yang digunakan dalam kecantikan wanita masyarakat Bajau Pulau Omadal.

Kajian seterusnya juga yang dibuat oleh Yap Beng Liang (1990) yang bertajuk

University of Malaya

"*Perubahan sosial dalam masyarakat Bajau Kota Belud Sabah*". Objektif kajian ini adalah mengesan dan menganalisis proses perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat Bajau Kota Belud terutama untuk meneliti hubungannya dengan kolonialisme dan perkembangan ekonomi kapitalis di Sabah. Kajian ini cuba menunjukkan bahawa kolonialisme dan perkembangan ekonomi kapitalis di Sabah telah mengakibatkan perubahan terhadap ekonomi tradisional atau natural ekonomi masyarakat Bajau, khususnya dari segi bentuk dan hubungan pengeluaran. Namun begitu, perubahan-perubahan tersebut tidak membawa pembangunan dalam erti yang sebenar kepada masyarakat Bajau. Masyarakat Bajau sebagai masyarakat pinggir tetap mundur atau miskin dan tidak membangun seimbang dengan masyarakat kapitalis di kawasan pusat. Hasil kajian mendapati kolonialisme dan perkembangan ekonomi kapitalis di Sabah sesungguhnya telah menyebabkan perubahan dalam natural ekonomi masyarakat Bajau daerah Kota Belud, khususnya dari segi bentuk dan hubungan pengeluarannya. Namun begitu, majoriti kaum tani Bajau tetap merupakan pengeluar-pengeluar kecil yang bertumpu kepada pengeluaran bahan-bahan makanan. Perhatian pemerintah kolonial yang amat sedikit terhadap sektor ekonomi luar bandar menyebabkan kaum tani Bajau juga mengalami kemunduran dan kemiskinan kerana telah lama diabaikan oleh pemerintah kolonial. Majoriti kaum tani Bajau secara perbandingan, sehingga hari ini pun masih mundur dan miskin dan amat bergantung kepada bantuan dan inisiatif kerajaan untuk kemajuan sendiri. Kajian ini adalah berbeza dengan kajian pengkaji tentang mantera dan amalan kecantikan wanita Bajau di daerah Kota Belud.

Seterusnya Gusni Saat (2003) dalam bukunya *"Komuniti Samah-Bajau Di Bandar"* membincangkan tentang hal yang berkaitan dengan ekonomi,sosial,politik masyarakat Bajau di Sabah. Kajian beliau menggambarkan tentang stratifikasi sosial dan politik masyarakat Bajau di Sabah. Kajian juga merangkumi tentang corak kehidupan

University of Malaya

masyarakat Bajau dalam menghadapi urbanisasi, perubahan dan pembangunan dalam mencorakkan sistem ekonomi, politik,serta kehidupan sosial mereka. Kajian ini juga tidak membincangkan tentang mantera dan amalan kecantikan wanita Bajau walaupun menyentuh tentang aspek sosial masyarakat Bajau.

Saidatul Nornis Haji Mahali (2006) telah melakukan kajian secara Sosiolinguistik terhadap masyarakat Bajau di Kota Belud Sabah yang bertajuk *"Isun-Isun Sebagai Penggambaran Interaksi Sosial dan Budaya Bajau"*. Penelitian ini adalah meliputi antropologi linguistik tentang nyanyian rakyat yang terkenal di daerah Kota Belud, Sabah iaitu *Isun-isun*. Kaedah nyanyian ini adalah secara berpasangan dan disampaikan secara berselang-seli di antara lelaki dan wanita. *Isun-isun* ni juga mirip kepada nyanyian Dondang Sayang yang terdapat di Melaka.Tumpuan kajian adalah menganalisis genre *isun-isun* terutama aspek nahu dan makna konteks untuk menyerlahkan ciri-ciri Lingustik. Kajian ini berbeza daripada kajian yang membincangkan tentang mantera dan amalan kecantikan wanita dalam masyarakat Bajau.

Francois Robert Zacot (2008) telah melakukan kajian tentang masyarakat Bajau yang berkaitan tentang ritual dan amalan-amalan yang dilakukan dalam kehidupan seharian. Buku yang bertajuk *"Orang Bajo Suku Pengembara Laut: Pengalaman seorang Antropolog*. Kajian beliau ini telah membincangkan tentang masyarakat Bajau di kampung Torosiaje,iaitu sebuah kampung terpencil di bahagian Sulawesi Utara,Indonesia. Kajian ini membincangkan tentang amalan serta ritual yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Bajo di kampung tersebut. Amalan-amalan dan ritual berkaitan antaranya adalah yang berkaitan dengan kelahiran anak,perkahwinan,perubatan,pemberian makanan kepada makhluk halus yang dipercayai amat mempengaruhi kehidupan masyarakat tersebut. Kajian ini tidak

University of Malaya

membincangkan mantera dan amalan kecantikan secara khusus tetapi lebih kepada aktiviti perikanan serta adat istiadat dan kepercayaan masyarakat Bajo di Torosiaje.

Sarjana tempatan yang turut mengkaji masyarakat Bajau ialah Hanafi Hussin(2008).Kajiannya yang bertajuk *"Diaspora Bajau Laut dan Pengekalan serta Penerusan Amalan Tradisi di Sabah"*. Kajian ini membincangkan tentang diaspora atau perpindahan penduduk yangberlaku dalam kalangan komuniti Badjao atau sama Sama Dilaut dari Sitangkai,Tawi-Tawi Filipina yang dipanggil komuniti Bajau Laut di Semporna,Sabah dengan melihat bagaimana pengekalan dan penerusan amalan tradisi dilakukan. Kepercayaan dan amalan tradisi yang diwarisi dari amalan nenek moyang khususnya langkapan, membuatkan ikatan dengan roh nenek moyang yang dikenali sebagai Omboh itu perlu diteruskan. Komuniti Bajau Laut ini mempercayai bahawa amalan persembahan untuk Omboh mesti diteruskan bagi menyeimbangkan kehidupan mereka bersama dengan roh nenek moyang atau para semangat yang mendiami alam spiritual di sekeliling. Perubahan demi perubahan yang berlaku merupakan cabaran kepada pengekalan amalan tradisi ini dan menjadi ancaman kepada pengekalan identiti komuniti Bajau yang berasaskan kepada amalan tradisi. Ternyata bahawa perubahan sosial yang berlaku di kalangan masyarakat di dunia turut mempengaruhi komuniti Bajau Laut. Adaptasi terhadap elemen-elemen baru yang meresapi komuniti Bajau Laut dengan bentuk-bentuk amalan budaya baru telah diaplikasikan kepada budaya komuniti ini. Masyarakat Bajau laut turut mempersembahkan bentuk seni persembahan yang baharu yang bersesuaian untuk tatapan umum.

Kajian yang dilakukan oleh Lailawati Binti Madlan, et.al (2014) yang bertajuk *"The Prejudice of Bajau: From Own and Others Ethnic Perspective:A Preliminary Study in Sabah"*. Kajian ini membincangkan tentang tanggapan yang dibuat oleh etnik lain terhadap masyarakat Bajau dalam sektor kerajaan dan swasta. Dapatan kajian

menunjukkan masyarakat Bajau suka bergaduh, berkulit gelap serta memonopoli bidang perniagaan. Etnik seperti Kadazandusun, Murut, Cina dan Melayu Brunei beranggapan masyarakat Bajau bersikap kasar,dan apabila bercakap seolah-olah mereka sedang marah,tidak berdikari,berpendidikan rendah dan mempunyai sikap berani untuk mati dan sebagainya.Hakikatnya masyarakat Bajau mempunyai sikap sedemikian adalah untuk mempertahankan hak mereka serta melindungi saudara mara daripada dikasari.

Hasil tinjauan yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) yang membincangkan tentang mantera masih berkurangan namun di peringkat sarjana telah banyak dijalankan. Antara kajian peringkat Ijazah Kedoktoran yang mengkaji mantera ialah kajian yang dilakukan oleh Haron Daud (1995), yang bertajuk "*Mantera sebagai pengucapan simbolik: Analisis pemikiran Melayu*" di Jabatan Pengajian Melayu Fakulti Sastera , Universiti Malaya. Beliau telah melakukan kajian tentang mantera Melayu dan analisis yang dilakukan tertumpu kepada aspek pemikiran masyarakat tersebut. Kajian tertumpu kepada pemikiran masyarakat Melayu berdasarkan pernyataan dalam mantera, iaitu sebagai teks dalam kajian yang dikumpul dari beberapa daerah di Semenanjung Malaysia. Kajian ini juga turut menganalisis mantera dari aspek struktural sebagai karya sastera dengan melihat bentuk, ciri, isi dan fungsinya. Kajian ini mendapati mantera Melayu mempunyai banyak fungsi dan digunakan hampir dalam semua aspek kehidupan individu dan kelompok masyarakat, khususnya untuk kesejahteraan dan keselamatan. Di samping sifatnya yang fungsional, keberkesanan sesebuah mantera itu lebih menjamin kedudukan dan pengekalannya dalam masyarakat. Mantera menjadi berkesan kerana adanya magis dan kepadatan serta ketepatan kata dengan sesuatu maksud, sama ada secara nyata atau simbolik. Ketepatan itu penting untuk memudahkan pengamal berinteraksi dengan Allah, makhluk ghaib, roh seseorang dan sebagainya. Mantera sebagai pernyataan sastera memang mempunyai nilai estetik terutama apabila dibaca

University of Malaya

menimbulkan irama yang menarik kerana terdapatnya pola rima, aliterasi, asonansi dan perulangan berupa anafora, epifora dan lain-lain. Dari aspek lain, mantera dengan jelas memancarkan *world view* dan pemikiran orang Melayu berhubung dengan kosmologi, kepercayaan warisan, ketuhanan, makhluk halus, hakikat diri dan lain-lain. Kajian ini mengkaji mantera dari aspek struktural sebaliknya kajian saya pula meneliti tentang mantera dan amalan serta petua yang digunakan dalam kecantikan wanita Bajau.

Seterusnya kajian pada peringkat Ijazah Kedoktoran juga dilakukan oleh Hermansyah pada tahun 2006 di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk "*Alam Orang Melayu: Kajian Ilmu di Embau Kalimantan Barat Indonesia*". Kajian ini adalah mengenai mantera yang digunapakai oleh masyarakat Embau di Kalimantan Barat dan lebih dikenali sebagai Ilmu. Kajian ini bertujuan untuk membuktikan tentang kewujudan mantera yang lebih dikenali sebagai Ilmu di Alam Melayu terutama di Pedalaman Kalimantan. Turut dibincangkan adalah masyarakat yang terdapat di kawasan kajian serta fungsi mantera tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan ilmu amat fungsional dan luas pemakaiannya dalam masyarakat Embau. Ilmu digunakan dalam lingkaran hidup orang Embau sejak lahir sehingga meninggal dunia. Kajian ini memfokuskan aspek kegiatan dan kepercayaan magis orang Melayu Embau yang dikenali sebagai *Ilmu*. Menurut pengkaji, mantera yang terdapat di Embau telah mendapat pengaruh Islam dan Hindu. Pengaruh Hindu ini dipercayai diperolehi melalui hubungan dengan Jawa iaitu Kerajaan Majapahit. (Hermansyah:2010:48). Kajian tentang mantera telah diklasifikasikan mengikut jenis dan fungsi mantera tersebut dalam masyrakat Embau. Jenis-jenis mantera tersebut telah dibahagikan kepada mantera *tawar* iaitu untuk tujuan pengubatan beserta bahan-bahan yang digunakan seperti limau, sirih, kapur, telur ayam kampung dan sebagainya. Bagi masyarakat Embau Mantera Cuca pula digunakan untuk tujuan penunduk terhadap musuh, pengasih, pendinding, kecantikan, penggerun dan sebagainya. Manakala *ilmu*

University of Malaya

pula digunakan untuk tujuan yang hampir sama dengan Mantera Cuca .*Cuca* dan *ilmu* mempunyai fungsi yang sama tetapi nama yang berlainan di setiap tempat di Embau. Lantaran itu, pengkaji telah membezakan penulisan perkataan ilmu melalui ejaan yang digunakan. Penggunaan huruf besar digunakan bagi merujuk kepada keseluruhan mantera masyarakat Embau, manakala ilmu yang ditulis menggunakan huruf kecil menggambarkan jenis-jenis mantera tersebut iaitu seperti mantera pendinding, pengasih, pemanis dan sebagainya. Hasil kajian telah berjaya mengumpulkan sebanyak 300 jenis mantera yang meliputi pelbagai aspek seperti kecantikan wanita serta mantera untuk perlindungan diri seperti mantera untuk kekebalan dan sebagainya. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu dari aspek mantera kecantikan wanita dan pakaian diri seperti penunduk, penguat badan, pengasih, pemanis dan sebagainya. [1]

Kajian yang dilakukan oleh Halina Sendera Mohd.Yakin (2013) yang bertajuk "*Semiotik Dalam Adat Kematian Bajau, Sabah*". Kajian ini adalah tentang semiotik dalam pandangan alam dan kosmologi Bajau dengan mengkaji struktur adat dan ritual kematian Bajau. Juga turut dikaji adalah aspek komunikasi non-verbal dalam adat kematian Bajau. Kajian ini telah menggunakan teori Struktural Levi-Strauss, Teori Semiotik dan pendekatan Komunikasi Non-Verbal. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan pendekatan etnografi. Kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan pengkaji dalam aspek penelitian mantera dan amalan kecantikan masyarakat Bajau yang melibatkan 11 buah kampung berbanding 4 buah kampung sahaja yang diteliti dalam kajian adat kematian Bajau. Kajian ini telah dapat menjelaskan tentang adat tradisi serta ritual yang diamalkan dalam kematian orang Bajau di Sabah.

---

[1] Kajian ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab 2

University of Malaya

Kajian di peringkat Ijazah Kedoktoran seterusnya yang dijalankan oleh Ros Aiza Mohd Mokhtar tentang *"Konsep Sinkretisme Menurut Perspektif Islam: Kajian Terhadap Adat Dan Kepercayaan Masyarakat Kedayan"* di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 2015 melihat kemungkinan masih wujudnya fenomena sinkretisme dalam masyarakat Kedayan dalam empat aspek yang utama iaitu kepercayaan tentang manusia, mandi langir, mantera dan petua serta adat kematian. Bagi masyarakat Kedayan penggunaan mantera dilakukan sejurus bayi dilahirkan. Tembuni bayi akan dibacakan mantera untuk mengelak gangguan makhluk halus. Masyarakat Kedayan mempercayai tentang kembar manusia iaitu Tembuni, tali pusat, Uri dan Ketuban adalah kembar manusia. Mantera akan dibaca supaya kembar manusia tersebut akan menjaganya. Kembar ini akan mengikut manusia sampailah manusia tersebut meninggal dunia. Sebahagian daripada kepercayaan tentang manusia ini berasal daripada kepercayaan pra-Islam khususnya dinamisme-animisme. Mandi Langir merupakan upacara ritual yang masih diamalkan oleh masyarakat Kedayan di Sipitang, Sabah. Secara umumnya, tujuan mandi langir adalah untuk membersihkan diri seseorang. Dalam konteks masyarakat Kedayan di Sipitang, mandi langir ini dilakukan oleh orang tua yang berilmu dan berpengalaman. Dalam masa yang sama, ada mantera atau bacaan tertentu yang dilafazkan sebelum dilakukan mandi langir tersebut. Lazimnya, mandi langir ini dilakukan kepada seseorang dalam upacara peralihan seperti sewaktu berkhatan dan majlis perkahwinan, ibu yang selepas habis pantang melahirkan anak dan wanita selepas habis datang bulan. Pada dasarnya amalan tradisi mandi langir boleh diteruskan dengan memperbetulkan niat dan kefahaman yang tidak sepadan dengan ajaran Islam. Hal ini kerana sesuatu amalan tersebut adalah bergantung kepada niat ke atasnya. Masyarakat Kedayan ditakuti dan dihormati kerana persepsi bahawa mereka mempunyai pengetahuan di dalam sihir dan ilmu ghaib. Bomoh dan dukun Kedayan dipercayai merupakan pengantara yang pakar iaitu mereka dianggap

University of Malaya

mempunyai kebolehan untuk berhubung dengan orang halus bagi mendapatkan bantuan dalam hal-hal tertentu. Hal ini amat berkait-rapat dengan pengamalan mantera sebagai salah satu cara berkomunikasi dengan makhluk ghaib tersebut. Masyarakat Kedayan khususnya di Sipitang masih dilingkari oleh petua dan amalan mantera yang mempunyai pelbagai fungsi dalam membantu kehidupan mereka. Antaranya ialah mantera bagi menyembuhkan pelbagai penyakit, mantera bagi menjaga rumah mereka khususnya daripada gangguan makhluk halus serta mantera yang berfungsi untuk menjauhkan perkara yang tidak diingini daripada berlaku seperti menolak hujan dan sebagainya. Di samping itu juga terdapat beberapa petua dan pantang larang dalam kehidupan mereka. Hasil kajian mendapati sesebuah mantera itu bermasalah dan tidak boleh diamalkan sekiranya ia tidak boleh difahami maksudnya. Hal ini kerana dibimbangi mantera tersebut ada kaitan dengan pemujaan selain daripada Allah. Perkara penting yang perlu diambil kira ialah mantera tersebut tidak menyeru pada jin atau mambang. Lazimnya mantera atau jampi dalam masyarakat Islam di Nusantara bermula dengan cerita tentang asal manusia, seterusnya keadaan sakit tersebut seperti perut memulas dan sebagainya. Di akhirnya barulah permohonan kepada Allah SWT bagi penyakit yang disebutkan. Kajian ini telah berjaya merungkaikan persoalan penggunaan mantera yang bertentangan dengan agama Islam dan amalan-amalan yang disesuaikan dengan Islam. Kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji dari aspek jenis-jenis mantera yang dikaji serta petua dan amalan dalam kecantikan wanita.

Pada tahun 2017, Syamsul Azizul Bin Marinsah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya telah menjalankan kajian yang bertajuk "*Unsur Sinkretisme dalam Uruf dan adat masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari perpespektif hukum Islam*". Hasil daripada kajian yang dilakukan ini, beliau mendapati masyarakat Bajau mempunyai pegangan yang teguh terhadap agama Islam. Walau bagaimana pun, mereka masih berpegang kuat kepada amalan tradisi sehingga ke hari ini. Kedua-dua aspek ini



University of Malaya

dianggap sama penting demi kelangsungan hidup bermasyarakat. Justeru itu, secara tidak langsung sebenarnya wujud konflik antara ajaran Islam dan amalan tradisi yang diamalkan orang Bajau Semporna namun ia tidak disedari atas faktor sinkretisme-Islam dalam adat resam orang Bajau. Sinkretisme-Islam dalam adat resam Bajau secara mudahnya dapat difahami 'campur aduk' antara syariat Islam dan adat resam Bajau. Pada hari ini, rata-ratanya adat yang diamalkan oleh orang Bajau banyak mengalami perubahan. Dari asalnya animisme atau Hindu-Buddha, ia mampu diserapkan unsur-unsur Islam agar kononnya ia didakwa tidak bertentangan dengan syariat Islam. Hakikatnya, asimilasi ajaran Islam dan adat resam Bajau tidak mengalami perubahan secara kesuluruhan. Walaupun ajaran Islam tetap dijadikan sebagai tunjang asas dan panduan hidup, namun dalam penyelenggaraan sesuatu adat, terdapat unsur-unsur pra-Islam yang dipercayai mempengaruhi kehidupan orang Bajau. Fenomena sinkretisme agama dalam ajaran Islam boleh menyebabkan kekeliruan dalam memahami sesuatu ajaran yang dipercayai oleh seseorang individu Bajau Muslim.  Pemikiran etnik Bajau pada hari ini masih dipengaruhi kekangan budaya tradisi. Kekangan yang dimaksudkan ialah kepercayaan, pengalaman, persekitaran, agama dan adat resam. Meskipun masyarakat Bajau Semporna pada hari ini mendapat pendidikan secara formal, namun sisa kekangan masih lagi wujud dan sedikit sebanyak masyarakat Bajau berpegang teguh padanya. Pada dasarnya, keadaan ini tidak begitu disedari tetapi akan terserlah apabila membabitkan amalan tradisi masyarakat Bajau. Oleh sebab itu, unsur budaya, alam sekitar, sejarah dan agama terbukti berperanan menyumbang kepada hala tuju corak serta arah pemikiran masyarakat Bajau. Agama Islam berperanan penting membentuk pemikiran etnik Bajau. Walaupun orang Bajau Semporna masih berpegang teguh dengan amalan tradisi. Terdapat konflik antara adat resam yang diamalkan masyarakat Bajau Semporna dan syariat Islam. Walaupun konflik ini tidak begitu kelihatan memandangkan banyak adat resam Bajau yang cuba disesuaikan dengan kehendak

University of Malaya

agama dan persekitaran, namun jika dianalisis dengan mendalam, ia sebenarnya mempunyai konflik yang begitu besar memandangkan konflik tersebut banyak berkait rapat dengan unsur syirik dan khurafat yang membawa kepada dosa besar ke atas pelakunya. Ini disebabkan implikasi daripada fenomena sinkretisme-Islam. Fenomena sinkretisme ini menyebabkan masyarakat Bajau keliru dalam membezakan perkara adat atau syariat. Seolah-olah segala adat resam Bajau telah diharmoniskan dengan kehendak agama, maka ia tidak ditegah untuk diamalkan.

Kajian yang dijalankan hampir sama dengan kajian Ros Aiza Mohd Mokhtar dengan meneliti tentang amalan tradisi masyarakat yang terdiri daripada adat resam, penggunaan mantera dalam kehidupan menurut pandangan Islam. Walaupun kajian ini tentang masyarakat Bajau tetapi ia diteliti dalam aspek lokasi yang berbeza iaitu Semporna dan Kota Belud.

Kajian tentang mantera turut dilakukan oleh Fadzlina Binti Amran (2001) yang bertajuk "*Jampi dan Mantera: Suatu Analisis Genre*". Kajian ini melihat tentang fungsi jampi dan mantera sebagai genre sastera. Kajian ini cuba menghuraikan jampi dan mantera dari segi struktur dan konteks penggunaannya yang berbeza dengan genre sastera yang lain. Fazlina menggunakan teori strategi komunikasi dan dapatan kajian beliau mendapati jampi dan mantera bukanlah sekadar amalan untuk menyembuhkan penyakit atau memuja sesuatu tetapi mempunyai strategi komunikasi dan taraf kesopanannya yang tersendiri. Jampi mantera mempunyai peranan yang tersendiri walaupun kebanyakannya berpendapat ia hanyalah amalan yang berunsurkan magis dan ritual. Kajian ini amat jauh bezanya dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang melihat mantera dari sudut kecantikan dan amalan wanita Bajau.

Hebransyah Usman (2014) telah melakukan kajian peringkat sarjana yang bertajuk "*Mantera dalam perubatan dan perbomohan Melayu Kerinci:Analisis fungsi*". Kajian

University of Malaya

ini menggunakan Pendekatan Sosiologi Sastera dengan menggunakan Teori Fungsional. Kajian ini telah menggunakan sebanyak 60 jenis mantera perubatan dan 60 jenis mantera perbomohan sebagai bahan kajian dalam tesis ini. Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah merumuskan bahawa dari aspek elemen puitika memaparkan mantera adalah karya sastera puisi Melayu tradisional yang kaya dengan nilai-nilai seni. Dari aspek fungsi dan peranan mantera, sistem perubatan tradisional telah diiktiraf dalam institusi lembaga adat dan institusi kemasyarakatan di alam Kerinci. Sehubungan dengan perkembangan era teknologi moden, kedudukan mantera dalam masyarakat Melayu Kerinci pada masa sekarang, dikesan masih relevan diguna pakai sebagai keperluan hidup, kerana mantera perubatan dan perbomohan di Kerinci, adalah suatu kegiatan yang tidak hanya berfokus pada perubatan penyakit fizikal saja tetapi juga dalam bidang perubatan penyakit mentaliti dan juga penyakit sosial (*syndrome fower*). Bilamana seorang bomoh ikut dilibatkan dalam institusi adat-istiadat, dan kedudukan bomoh tersebut ditempatkan sebagai *public figure.* Peranan yang dimainkan bomoh sebagai pengamal mantera, hal itu merupakan satu indikator bahawa mantera dan bomoh masih diperlukan dalam kalangan masyarakat Kerinci. Dari kepelbagaian kegiatan bomoh sebagai seorang tokoh yang berfungsi dan berperanan sebagai pencipta, pemelihara, pengamal dan pewaris mantera adalah bersesuaian dengan pandangan dunia (*cosmology*) dan sistem kepercayaan masyarakat Kerinci. Kedudukan mantera perubatan dan perbomohan di Kerinci, adalah suatu kegiatan magis yang bersifat *holistic* (menyeluruh) yang melibatkan elemen-elemen sosial-budaya dan sistem kepercayaan masyarakat. Selama kedudukan institusi bomoh masih tetap kekal berada dalam institusi adat, maka dijangkakan selama itu pula mantera perubatan dan perbomohan diperlukan di dalam masyarakat Kerinci sebagai keperluan hidup di dalam kehidupan sosio-budaya mereka. Kajian ini bersifat mendokumentasikan mantera dan pengkaji tidak membuat analisis mantera ini dengan begitu mendalam dari pelbagai aspek. Kajian ini berbeza

University of Malaya

dengan kajian yang dijalankan kerana pengkaji akan meneliti mantera dari aspek kecantikan wanita serta amalan dan petua yang digunakan tetapi mempunyai persamaan yang sama dari aspek pendekatan kajian dan teori yang digunakan.

Efioren Binti Majea (2014) dalam disertasi sarjananya yang bertajuk *"Kepercayaan dan Amalan Tradisi yang Terangkum Dalam Aktiviti Perikanan Nelayan Bajau di Daerah Kota Marudu,Sabah"*. Kajian ini dilakukan secara etnografi dengan memberi tumpuan kepada aspek kepercayaan dan amalan tradisi/warisan dalam aktiviti perikanan dan kehidupan seharian nelayan Bajau di daerah tersebut. Amalan tradisi yang dikaji meliputi ritual, pantang-larang dan juga petua yang diamalkan oleh masyarakat Bajau.Walau bagaimanapun,kajian ini tidak menyentuh tentang mantera dan amalan dalam kecantikan wanita Bajau di daerah Kota Marudu. Kajian ini hanya membincangkan tentang mantera yang berkaitan dengan ritual yang melibatkan aktiviti perikanan.

Kajian terhadap mantera juga telah dilakukan oleh pengkaji dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, iaitu Minah Sintian. Minah Sintian telah membuat kajian yang bertajuk "*Mantera Atau Rinait Kadazandusun: Tinjauan Dalam Aspek Pengamal Dan Fungsinya Dalam Kehidupan"* di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2012. Dalam kajian ini, beliau melihat *rinait* digunakan dalam upacara pemujaan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat Kadazandusun tradisional. Masyarakat Kadazandusun mempercayai bahawa alam yang dihuni oleh manusia ini bukan sahaja dihuni oleh makhluk yang kelihatan bahkan juga makhluk ghaib. Manusia perlu berkompromi dengan makhluk ghaib untuk keharmonian dan kesejahteraan hidup manusia seperti membuka tanah baru sama ada untuk pertanian mahupun untuk membuat rumah. Justeru *bobolian* harus dipanggil untuk berdoa bagi meminta izin dengan makhluk yang tidak kelihatan itu agar tidak mengganggu ketenteraman manusia yang menggunakan tanah

University of Malaya

tersebut. *Rinait* merupakan pancaran pemikiran masyarakat tradisional yang 'genius' sehingga *rinait* telah dibudayakan dalam setiap detik kehidupan. Bagi mereka *rinait* adalah pegangan kepercayaan yang bukan sahaja untuk keharmonian makhluk yang kelihatan bahkan juga untuk makhluk supernatural demi keharmonian dan kesejahteraan hidup. Kajian ini menjelaskan tentang kepentingan Rinait atau mantera dalam masyarakat Kadazandusun. Masyarakat ini mengamalkan rinait dalam kehidupan mereka yang melibatkan upacara pembukaan tanah ladang untuk bercucuk tanam dan aktiviti yang lain dalam kehidupan mereka. Bagi masyarakat Kadazandusun mereka amat menghormati aktiviti yang berkaitan dengan penanaman padi. Oleh itu, untuk memohon agar tanaman mereka sentiasa subur dan diberkati, mereka akan mengamalkan *rinait* dalam membantu pekerjaan mereka.

Seterusnya, kajian pada peringkat sarjana juga dilakukan di Universiti Diponegoro Semarang oleh Uniawati (2007) yang bertajuk "*Mantra Melaut Suku Bajo: Interpretasi Semiotik Riffaterre*" telah melihat pemikiran suku bajo dalam mantera yang digunakan untuk aktiviti perikanan. Menurut pengkaji, suku Bajo amat terkenal dengan kehebatan mereka di laut kerana kehidupan masyarakat ini adalah berasaskan laut. Mereka menjalani kehidupan dengan menjadikan perahu sebagai rumah kediaman mereka berbanding dengan masyarakat lain yang hidup di darat. Menurut pengkaji, Suku Bajo yang ada di Sulawesi Tenggara, khususnya di Kendari sangat terkenal dan akrab sesama masyarakat mereka yang mendiami perahu, tinggal dan hidup di laut, berbanding dengan masyarakat yang tinggal di darat dan mereka beranggapan masyarakat di darat tidak memberikan kepentingan kepada suku Bajo yang mendiami laut (Uniawati, 2007: 28). Oleh kerana kehebatan suku Bajo di laut, mereka amat mempercayai kewujudan makhluk ghaib di laut yang perlu dipuja untuk menyenangkan dan memberi keyakinan terhadap mereka dalam urusan di laut. Suku Bajo amat mempercayai kuasa mantera dapat menolong dan menjamin keselamatan mereka dalam melakukan pekerjaan di laut

University of Malaya

seperti menangkap ikan, tujuan pelayaran dan sebagainya. Mantera yang diamalkan oleh masyarakat Bajo ini memaparkan pemikiran dan nilai-nilai budaya mereka. Kajian ini menggunakan Teori Semiotik untuk mengungkapkan tanda-tanda di sebalik mantera yang dikaji. Kajian ini dilakukan kerana ingin mengetahui makna yang terkandung dalam mantera melaut suku kaum Bajo melalui pembacaan heuristik dan hermeneutik serta untuk menentukan matriks dan model yang terdapat dalam mantera tersebut. Di samping itu, kajian ini juga untuk melihat hubungan intertekstual mantera melaut dengan teks lain. Walaupun terdapat 58 buah mantera yang diperolehi daripada kajian lapangan tetapi analisis hanya dibuat ke atas 10 buah mantera sahaja yang dipilih berdasarkan fungsi dan jenis mantera yang digunakan untuk tujuan perikanan. Hasil kajian mendapati mantera yang digunakan terdapat pengaruh bugis dan Arab. Pengkaji juga mendapati kajian interteks terhadap mantera laut masyarakat Bajo mempunyai hubungan dengan ayat-ayat Al-Quran. Hasil penelitian pengkaji itu juga mendapati masyarakat Bajo digambarkan mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap Tuhan, kewujudan nabi-nabi, dan mahluk ghaib dan kekuatan ghaibnya. Bagaimanapun kajian ini hanya menumpukan mantera yang digunakan oleh nelayan seperti memancing, menangkap ikan dan sebagainya. Manakala kajian pengkaji pula melibatkan mantera sebagai pakaian diri yang berkaitan dengan kecantikan wanita Bajau. Sama seperti Hebransyah mantera dan amalan kecantikan wanita Bajau ini akan dianalisis menggunakan Teori Fungsional yang meneliti tentang fungsi mantera tersebut.

Dari aspek kecantikan pula terdapat juga beberapa kajian di peringkat doktor falsafah yang memberi tumpuan kepada penjagaan kesihatan. Penjagaan kesihatan yang betul akan memberikan kecantikan kepada diri si pengamalnya. Kajian-kajian itu adalah seperti yang dilakukan oleh Sharifah Suraya binti Syed Jamaluddin (2010) dan kajian oleh Salmah binti Omar (2010) juga. Tajuk kajian mereka hampir sama iaitu "*Penjagaan Kesihatan wanita Melayu Kampung Selarong Perak*" dan "*Penjagaan Kesihatan*

University of Malaya

*Masyarakat Melanau Islam Kampung Jepak, Bintulu, Sarawak"*. Sharifah melakukan kajian di Perak, manakala Salmah pula melakukan kajiannya di Sarawak. Tumpuan kajian kedua-dua tesis ini hampir sama iaitu tentang amalan-amalan yang dilakukan dalam kedua-dua masyarakat tersebut untuk memastikan kesihatan mereka baik dan sudah pasti apabila kesihatan baik maka kecantikan akan terserlah. Kedua-dua kajian ini tidak pula menyatakan apakah teori yang mereka gunakan, sebaliknya hanyalah aplikasi kepada beberapa konsep yang berkaitan dengan amalan penjagaan kesihatan.[2]

Kajian yang dilakukan oleh Roziah Omar (1994) yang bertajuk "*The Malay Woman in the Body Between Biology and Culture"* telah membincangkan tentang kecantikan menurut pandangan masyarakat Melayu di Melaka. Selain daripada itu,kajian ini juga turut membincangkan tentang kesihatan serta amalan dan pantang larang yang diamalkan oleh wanita Melayu bagi menjaga kecantikan mereka yang meliputi penjagaan semasa haid,mengandung serta selepas putus haid. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji dalam meneliti amalan penjagaan kecantikan wanita Bajau.[3]

Berdasarkan tinjauan perpustakaan yang berkaitan dengan tajuk mantera, didapati banyak kajian tentang aspek ini telah dijalankan oleh sarjana-sarjana luar negara mahupun di dalam negara. Kajian peringkat Sarjana yang berkaitan dengan Mantera telah dilakukan oleh sarjana dari Indonesia iaitu Fajar Kusworo Adi pada tahun 2013 di Universiti Negeri Yogyakarta. Kajian beliau bertajuk "*Kajian Filologi Dan Analisis Mantra Dalam Serat Piwulang Sunan Kalijaga"*. Kajian ini menghuraikan hasil penelitian yang berupa kajian filologi berdasarkan naskah yang ditranskripsi dan

---

[2] Kajian ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab 2

[3] Akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab 2

University of Malaya

diterjemahkan. Hasil deskripsi tentang jenis-jenis mantera dalam teks *Serat Piwulang Sunan Kalijaga*, berjaya menemui 6 jenis mantera, iaitu mantera *Pengasihan (Pengasih*), (21 mantera), mantera *kanuragan (Kebal)* (12 mantera), mantera *panyuwunan (Pekerjaan)* (13 mantera), mantera *panulakan (Pendinding)* (5 mantera), mantera *panglarutan (Pakaian diri)* (5 mantera), mantera *trawangan (Alam Ghaib)* (4 mantera). Mantera-mantera tersebut adalah ajaran yang ditujukan kepada raja-raja di Jawa. Kajian ini juga turut mengkaji struktur dan pola mantera dalam teks *SPSK.* Walaupun kajian ini merupakan kajian yang berdasarkan teks tetapi telah berjaya menghuraikan jenis-jenis mantera yang terdapat dalam teks yang dikaji. Selain daripada itu, kajian ini juga turut menjelaskan tentang struktur dan pola mantera yang terdapat dalam teks yang dikaji. Kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji dari segi teori dan kaedah yang digunakan serta aspek yang dikaji iaitu kecantikan wanita.

Kecantikan juga adalah berkait rapat dengan petua-petua dan juga pantang larang yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat. Sehubungan dengan itu, terdapat juga beberapa kajian tentang petua dan amalan yang dijalankan oleh sarjana-sarjana tempatan. Antaranya ialah kajian yang dibuat oleh Hamidah Abdul Wahab Hassan pada tahun 2013 yang bertajuk "*Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak*". Kajian ini melibatkan kajian etnografi di lapangan, iaitu rakaman perbualan dan catatan tentang petua-petua dan pantang larang Melayu Sarawak. Petua-petua dan pantang larang yang dikumpulkan merangkumi beberapa aspek seperti penyakit, hal berkeluarga, keselamatan diri, masakan dan makanan, bercucuk tanam (pekerjaan), bertemu binatang bahaya, kebersihan, kecantikan, dan petua-petua serta pantang larang lain yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Responden kajian ini merupakan warga peribumi Melayu Sarawak dari kawasan Serian, Simunjan dan Kuching. Mereka terdiri daripada golongan berusia 50 tahun ke atas, yang dianggap matang dengan persekitaran, budaya dan alamnya. Kajian juga meliputi dalam aspek kecantikan kaum Melayu

University of Malaya

Sarawak yang berupa petua perubatan, petua persediaan untuk pengantin secara khususnya pula melibatkan bahan bahan semula jadi untuk pelbagai tujuan dan manfaat kesihatan serta kecantikan. Selain dapat menghaluskan dan melembutkan kulit, amalan ini dipercayai dapat menaikkan seri muka pengantin. Untuk menaikkan seri wajah juga, pengantin perlu minum air campuran kunyit dengan sedikit gula. Amalan petua tradisional ini sangat penting dilakukan untuk memastikan bakal pengantin kelihatan sihat, bersih dan berseri semasa persandingannya, dan resam ini masih kekal dilestarikan pada zaman. Di samping itu, terdapat doa yang perlu dibaca semasa petua atau amalan tersebut diadakan. Doa tersebut jelas menunjukkan kehadiran unsur-unsur Islam dengan pengutaraan kata-kata seperti ucapan Bismillahirrahmanirrahim, Allah, Rasulullah dan sebagainya, di samping penonjolan penggunaan bahan semula jadi yang bermanfaat untuk kesihatan dan kecantikan diri seperti kunyit. Hal ini jelas menunjukkan bahawa amalan petua menggunakan elemen tumbuhan berserta doa tersebut masih lagi berpaksi kepada agama suci Islam, kerana pengamalnya tidak memasukkan unsur pemujaan terhadap roh, kuasa ghaib dan sebagainya. Hal ini mirip dengan amalan masyarakat Melayu dahulu, iaitu selepas menerima Islam, masyarakat Melayu lazim memulakan jampi serapah dan mantera perubatan mereka dengan bacaan “Bismillahirrahmanirrahim” dan mengakhirinya dengan lafaz “Dengan berkat kalimah Lailaha illallah, Muhammadar-Rasulullah”, untuk menambahkan mujarab dan keberkesanannya. Kajian ini merupakan kajian yang amat baik untuk melestarikan amalan dan petua–petua yang telah diamalkan oleh golongan tua sesebuah masyarakat..

Kajian tentang pantang larang dan adat resam masyarakat Bajau di Sabah dilakukan oleh Radik Taim dalam kajiannya yang bertajuk *Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013. Kajian ini telah menjelaskan tentang beberapa pantang larang dan adat resam dalam masyarakat Bajau, yang melibatkan pekerjaan serta amalan-amalan dalam masyarakat Bajau, contohnya

amalan membuka pintu rumah awal pagi sebelum matahari terbit perlu diamalkan kerana boleh mendatangkan rezeki yang berterusan. Di samping itu terdapat juga adat resam dan pantang larang yang lain yang melibatkan pekerjaan, amalan kecantikan, pertanian, kesihatan dan sebagainya. Kajian ini perlu diteruskan agar dapat melestarikan adat resam dan pantang larang warisan nenek moyang untuk tatapan generasi akan datang. Kajian ini ada kaitan dengan kajian pengkaji dari aspek petua dan amalan dalam masyarakat Bajau.

Terdapat juga kajian di peringkat latihan ilmiah yang banyak dilakukan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Antara kajian-kajian tersebut ialah seperti kajian yang dilakukan oleh Siti Zurializa binti Mahmood (2000/2001) yang bertajuk "*Penjagaan Kecantikan di Kalangan Wanita Melayu: Satu Kajian Kes di daerah Klang Selangor*". Kajian ini lebih bertumpu kepada cara-cara penjagaan kesihatan yang akan menjurus kepada kecantikan seseorang wanita. Tidak ada amalan jampi atau doa-doa tertentu yang disentuh oleh pengkaji. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Normaizatulakmal Tujad (1996/97) yang bertajuk "*Amalan Menyerikan Wajah orang Melayu*" lebih bertumpu kepada proses mencantikan diri.

Kajian-kajian lain seperti yang dilakukan oleh Lutfi Omar (1988/89) di fakulti yang sama yang bertajuk *"Pengasih:Satu Kajian Kes di Kampung Pangkal Durian, Mahang, Kelantan"*. Kajian oleh Lutfi ini melihat aspek keberkesanan ilmu pengasih kepada si pengamalnya. Kajian ini juga kajian yang penting kepada pengkaji kerana ianya memberikan gambaran bahawa ilmu pengasih ini mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan orang-orang Melayu. Hal ini hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Sharifah Azizan binti Syed Ahmad (1984/85) yang bertajuk *"Ilmu Pemanis: Satu Tinjauan Mengenai Unsur Ritual, Simbolik dan Estetika Masyarakat di Kampung Jelawat, Kelantan"*. Bagaimanapun kajian oleh Sharifah ini cuba

University of Malaya

memperlihatkan bahawa ilmu pemanis ini boleh digunakan untuk menyatukan orang-orang Islam untuk aktiviti gotong royong, dan sebagainya. Ianya juga melihatnya sebagai amalan yang baik kerana menghargai warisan ilmu daripada nenek moyang si pengamal.

Dengan yang demikian, tidak terlihat adanya lagi kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana samada di dalam atau luar negara yang memfokuskan kepada kecantikan wanita Bajau secara khusus yang berkaitan dengan mantera masyarakat Bajau. Kajian-kajian yang dilakukan terlihat memfokuskan kepada masyarakat Melayu tetapi aspek penelitian adalah hampir sama seperti yang akan dilakukan oleh pengkaji.

## 1.3 Permasalahan Kajian

Kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana dan penyelidik sebelum ini sama ada yang mengkhusus kepada mantera sebagai pakaian diri, amalan pemakanan dan juga pantang larang adalah berkait dengan kecantikan. Bagaimanapun kajian-kajian tersebut dilakukan secara berasingan. Ini menyebabkan berlakunya kelompangan dalam kajian mereka jika hendak dilihat kepada kecantikan secara menyeluruh. Kecantikan juga sebenarnya bukan sahaja dipandang dari sudut luaran sahaja malah perlu penjagaan dari aspek dalaman wanita itu sendiri seperti sopan santun, berbudi bahasa, kebijaksanaan peribadinya dan juga kepatuhan wanita-wanita tersebut kepada aspek keagamaan.

Oleh kerana itu kecantikan yang sebenar tidak akan wujud jika tidak dilengkapi dengan penyediaan pakaian diri (seperti mantera, amalan pemakanan, petua, pantang larang) yang sesuai dengan sistem nilai dan konteks budaya satu-satu masyarakat. Bagi masyarakat Islam, pemakaian diri sering dikaitkan dengan doa dan kadangkala mantera. Kedua-dua aspek ini saling melengkapi dengan pemilihan pakaian, peralatan yang bersesuaian dengan sistem nilai budaya masyarakat itu sendiri.

University of Malaya

## 1.4 Persoalan Kajian

Antara persoalan yang menjadi perhatian pengkaji dalam melakukan kajian ini ialah:

1. Apakah jenis mantera dan amalan kecantikan yang diamalkan oleh wanita Bajau?
2. Bagaimana mantera dan amalan kecantikan itu dipraktikkan dalam kehidupan wanita Bajau?
3. Sejauh mana mantera dan amalan kecantikan tersebut sesuai diamalkan oleh wanita Bajau?

## 1.5 Objektif Kajian

Objektif ini menjelaskan tentang kajian yang dilakukan antaranya:

1. Mengumpul dan mengenal pasti jenis mantera dan amalan kecantikan yang diamalkan oleh wanita Bajau.
2. Menganalisis mantera dan amalan kecantikan yang dipraktikkan dalam kehidupan wanita Bajau.
3. Menilai dan merumuskan sejauh mana mantera dan amalan kecantikan tersebut sesuai diamalkan oleh wanita Bajau.

## 1.6 Bidang Kajian

Bidang kajian ini ialah sastera dan budaya. Ini kerana dalam karya sastera terdapat elemen-elemen budaya yang tercermin melalui perlakuan watak atau manusia (jika di lapangan). Oleh yang demikian gabungan di antara elemen sastera (mantera) dan juga perlakuan-perlakuan anggota masyarakat yang mengamalkan mantera dan amalan

University of Malaya

tertentu menyerlahkan perlakuan budaya. Jadi dengan tumpuan khusus terhadap pengumpulan mantera dan amalan-amalan yang dilakukan dalam sesebuah masyarakat kajian ini sebenarnya bersifat multi disiplin.

## 1.7 Bahan Kajian

Kajian ini menggunakan bahan mantera yang diperolehi daripada informan di kawasan kajian. Bahan kajian ini meliputi tentang jenis-jenis mantera yang berkaitan dengan kecantikan wanita serta amalan tentang kecantikan wanita masyarakat Bajau yang diperolehi daripada masyarakat di sekitar kampung yang dikaji. Terdapat 155 mantera telah dikumpulkan oleh pengkaji yang meliputi mantera kecantikan seperti pemanis, pendinding, penunduk/ penggerun, pengasih,penguat badan/kebal dan juga beberapa mantera yang berkait dengan awet muda. Juga dikumpulkan petua-petua serta amalan-amalan yang berbentuk doa-doa daripada ayat-ayat Al Quran yang diamalkan oleh wanita-wanita untuk tujuan yang sama. Semua mantera, petua-petua yang dikumpul dan digunakan di dalam kajian ini telah digunakan oleh masyarakat Bajau untuk memastikan kelangsungan hidup mereka. Mantera, petua serta amalan-amalan yang dipraktikkan dapat dilihat melalui budaya hidup seharian masyarakat Bajau. Kini, budaya ini masih dipraktikkan oleh sebahagian wanita Bajau walaupun dunia semakin canggih dengan arus pemodenan era teknologi maklumat.

## 1.8 Batasan kajian

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada mantera yang digunakan untuk tujuan kecantikan dan pakaian diri dalam kalangan wanita Bajau. Selain daripada itu, amalan serta petua dalam menjaga kecantikan wanita Bajau juga akan turut dikaji.



University of Malaya

Seterusnya lokasi kajian juga adalah terbatas kepada beberapa buah kampung yang dipilih atas faktor terdapatnya informan yang mempunyai kepakaran dalam mantera yang dikaji. Manakala bagi kajian survei atau tinjauan, lokasi kajian adalah lebih luas meliputi kampung-kampung terpilih daripada keseluruhan daerah Kota Belud. Terdapat 11 buah kampung yang terlibat dalam kajian ini, iaitu kampung Labuan,Kampung Pirasan, kampung Dundau, kampung Tanjung Wakap, kampung Tanjung Pasir, kampung Siasai Kumpang, kampung Jawi-Jawi, kampung Taun Gusi, kampung Pandasan, kampung Kulambai dan kampung Kuala Abai. Kajian ini hanya melibatkan beberapa orang penduduk kampung yang terkenal dalam bidang tertentu seperti Tukang urut, Mak andam, bomoh, tukang besi,bidan kampung dan sebagainya. Maklumat diperolehi daripada penduduk kampung yang lain yang mengetahui tentang bidang kepakaran informan tersebut.

## 1.9 Metodologi kajian

Metodologi kajian merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mengenal pasti tumpuan masalah kajian. Kajian ini termasuk dalam penelitian kualitatif. Penelitian kualitatif ialah kaedah untuk memperolehi maklumat berkualiti dengan memberikan fokus terhadap sampel kajian yang kecil. Lazimnya, ia digunakan dalam kajian penelitian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Penelitian kualitatif juga sering disebut dengan istilah lain seperti *interpretive research*, *naturalistic research*, dan *phenomenological research*. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan kajian kes dan pendekatan etnografi. Pengkaji memperkenalkan satu model kajian baru yang dibuat berdasarkan kombinasi beberapa model kajian oleh pengkaji yang terdahulu. Bagi mendapatkan data yang akan digunakan



University of Malaya

dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data berbentuk kajian kepustakaan dan kajian lapangan.

### 1.9.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan pengumpulan maklumat sebelum menganalisis dan menginterpretasikan data tersebut. Pengumpulan data hendaklah dilakukan secara berterusan dan konsisten. Teknik pengumpulan data ini hendaklah dirancang dengan teliti. Segala maklumat merangkumi prosedur temu bual, senarai informan, lokasi kajian, perbelanjaan sepanjang proses pengumpulan data, dan sebagainya hendaklah diurus sebaik mungkin sebelum melakukan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggabungkan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan bagi mengumpulkan data berkaitan.

#### *(a) Kajian Perpustakaan*

Pengumpulan bahan bacaan, tulisan tentang mantera dan amalan kecantikan, serta masyarakat Bajau banyak diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan. Bahan-bahan yang dikumpulkan tentang kajian termasuklah artikel-artikel yang tersiar dalam majalah, akhbar, kertas kerja, buku, latihan ilmiah, artikel dalam jurnal, disertasi dan tesis. Dalam kaedah perpustakaan ini, kaedah analisis dokumen diaplikasi iaitu dengan mendapatkan maklumat dan data melalui sumber primer dan sekunder yang diperolehi daripada kajian kepustakaan. Umumnya, analisis dokumen merupakan kaedah pengumpulan data yang relevan terhadap isu dan objektif yang ingin dicapai. Kaedah ini penting bagi tujuan mendapatkan informasi dan maklumat yang sahih dan tepat daripada sumber sekunder. Pengkaji juga cuba mendapatkan bahan-bahan arkib di Jabatan Arkib Negeri Sabah

University of Malaya

kerana ia merupakan rekod yang boleh digunakan untuk memahami budaya komuniti yang dikaji.

Pengkaji juga turut membuat rujukan di:

a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
b. Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
c. Perpustakaan Za'aba, Universiti Malaya.
d. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
e. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur
f. Perpustakaan Institut dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia
g. Perpustakaan Utama Universiti Putra Malaysia
h. Pusat Dokumentasi Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur
i. Pusat Dokumentasi Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Sabah
j. Perpustakaan Utama Universiti Malaysia Sabah

***(b) Kajian Lapangan***

Data yang menjadi bahan kajian ini diperolehi melalui kerja lapangan yang dijalankan di dalam daerah Kota Belud Sabah. Kerja lapangan ini dilakukan dalam tiga peringkat. Kajian peringkat pertama dan kedua dilakukan selama beberapa tahun bermula seawal tahun 2010 sehinggalah tahun 2013. Dalam metode ini, pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian. Lazimnya, kedua-dua kaedah ini perlu dilakukan secara serentak kerana kaedah pemerhatian mampu untuk memperkukuhkan data-data yang terhasil melalui kaedah temu bual.

University of Malaya

Penyelidikan kualitatif banyak bergantung kepada temu bual dalam mengumpul maklumat. Temu bual adalah kaedah secara langsung mendapatkan maklumat berbentuk pandangan daripada responden. Dalam metode ini, pada peringkat awal, pengkaji mendapatkan maklumat tentang latar belakang kampung dan penduduknya daripada temu bual dengan informan utama iaitu ketua kampung dan Jawatankuasa Kerja Kampung (selepas ini ditulis JKKK) kampung, serta pengamal mantera yang terdiri daripada bidan kampung dan orang yang mengamalkan mantera. Informan kajian ini kebanyakannya terdiri daripada orang-orang kampung yang berumur 50 tahun ke atas kerana mereka dianggap arif dan matang dengan persekitaran, adat tradisi dan juga budaya masyarakat Bajau. Banyak maklumat penting diperolehi dengan metode temu bual ini. Antaranya tentang jenis mantera kecantikan serta amalan adat tradisi Bajau dan agama Islam, pegangan orang Bajau terhadap ajaran Islam dan adat tradisi.

Pengkaji juga melakukan temu bual dengan masyarakat Bajau di daerah Kota Belud Sabah, bagi mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan dalam kajian ini. Di samping itu, pengkaji telah melakukan lawatan ke kampung-kampung di daerah Kota Belud. Hasil dari lawatan ini, pengkaji mendapat maklumat mengenai pola petempatan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang terdapat di kampung tersebut. Pengkaji masih melakukan pemerhatian turut serta dan temu bual dengan masyarakat Bajau di daerah Kota Belud Sabah bagi mendapatkan bahan-bahan yang belum mencukupi semasa kajian lapangan yang pertama. Manakala kajian peringkat ketiga pula diadakan sepanjang 2014 sehingga 2017 untuk mendapatkan maklumat terkini bagi melengkapkan kajian pengkaji.

Sebelum menjalankan kajian, pengkaji telah membuat kaji selidik peringkat awal (pilot survey) tentang kampung-kampung yang majoriti penduduknya terdiri daripada masyarakat Bajau. Kampung-kampung ini dipilih berdasarkan beberapa info tentang

University of Malaya

pengamal ilmu-ilmu batin dan bidan kampung yang mempunyai pengetahuan luas tentang mantera dan petua-petua.

Daerah Kota Belud dipilih sebagai tempat kajian kerana beberapa sebab, antaranya daerah ini merupakan majoriti penduduknya adalah masyarakat Bajau. Kedua dalam masyarakat ini masih ada yang mengamalkan mantera dalam kehidupan seharian mereka. Ketiga, pengkaji merupakan seorang penduduk kampung di daerah Kota Belud. Pengalaman hidup di Kota Belud sejak dilahirkan hingga sekarang memberikan pengetahuan yang amat banyak kepada pengkaji tentang aspek kehidupan masyarakat Bajau di daerah tersebut. Perkara ini memberikan sedikit kelebihan kepada pengkaji berbanding dengan orang-orang luar yang ikut sama mengkaji masyarakat Bajau.

Kerja lapangan dilakukan dengan menggunakan dua teknik utama pengumpulan data, iaitu pemerhatian turut serta dan temu bual. Menurut Nanda dan Warms (2007), Maklumat diperoleh daripada pemerhatian pengkaji terhadap perlakuan anggota masyarakat, penglibatan dalam aktiviti kehidupan mereka dan temu bual dengan informan. Ahli etnografi melibatkan diri secara terang- terangan atau tersembunyi dalam setiap aktiviti kehidupan masyarakat dalam jangka masa tertentu. Pengkaji memerhati apa yang berlaku, mendengar apa yang dikatakan, menanyakan soalan dan mengumpul apa sahaja data yang berkaitan dengan isu yang menjadi fokus kajian (Hammersey dan Atkinson, 1995). Data yang diperoleh adalah tulen dan menggambarkan sistem budaya.

Pengkaji memilih kaedah pemerhatian turut serta kerana ia merupakan teknik utama yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji budaya untuk meneliti sesuatu fenomena budaya. Pemerhatian turut serta juga merupakan teknik asas kepada teknik pengumpulan maklumat yang lebih khusus dan teliti. Melalui teknik pemerhatian turut serta ini, pengkaji dapat mengutip data secara terus daripada masyarakat yang diperhatikan dan memeriksa

University of Malaya

kesahihan maklumat yang dikutip melalui teknik-teknik lain seperti teknik temu bual dan soal selidik.

Beberapa kaedah digunakan bagi mendapatkan bahan mantera, petua serta amalan lain yang masih diamalkan dalam masyarakat Bajau.

Antara teknik yang digunakan untuk mendapatkan bahan adalah:

**i. Temu bual**

Teknik ini digunakan bagi mencari maklumat daripada informan yang terdiri daripada penduduk kampung yang dikenali oleh ramai orang akan kebolehannya, seperti bidan kampung, tukang urut, bomoh, petani, nelayan, penternak, tukang besi dan sebagainya. Temu bual dilakukan untuk mendapatkan latar belakang informan serta bagaimana mereka mempelajari serta amalan pantang larang mantera tersebut. Semasa melakukan kajian ini, tidak semua informan bersedia untuk memberikan kerjasama. Ada sesetengahnya menganggap mantera yang dimiliki adalah milik individu dan tidak boleh dikongsikan. Temu bual dirakam dengan menggunakan pita rakaman. Terdapat juga informan yang telah menyediakan mantera yang telah dibuat salinan dan diberikan secara percuma kepada pengkaji. Selain itu, dapatan kajian melalui temu bual juga bergantung kepada kesediaan informan untuk berkongsi pengalaman mereka. Namun terdapat juga perkara-perkara yang kekal menjadi rahsia dalam kalangan informan yang tidak boleh dikongsikan dengan pengkaji contohnya berkenaan petua-petua dan mantera-mantera tertentu.

Kaedah temu bual secara informal dan tidak berstruktur digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang adat dan budaya masyarakat Bajau di daerah Kota Belud. Antara aspek yang ditemu bual bermula dari aspek mantera dan amalan kecantikan yang berkaitan kepercayaan tradisi. Metode temu bual juga turut digunakan semasa aktiviti pemerhatian

University of Malaya

ikut serta (observasi) pengkaji di kawasan lapangan kajian. Bagi memastikan kesahihan maklumat yang didapati, pengkaji memilih informan-informan yang mempunyai pengetahuan luas tentang amalan budaya masyarakatnya serta mempunyai kedudukan istimewa dalam masyarakat tersebut seperti pemimpin atau ketua kampung, orang-orang tua yang berpengalaman, dukun, bidan dan sebagainya.

Antara informan yang ditemu bual ialah;

1) Hj.Abdul Majad Bin Hj Halim

Berumur dalam lingkungan 58 tahun.Merupakan pengusaha serta pembuat parang Bajau yang terkenal di Kg. Siasai Kumpang Kota Belud Sabah. Berkebolehan dalam hal yang berkaitan agama serta adat resam masyarakat Bajau Daerah Kota Belud.

2) Raneh Binti Jami

Berumur 60 tahun. Berpengetahuan luas dalam hal penjagaan serta amalan kecantikan wanita Bajau dalam kalangan masyarakat Bajau di Kampung Siasai Kumpang Kota Belud.

3) Haji Musa bin Melan

Merupakan pengamal mantera dan berkebolehan dalam pelbagai perkara yang melibatkan penjagaan diri serta merupakan orang yang terkenal dalam kalangan penduduk Kampung Kuala Abai ,Kota Belud

4) Jamrah Binti Kasam

Berumur 64 tahun dan mempunyai pengetahuan yang luas tentang mantera dan berkebolehan dalam bidang penjagaan wanita dan mahir dalam aspek penggunaan herba masyarakat Bajau di Kg.Labuan.

University of Malaya

5) Memah binti Kasab

Berumur 60 tahun,berkebolehan sebagai Tukang Urut serta bidan kampung dan juga merupakan seorang pengamal Perubatan Tradisi di kampung Tanjung Pasir, Kota Belud, Sabah.

6) Hajah Lidah binti Udin

Berumur 86 tahun dan merupakan golongan tua yang terdapat di Kampung Pirasan. Berkebolehan dalam bidang mantera terutamanya yang berkaitan dengan kecantikan serta amalan wanita Bajau.

7) Hajah Siah binti Udin

Berumur 75 tahun dan berkemahiran dalam urusan fardhu kifayah.Juga merupakan seorang bidan dan Mak Andam yang terkenal serta berkebolehan dalam bidang pengubatan tradisi di kampung Dundau Kota Belud.

8) KK.Muhiddin Bin Atoh

Merupakan mantan Ketua Kampung Jawi-Jawi.Amat berkebolehan dalam hal yang berkaitan dengan mantera,bidang pengubatan tradisi serta berpengetahuan luas dalam hal yang berkaitan adat istiadat dan keagamaan. Berkebolehan dalam bidang seni terutamanya nyanyian,berzanji dan sering diundang ke majlis keramaian dan yang berkaitan dengan keagamaan.

9) Melum Bin Rambab

Pengamal perubatan tradisi terutamanya yang berkaitan dengan rawatan tulang. Berpengetahuan luas dalam bidang mantera terutama yang berkaitan dengan kekebalan dan perlindungan diri. Merupakan seorang yang amat disenangi dan disegani di Kampung Siasai Jaya.

University of Malaya

10. Jamari Seleh

Berpengetahuan dalam bidang penjagaan diri serta berkebolehan dalam hal pengubatan tradisi di Kampung Jawi-Jawi Kota Belud.Berumur dalam lingkungan 60 tahun.

11. Haji Diman Bin Taup

Mantan Ketua Kampung Wakap Kota Belud. Seorang yang amat terkenal kerana kemahirannya dalam melagukan nyanyian rakyat masyarakat Kota Belud yang lebih dikenali sebagai *"Syair"*. Sering mengetuai hal-hal yang berkaitan adat istiadat masyarakat Bajau seperti perkahwinan dan kematian. Beliau juga amat berkebolehan dalam seni persembahan masyarakat Bajau seperti *Berunsai,*serta mahir memainkan alat muzik masyarakat Bajau seperti gendang dan gong dalam acara *bertitik.* Beliau juga sering menjadi rujukan orang-orang kampung terhadap hal yang berkaitan dengan kepercayaan tradisi. Beliau berumur 80 tahun.

12. KK.Rudin

Merupakan Ketua Kampung Kulambai. Berkebolehan dalam hal yang berkaitan dengan kepercayaan tradisi serta adat istiadat masyarakat Bajau. Juga berpengetahuan dalam bidang mantera masyarakat Bajau.

13. Jaliah Binti Sabat

Pengamal perubatan tradisi masyarakat Bajau. Berpengetahuan dalam bidang mantera yang melibatkan kecantikan wanita.Amat dikenali dalam kalangan penduduk Kampung Siasai Kumpang Kota Belud.Berumur dalam lingkungan 60 tahun dan terlibat aktif dalm bidang perniagaan hasil pertanian di Tamu minggu.

University of Malaya

14. Kernah Binti Haji Ismail

Berumur 64 tahun,berpengetahuan luas dalam bidang keagamaan dan fardhu Kifayah.Terlibat secara aktif dalam adat istiadat masyarakat Bajau.Juga berpengetahuan luas dalam bidang penjagaan serta amalan kecantikan yang dilakukan masyarakat Bajau. Juga berkemahiran dalam bidang pengubatan tradisi di Kampung Jawi-Jawi Kota Belud.

15. Jandan Bin Sanuin

Berumur 65 tahun dan merupakan orang yang berpengetahuan dalam bidang mantera.Beliau juga mempunyai kemahiran dalam adat istiadat masyarakat Bajau di Kampung Pandasan Kota Belud.

16. Anda bin Sadung

Berumur 67 tahun dan berkemahiran dalam permainan alat muzik masyarakat Bajau seperti bergendang dan memukul gong dan bebandil.Beliau juga berpengetahuan luas tentang mantera di Kampung Pandasan Kota Belud.

17. Jaimah Binti Mit

Berumur 60 tahun dan merupakan bidan dan pengamal perubatan tradisi di kampung Kuala Abai Seberang Kota Belud. Berpengetahuan dalam hal yang berkaitan penjagaan serta amalan kecantikan wanita masyarakat Bajau.

18. Noorayah Syukor

Berumur 55 tahun dan berpengetahuan dalam hal kecantikan serta amalan wanita Bajau.Juga terlibat dalam hal yang berkaitan keagamaan serta adat istiadat masyarakat Bajau di kampung Pirasan.

University of Malaya

19) Hajah Baikah Oleh

Berumur 65 tahun dan berpengetahuan dalam hal yang berkaitan mantera kecantikan wanita serta amalan dan penjagaan kesihatan wanita. Juga berkemahiran dalam adat istiadat masyarakat Bajau di kampung Pirasan.

**ii. Pemerhatian**

Dalam kajian kualitatif antara teknik yang digunakan adalah pemerhatian. Pemerhatian dijalankan untuk mendapatkan gambaran adat dan budaya yang terdapat dalam masyarakat tersebut. Pemerhatian kualitatif adalah apabila penyelidik mengambil nota lapangan mengenai kelakuan dan tindakan individu di lapangan. Dalam nota medan ini, rekod penyelidik, dalam cara yang tersusun atau diarah menggunakan beberapa soalan terdahulu yang ingin diketahui, aktiviti di kawasan kajian. Pemerhati kualitatif juga boleh melibatkan diri dalam peranan yang berbeza dari seorang peserta kepada peserta lengkap. Biasanya pemerhatian ini terbuka di mana para penyelidik akan mengemukakan soalan-soalan umum kepada informan yang membolehkan mereka memberikan pandangan secara bebas. (Cresswell,2014)

Dalam kajian ini, pengkaji membuat pemerhatian turut serta terhadap perlakuan dan aktiviti seharian masyarakat Bajau khususnya dalam mantera dan penggunaannya terhadap kehidupan seharian khususnya dalam amalan kecantikan dan keterampilan wanita Bajau serta mengaitkan amalan ini dengan peralatan dan perlakuan mereka. Pengkaji memerhatikan amalan kehidupan seharian masyarakat Bajau tanpa memaklumkan kepada mereka bahawa mereka sedang diamati dengan tujuan supaya mereka tidak melakukan sesuatu itu di luar daripada amalan mereka. Dalam masa yang sama, pengkaji juga menemu bual informan untuk mendapatkan maklumat lanjut bagi melengkapkan maklumat yang diperoleh melalui pemerhatian turut serta. Seterusnya,

University of Malaya

pengkaji membuat catatan dalam buku nota catatan. Pengkaji mencatatkan apa sahaja tentang aktiviti yang diperhatikan secara objektif, bukan sahaja perlakuan yang dapat diperhatikan tetapi juga aspek-aspek subjektifnya. Pengkaji mencatat sesuatu fenomena atau perkara pada masa aktiviti itu berlaku dan sekiranya tidak berkesempatan pada waktu tersebut, pengkaji mencatatnya secepat mungkin setelah sampai di rumah. Dalam usaha mengumpulkan maklumat, pengkaji tidak menggunakan khidmat pembantu penyelidik. Pengumpulan maklumat mengenai mantera dan amalan kecantikan wanita Bajau dalam kehidupan seharian mereka dilakukan sendiri oleh pengkaji. Bagi memudahkan pengumpulan maklumat, pengkaji menggunakan buku nota catatan, pita rakaman dan kamera.

Pengkaji juga melakukan pemerhatian terhadap pengamal mantera. Contohnya semasa mengandam pengantin. Mak andam akan membacakan mantera semasa memandikan pengantin di awal pagi bagi tujuan untuk menaikkan seri wajah. Terdapat juga beberapa peralatan yang digunakan seperti sirih, pinang, gunting dan azimat yang akan dipakaikan terhadap pengantin. Terdapat juga mantera yang digunakan untuk menghadiri perbicaraan di mahkamah. Mantera ini akan ditulis di atas kertas kecil dan dilipat untuk diberikan kepada pihak yang akan menghadiri perbicaraan. Pemerhatian ini dilakukan secara sembunyi agar informan tidak berasa janggal untuk melakukan tugasnya.

### 1.9.2 Metode Analisis Data

Proses analisis data dilakukan untuk mengesan dan mengenal pasti bentuk-bentuk taburan data. Maklumat yang diperoleh daripada informan mahupun daripada kajian kepustakaan akan dikumpul dan seterusnya untuk proses analisis data dengan menggunakan kaedah tertentu. Antaranya ialah:

University of Malaya

### *(a) Metode Analisis Kandungan Kualitatif*

Analisis kandungan kualitatif merupakan satu metode yang sangat penting dalam kajian data kualitatif. Ia bertujuan melihat teks sebagai interpretasi makna secara dalaman dan subjektif. Ia berbeza dengan metode analisis kuantitatif yang lebih mementingkan numerik, statistik dan pengiraan secara objektif serta melihat data dengan aspek tersurat semata-mata. Analisis kandungan kualitatif akan dianalisis menggunakan analisis tema dengan cara pengekodan dan pengkategorian. Sehubungan itu, pengumpulan data yang diperoleh daripada kaedah pemerhatian ikut serta dan temu bual, pengkaji cuba menganalisisnya secara deskriptif. Segala data pemerhatian ikut serta dan temu bual telah dilaporkan dan disalin dalam bentuk transkrip.

### *(b) Metode Induktif dan Deduktif*

Kaedah induktif ialah satu proses mengambil dan menganalisis satu kesimpulan data-data yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan dan rumusan yang bersifat umum. Metode ini digunakan pengkaji untuk menerangkan konsep – konsep yang berkaitan dengan mantera serta amalan kecantikan wanita Bajau.

Metode deduktif pula ialah merupakan cara menganalisis semua data-data yang sifatnya umum untuk menghasilkan satu kesimpulan yang bersifat khusus. Metode ini digunakan pengkaji dalam menganalisis mantera dan amalan kecantikan dalam wanita Bajau di Kota Belud, Sabah. Hasil daripada analisis tersebut akan dijadikan kesimpulan khusus berhubung mantera kecantikan yang digunakan oleh wanita Bajau dan amalan-amalan kecantikan yang digunakan dan diperturunkan dari generasi ke generasi.

Kesemua metode-metode di atas diguna secara bersama dalam sebuah model yang pengkaji sendiri bangunkan berdasarkan kepada beberapa kajian terhadap mantera dan

University of Malaya

amalan kecantikan yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Model kajian ini dinamakan “Model Kajian Kecantikan Wanita Bajau” (MKWB). Model ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab 2. Model ini merupakan kombinasi beberapa buah kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu ke atas mantera dan amalan kecantikan yang diamalkan oleh masyarakat di kepulauan Melayu seperti orang Melayu di Malaysia, Sarawak dan juga di beberapa tempat lain di Kalimantan.

Sudah tentulah juga kajian ini tidak terlepas daripada menyentuh secara langsung atau tidak langsung dengan teori. Teori yang terlihat agak dominan dalam kajian seperti ini ialah fungsional dan tokoh yang terkenal dengan kajian terhadap masyarakat dengan cara melihat hubungan yang berlaku di antara anggota masyarakat yang membentuk sistem budaya. Salah seorang tokoh yang terkenal dalam kajiannya terhadap kehidupan masyarakat di Kepulauan Trobriand ialah Malinowski[4].

## 1.10 Konsep operasional

Konsep-konsep istilah yang berkaitan dengan kajian ini perlu dijelaskan terlebih dahulu supaya perbincangan yang seterusnya akan menjadi lancar dan difahami. Antara istilah yang akan dijelaskan dalam bab ini adalah tentang konsep mantera, jampi, kecantikan, amalan dan petua.

[4] Perbincangan tentang tokoh ini akan dilakukan dalam bab 2

University of Malaya

### 1.10.1 Mantera

Mantra berasal dari bahasa Sanskrit iaitu “mantra" atau “manir" yang merujuk pada kata-kata yang berada di dalam kitab Veda, iaitu kitab suci agama Hindu. Dalam masyarakat Melayu, mantera biasa dikenal sebagai serapah, jampi atau seru. (Kamus Dewan Edisi keempat).

Mantera merupakan kumpulan kata-kata yang dipercayai mempunyai kekuatan mistik atau ghaib. Mantera juga termasuk dalam puisi lama/tua, yang terdapat pada masyarakat Melayu bukan dianggap sebagai sebuah karya sastera, melainkan lebih berhubungan dengan adat istiadat dan kepercayaan.

Mantera biasanya digunakan atau diucapkan pada waktu dan tempat tertentu yang memiliki tujuan untuk menimbulkan suatu kemampuan tertentu bagi orang yang menggunakan atau mengucapkan mantera tersebut. Mantera umumnya diamalkan dan dikuasai oleh orang-orang tertentu, seperti dukun dan pawang.

Mantera juga tergolong dalam kesusasteraan lisan kerana mantera mempunyai bahasa berirama dan sangat indah.

Mantera juga kebiasaannya merupakan kata-kata yang berbentuk puji-pujian dan cara penyampaiannya adalah dengan menggunakan kalimah yang halus.

Mantera terdiri daripada pelbagai jenis dan setiap mantera tersebut mempunyai khasiat dan kegunaan masing-masing. Contohnya seperti mantera untuk kecantikan, mantera untuk tujuan perubatan, mantera pengasih, mantera pendinding daripada perkara-perkara yang tidak baik dan sebagainya. (Rujuk Harun Mat Piah, 1989; Haron Daud, 1997)

Mantera merupakan semua jenis pengucapan dalam bentuk puisi atau prosa yang mengandungi tujuan dan konotasi magis, pengubatan dan perbomohan. Dalam Bahasa

Melayu ia disebut sebagai jampi, serapah, tangkal, tawar, sembur, cuca, puja dan seru. Walaupun terdapat banyak istilah yang digunakan hanya mantera yang sesuai digunakan kerana fungsi yang sama iaitu untuk tujuan perubatan dan perbomohan. (Harun Mat Piah 1989:479)

Ismail Hamid (1987:233) pula mendefinisikan mantera sebagai susunan Bahasa yang berkerat-kerat, digunakan oleh pawang untuk menghubungi kuasa ghaib. Mantera juga digubah dengan susunan bahasa yang khusus yang tidak dapat difahami maksudnya oleh orang-orang biasa. Hanya mereka yang terlibat dalam bidang perbomohan sahaja yang arif mengenainya. Kata-kata dalam mantera dipercayai mempunyai kekuatan ghaib atau luar biasa sehingga mampu memberi kesan terhadap hajat seseorang.

Md. Ali Bachik (1989:14), Amran Kasimin (1991:7) dan Zainal Abidin Borhan (1993:7) berpendapat mantera merupakan pengucapan lisan yang merujuk kepada hal-hal magis, perubatan, perbomohan dan adat istiadat. Mantera merupakan Kalimah suci dan berhikmat untuk menghubungkan dua alam dan dimulakan dengan cerita asal-usul sebagai pembuka kata, bertabik, sirih pinang dan mengalu-alukan para hadirin.

### 1.10.2 Jampi

Jampi bukan sekadar kata-kata yang punya makna simbolik malahan ia dikalimatkan sebagai pendinding, pelindung, pemanis, pengasih dan sebagainya. Lazimnya ia dipakai dalam perubatan tradisi dan sebarang upacara beradat seperti proses menaikkan seri muka pengantin. Perkataan gandingan jampi iaitu mantera berasal daripada perkataan Sanskrit iaitu mantra bermaksud bentuk fikiran. (Harun Mat Piah, 1989 - 478)

Jampi mantera sering dilafazkan bersama dengan satu-satu upacara menaikkan seri muka dan mendapatkan ilmu pengasih.

University of Malaya

Amran Kasimin (1991: 7) mendefinisikan jampi sebagai susunan kata indah yang memberi kesan apabila rangkai kata itu dibacakan pada benda dan insan yang tertentu. Benda yang dimaksudkan ialah bahan perantaraan untuk mengubati penyakit seseorang seperti tepung tawar, bertih beras, kemenyan, arak, kapur, bangkai binatang seperti kepala kambing dan sebagainya.

Kebanyakan jampi mantera yang ditemui oleh penulis mempunyai percampuran dengan ajaran Islam, seperti bacaan jampi hendaklah dimulakan dengan bacaan bismillah dan banyak menyebut kalimah Lailahaillallah juga menghadiahkan salawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Walaupun jampi mantera hanyalah sekadar kata-kata namun orang Melayu mempunyai keyakinan bahawa kata-kata, pengucapan juga pemujian dapat memanggil kuasa-kuasa ghaib yang dapat menganugerahkan wajah yang berseri dan manis menawan. Penulis berpendapat bagi orang Melayu keyakinan yang kuat terhadap sesuatu perbuatan dengan mengharapkan imbalan dapat menimbulkan kenyataan dan pencapaian objektif tertentu. Jampi mantera juga digunakan untuk mengiringi upacara memakai susuk, berandam dan pelbagai petua kecantikan. Dalam kajian ini jampi dan mantera digunakan untuk maksud yang sama iaitu merujuk kepada kata-kata dan juga perlakuan seseorang itu untuk berubat, sebagai pendinding, sebagai pengasih, pelembut dan sebagainya.

University of Malaya

### 1.10.3 Amalan

Amalan ialah perkara-perkara yang dilakukan secara berterusan dalam tempoh-tempoh tertentu atau boleh juga sepanjang hidup. Amalan ini termasuklah yang dilakukan secara fizikal dan juga secara pertuturan. (Kamus Dewan Edisi keempat).

### 1.10.4 Kecantikan

Kecantikan terdiri daripada dua sudut yang berlainan iaitu sudut luaran dan dalaman. Konsep kecantikan di kalangan wanita Melayu dan juga adalah sama iaitu tidak hanya melihat sudut luaran yang berkaitan dengan wajah dan tubuh badan tetapi turut merangkumi aspek dalaman yang lebih luas dan penting. Kecantikan akan melambangkan keperibadian seseorang wanita kerana wanita yang cantik akan digambarkan seorang wanita yang pandai menjaga keterampilan mereka. Kecantikan juga akan menampilkan personaliti yang menarik kerana mereka akan lebih berkeyakinan untuk tampil di khalayak tanpa mempunyai perasaan rendah diri.[5]

### 1.10.5 Petua

Petua merupakan galakan atau dorongan tentang sesuatu yang dipercayai boleh membawa kebaikan kepada mereka yang mematuhi atau mengamalkannya. Petua dibina berlandaskan warisan tradisi atau kepercayaan, pengalaman orang-orang tua masa lalu diperturunkan kepada generasi berikutnya. Mengikut nilai-nilai Islam juga, petua itu boleh dikaitkan sebagai ikhtiar dalam menentukan perjalanan hidup dan mengelak daripada menghadapi bencana (Wan Abdul Kadir,2000:65). Oleh itu terdapat pelbagai petua yang boleh diamalkan oleh pemelihara kecantikan, amalan-amalan tradisional yang diwarisi dari pengalaman orang tua-tua adalah amalan petua yang masih boleh diamalkan sehingga kini dan lebih terjamin keselamatannya, memandangkan kebanyakan bahan-bahan yang diperoleh adalah sumber semula jadi. Petua tersebut meliputi penjagaan kecantikan wanita sebelum berkahwin, semasa majlis perkahwinan, selepas melahirkan anak dan ketika menghadapi peringkat tua atau dewasa.

---

[5] Konsep ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab 2 kajian ini.



University of Malaya

## 1.11 Unjuran bab

Bab pertama kajian ini mengandungi latar belakang kajian, permasalahn kajian, objektif kajian, bahan kajian, kaedah kajian dan juga beberapa konsep operasional kajian.

Bab kedua pula mengandungi perbincangan tentang teori yang digunakan iaitu teori fungsional, konsep kecantikan dan model kajian yang akan digunakan dalam kajian ini.

Bab ketiga pula merupakan latar belakang tempat kajian ini dilakukan, iaitu di 11 buah kampung di daerah Kota Belud, Sabah. Antara yang dibincangkan ialah asal usul orang Bajau di daerah tersebut, aktiviti-aktiviti ekonomi yang mereka lakukan seperti bertani, berniaga dan berladang.

Bab keempat pula merupakan analisis terhadap mantera yang diamalkan oleh wanita Bajau. Mantera-mantera tersebut seperti mantera pengasih, pemanis, penunduk, kebal dan sebagainya. Analisis yang dilakukan dalam bab ini ialah dengan menggunakan model yang pengkaji sendiri bina iaitu Model Mantera Kecantikan Wanita Bajau (MKWB). Dengan model ini akan diperlihatkan betapa semua mantera-mantera yang diamalkan oleh wanita Bajau ini ialah supaya diri mereka dilihat cantik dan mudah diterima oleh anggota masyarakat.

Bab ke lima pula ialah bab yang membincangkan beberapa amalan yang dilakukan oleh wanita Bajau selain daripada mantera tetapi mengkhusus kepada kecantikan. Amalan-amalan itu seperti petua-petua dalam aspek pemakanan, petua dan juga pantang larang semasa mengandung, bersalin dan umumnya dalam segenap aspek kehidupan.

Bab ke enam merupakan penutup kepada kajian ini. Dalam bahagian ini akan diperlihatkan sejauhmana tujuan kajian ini dapat dicapai, kekuatan teori dan juga model yang digunakan dalam kajian ini.

University of Malaya

# BAB 2: TEORI, KONSEP DAN MODEL KAJIAN

## 2.1 Pendahuluan

Bab ini memuatkan kerangka teori di mana pengkaji akan membincangkan Teori Fungsional yang diasaskan oleh Bronislaw Malinowski dalam meneliti kajian ini dari aspek budaya. Ini kerana hubungan yang terjalin di antara anggota masyarakat amat penting dalam membentuk satu kehidupan yang harmoni, dan perlakuan-perlakuan anggota masyarakat sama ada secara personal atau berkelompok adalah berkaitan dengan budaya. Dalam bab ini juga akan dibincangkan beberapa kajian yang melibatkan kajian terhadap mantera (Hermansyah, 2006), kajian terhadap amalan penjagaan kesihatan (Sharifah Suraya Syed Jamaluddin dan Salmah Omar, 2010) dan kajian yang dilakukan oleh Roziah Omar (1994) yang bertajuk *"The Malay Woman in the Body Between Biology and Culture"* telah membincangkan tentang kecantikan menurut pandangan masyarakat Melayu di Melaka. Selain daripada itu,kajian ini juga turut membincangkan tentang kesihatan serta amalan dan pantang larang yang diamalkan oleh wanita Melayu bagi menjaga kecantikan mereka yang meliputi penjagaan semasa haid,mengandung serta selepas putus haid. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji dalam meneliti amalan penjagaan kecantikan wanita Bajau.

Semua kajian-kajian ini ada kaitan dengan kajian yang pengkaji lakukan, iaitu kecantikan. Oleh yang demikian kajian yang dilakukan oleh Hermansyah,Sharifah Suraya Syed Jamaluddin,Salmah Omar dan Roziah Omar akan digunakan untuk membentuk satu model kajian terbaru dan akan digunakan untuk mengkaji mantera dan amalan kecantikan yang dipraktikkan dalam kehidupan wanita Bajau.

University of Malaya

## 2.2 Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Teori Fungsional

Dari sudut perspektif fungsional struktural, lapisan masyarakat digambarkan sebagai suatu sistem yang terdiri daripada kepelbagaian yang mempunyai hubungan satu dengan yang lain. Hubungan dalam masyarakat bersifat timbal balik dan simbiotik mutualisme. Secara dasar suatu sistem lebih cenderung ke arah *equilibrium* dan bersifat dinamis. Ketegangan dan penyimpangan sosial pada akhirnya akan dapat diatasi dengan sendirinya melalui penyerapan dalam institusi itu sendiri. Perubahan yang terdapat dalam sistem mempunyai sifat tersendiri dengan melalui penyesuaian dan bukan bersifat revolusi. Setiap masyarakat mempunyai susunan sekumpulan subsistem yang satu sama lain berbeza-beza, hal ini didasarkan pada struktur dan makna fungsional bagi masyarakat yang lebih luas. Jika masyarakat itu mengalami perubahan pada umumnya akan berlaku pertumbuhan dan berkembang dengan kemampuan secara lebih baik untuk menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul dalam kehidupannya. Secara umum bidang yang menjadi tumpuan dalam kajian sosiologi adalah struktur sosial dan pranata sosial. Dalam perspektif fungsional struktural, struktur sosial dan pranata sosial tersebut berada dalam sistem sosial yang terdiri daripada elemen-elemen ataupun bahagian-bahagian yang saling memerlukan dan mempunyai kaitan dalam keseimbangan sesebuah institusi sosial (Amri Marzali, 2006).

Fungsional struktural menekankan peraturan dan mengabaikan konflik serta perubahan–perubahan yang terjadi pada masyarakat. Struktural fungsional menekankan pada peranan dan fungsi struktur sosial yang menitik beratkan kerjasama dalam masyarakat. Jika hal ini dikaitkan dengan pendidikan sekolah mempunyai beberapa fungsi antara lain:

(1) Organisasi pendidikan merupakan tempat yang sebaik-baiknya untuk pembentukan sosial sesebuah masyarakat. Melalui pendidikan dapat merubah pelbagai

sudut dalam masyarakat, salah satunya adalah cara berfikir terhadap budaya yang diwarisi agar dapat ditonjolkan kepada dunia luar. Di dalam bidang pendidikan pula terdapat perubahan yang diperoleh bukan kerana keturunan mahupun persaudaraan /hubungan darah, handai taulan.

Teori fungsional melihat budaya sebagai satu keseluruhan yang saling berhubungan .Teori ini mengkaji  bagaimana satu-satu aspek budaya mempunyai kaitan dengan aspek budaya lain, dan juga bagaimana aspek budaya tersebut mempengaruhi seluruh sistem dalam masyarakat.

Teori functionalisme (aliran moden) sering dikaitkan dengan pendekatan organisme yang membuat analogi bahawa budaya/ masyarakat sebagai satu organisme biologi (misalnya tubuh badan manusia) yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang sering berhubungan antara satu sama lain.Maksudnya, setiap bahagian daripada organisme biologi tersebut mempunyai hubungan fungsional antara satu lain dan sering bergantungan.

Untuk meneliti budaya sebagai satu keseluruhan yang saling berhubungan memerlukan kerja lapangan  dengan menggunakan kaedah pemerhatian langsung. Hanya dengan kerja lapangan sedemikian, para antropologi dapat menghuraikan pelbagai institusi budaya dalam satu-satu masyarakat, dan bagaimana setiap insitusi itu berfungsi bagi membawa kestabilan kepada masyarakat pada keseluruhannya.

Kajian ini akan menganalisis mantera dan amalan kecantikan wanita Bajau dalam dua aspek yang berlainan iaitu mantera dan amalan kecantikan   yang digunakan. Mantera kecantikan dapat dibahagikan kepada 6 jenis mantera yang terdiri daripada pemanis, penguat badan/kebal, pendinding, penggerun, pengasih dan penunduk. Kesemua jenis mantera ini saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain bagi menyerlahkan

University of Malaya

kecantikan dan keterampilan wanita Bajau. Pengkaji memilih teori fungsional yang diperkenalkan oleh Branislow Malinowski bagi meneliti mantera dari aspek kecantikan dan amalan wanita Bajau. Penelitian akan dilihat berasaskan model kerangka teori yang terbina. Oleh itu, hasil kajian yang dilakukan ke atas bahan mantera akan lebih tepat dan berkesan. Selain daripada mantera kecantikan, turut dikaji adalah amalan yang digunakan oleh wanita Bajau bagi mengekalkan kecantikan mereka seterusnya dapat menggambarkan perilaku dan keterampilan wanita Bajau itu sendiri.

## 2.3 Tokoh-tokoh

Teori functionalisme ini boleh dihubungkan dengan beberapa tokoh antorpologi yang terkenal seeperti Redcliffe Brown, Evans Pritchard.dan Bronislaw Malinowski (1884-1942).

### 2.3.1 Radcliffe Brown

Radcliffe Brown membuat analogi antara kehidupan sosial dan kehidupan organik bagi menerangkan konsep fungsi. Beliau memberi penekanan kepada sumbangan fenomena (elemen atau unit ) kepada ketenteraman sosial. Maksudnya setiap aspek masyarakat atau budaya memberi sumbangan masing-masing kepada kewujudan masyarakat dan budaya tersebut, lantaran itu, membawa kepada kestabilan dan ketenteraman sosial. Beliau tidak mementingkan keperluan manusia seperti dilakukan oleh Malinowski. Beliau menyatakan selagi organisme biologi itu hidup, ia akan mengekalkan struktur, tetapi tidak mengekalkan bahagian-bahagian kepada organisme tersebut. Ini bermakna, melalui proses masa sel dalam organisme biologi itu tidak sama seperti keadaan asal yang telah mengalami proses penyusunan semula tetapi susunan struktur unit di dalamnya adalah sama. Beliau menyatakan manusia sebagai unit utama

University of Malaya

dalam masyarakat dikaitkan antara satu sama lain dengan satu rangkap perhubungan sosial menjadikan masyarakat itu satu keseluruhan yang  berpadu tidak seperti organisme biologi, kesinambungan struktur sosial tidak akan terhapus dengan perubahan unit di dalamnya. Maksudnya, satu-satu organisme biologi itu akan musnah apabila sel atau unit di dalamnya mati, tetapi struktur masyarakat tidak akan musnah jika individu yang menganggotainya mati.

Oleh yang demikian, kesinambungan dikekalkan dalam proses kehidupan sosial  yang terkandung di dalamnya aktiviti dan juga interaksi antara anggota masyarakat dan kumpulan-kumpulan yang wujud dalam masyarakat tersebut. Misalnya struktur keluarga kekal walaupun anggotanya telah meninggal dunia. Oleh yang demikian, kesinambungan dikekalkan dalam proses kehidupan sosial yang terkandung di dalamnya aktiviti dan juga interaksi antara anggota masyarakat dan kumpulan-kumpulan yang wujud dalam masyarakat tersebut. Seperti kata Radcliffe Brown, "*the function of any recurrent activity is the part it plays in the sosial life as a whole and thereby, the contribution it makes to structural continuity*" (Radcliffe-Brown, 1952,  178).

Radcliffe-Brown dalam penulisannya  *Structure and Function in Primitive Society* menyentuh tentang totemisme iaitu lambang bagi suku atau clan dalam masyarakat *unilineal*. Totem dikatakan menjadi tali pengikat dan asas perpaduan di kalangan anggota suku, dan dari segi fungsional, keadaan ini akan membawa kestabilan dalam suku tersebut. Setiap totem juga dikatakan ada kaitan antara satu sama lain, dengan demikian akan wujud perkaitan antara suku yang membawa kepada perpaduan umum walaupun perpaduan itu bersifat organik bukan bersifat mekanikal seperti yang dibincangkan oleh seorang tokoh fungsional iaitu Emile Durkheim  dalam bukunya *Division of Labor in Society*.

University of Malaya

### 2.3.2 Evans-Pritchard

Evans-Pritchard merupakan pengganti bagi Radcliffe-Brown sebagai profesor antropologi sosial di Oxford University. Meskipun Evans-Pritchard masih berada dalam lingkaran antropologi sosial Inggeris, namun beliau melihat konsep struktur sosial dari sudut yang berlainan daripada Radcliffe-Brown. Evans-Pritchard berpendapat struktur sosial bukanlah jaringan hubungan yang terdiri atas orang perseorangan tetapi terdiri atas kelompok sosial yang mempunyai sifat lebih tahan lama *(constant)* dan tersendiri *(discrete)*. Salah satu ciri penting struktur sosial adalah ketahanan dalam kehidupan (endurance). Radcliffe-Brown berpendapat sebuah keluarga dipandang sebagai sebuah struktur sosial kerana dalam rangka keluarga tersebut terdapat beberapa status seperti ayah,ibu,anak yang membentuk pola jaringan hubungan sosial. Namun kenyataan ini tidak dapat diterima oleh Evans-Pritchard, kerana pola jaringan keluarga akan hilang sebaik sahaja salah satu daripada anggota keluarga tersebut meninggal dunia. Sedangkan, sebuah struktur sosial harus meneruskan kehidupan meskipun ahli keluarganya meninggal atau berpindah ke lain tempat. Evans-Pritchard beranggapan kelompok yang terkecil yang mempunyai struktur sosial adalah kelompok keturunan, atau kelompok territorial. Komponen dari sebuah *lineage* adalah cabang dari *lineage* tersebut, iaitu klen dan sub-klen. Meskipun individu- individu atau keluarga-keluarga yang menjadi anggota sebuah klen hilang, klen sebagai sebuah kelompok sosial tetap bertahan dalam sebuah *lineage* tersebut. Sementara itu komponen dari sebuah kampung pula terdiri daripada jiran dan kelompok keluarga. Perpindahan dan kematian dalam kelompok sosial anggota masyarakat atau sesebuah keluarga membuatkan generasi yang ada akan terus bertahan.

University of Malaya

### 2.3.3 Bronislaw Malinowski

Bronislaw Malinowski telah melakukan kajian di merata tempat di dunia, tetapi yang utama adalah di kepulauan Trobriand di New Guinea. Mengikut Malinowski budaya terdiri daripada banyak elemen, seperti mencari bahan makanan, perhubungan keluarga dan rumah kediaman, dan setiap elemen ini adalah berkaitan antara satu sama lain yang semuanya menjurus kepada satu matlamat iaitu memenuhi kehendak individu dalam budaya. Dengan kata lain, budaya itu wujud bagi memenuhi keperluan manusia iaitu keperluan asas iaitu pembiakan, makanan dan tempat perlindungan. empat keperluan utama iaitu ekonomi, kawalan sosial, pendidikan dan organisasi politik.

Institusi yang wujud dalam masyarakat berfungsi untuk memenuhi keperluan-keperluan berkenaan. Mengikut Malinowski, dalam setiap institusi wujud personnel, piagam, satu rangkap peraturan dan norma, tindakan, dan peralatan (teknologi). Dalam kajian beliau, Malinowski tertarik dengan adat resam, idea, artifak budaya, malah bahasa di kalangan masyarakat Trobriand yang semuanya mempunyai fungsi memenuhi keperluan asas, keperluan psikologi, dan keperluan sosial mereka. Mengikut beliau *"the existence of customs, sosial institutions or sosial relations should be interpreted in terms of their function: that is to say, in terms of their contribution to the satisfaction of "needs" (both primary physiological and emotional needs and also secondary or sosial needs)"* (Malinowski, 1944). Salah satu upacara yang dilakukan oleh orang Trobriand adalah "kula-ring", iaitu pertukaran hadiah berharga di antara penduduk di kepulauan Trobriand. Kula-ring bertujuan memperteguhkan perpaduan di kalangan penduduk (fungsi integratif). Sebelum melakukan pelayaran ke pulau-pulau tersebut, mereka menjalankan beberapa upacara, bertujuan mengawal emosi (served to control various emotions) dan memenuhi keperluan psikologi seperti '*anxiety*' atau kebimbangan apabila menempuh lautan yang berbahaya.

University of Malaya

Di samping itu upacara tersebut juga dapat memberi semangat dan kekuatan serta mewujudkan perasaan keselamatan (sense of security) kepada mereka ketika dalam pelayaran. Satu contoh lain tentang aspek budaya di kalangan orang Trobriand yang dihubungkan dengan teori fungsional seperti yang dihuraikan oleh Malinowski adalah amalan tradisi pemberian makanan yang terlalu banyak dan hadiah-hadiah lain oleh masyarakat setempat kepada kepada ketua mereka. Makanan dan juga hadiah tersebut kemudiannya diagihkan semula oleh ketua kepada penduduk atas jasa dan khidmat mereka kepadanya. Ini bermakna penduduk tempatan menggunakan benda-benda yang mereka sendiri hasilkan, cuma benda-benda itu diagihkan semula oleh ketua kepada mereka. Tujuan amalan pemberian makanan dan hadiah kepada ketua dilakukan adalah untuk memberi penegasan bahawa ketua adalah orang yang berkuasa, dan amalan yang dilakukan itu adalah untuk memperkukuhkan kawalan dan juga kuasa beliau ke atas penduduk.

#### 2.3.3.1 Teori Malinowski

Manakala Radcliffe-Brown lebih tertarik meninjau individu sebagai golongan yang menduduki status tertentu di dalam sebuah struktur sosial, tetapi Malinowski pula lebih melihat individu sebagai sebuah psiko-biologis di dalam sebuah masyarakat (kebudayaan). Malinowski lebih menekankan aspek manusia sebagai makhluk psiko-biologis yang mempunyai keperluan psikologi dan biologi yang perlu dipenuhi. Selanjutnya, berbeza dari Radcliffe-Brown beranggapan struktur sosial amat penting dalam sesebuah masyarakat, Malinowski lebih tertarik kepada "budaya" atau *culture.* Malinowski menegaskan bahawa budaya sentiasa memenuhi keperluan manusia. Bagi Malinowski, dalam rangka memenuhi keperluan psiko-biologi individu dan menjaga kesinambungan hidup kelompok sosial, beberapa perkara harus dipatuhi oleh individu-



University of Malaya

individu anggota kelompok sosial tersebut. Perkara tersebut terdiri dari *nutrition, reproduction, bodily conforts, safety, relaxation, movement*, dan *growth.* Semua kegiatan yang dilakukan oleh individu adalah dalam rangka memenuhi keperluan asas tersebut. Tambahan pula, George Peter Murdock dalam bukunya yang bertajuk "*Bronislaw Malinowski*" (1943), menyatakan "*out of man's collective interaction in the pursuit of primary impulse satisfaction arise a number of secondary needs, also universal, such as those for economic cooperation, education, and sosial control. But diverse as are the acquired motives of human collective interaction, cultural forms never wholly free themselves from basic organic needs which must always be served and whose gratification supports and reinforces the pursuit of secondary goals"* (1943. 444).

Berikut diperturunkan jadual keperluan asas manusia dalam kehidupan mereka sepertimana yang terdapat dalam kajian Malinowski.

University of Malaya

**SYNOPTIC SURVEY OF BIOLOGICAL AND DERIVED NEEDS AND THEIR SATISFACTION IN CULTURE**

| **A**<br>**Basic Needs (Individual)** | **B**<br>**Direct Responses (Organized, i.e., Collective)** | **C**<br>**Instrumental Needs** | **D**<br>**Responses to Instrumental Needs** | **E**<br>**Symbolic and Integrative Needs** | **F**<br>**Systems of Thought and Faith** |
|---|---|---|---|---|---|
| Nutrition (metabolism) | Commissariat | Renewal of cultural apparatus | Economics | Transmission of experience by means of precise, consistent principles | Knowledge |
| Reproduction | Marriage and family | | | | |
| Bodily comforts | Domicile and dress | Charters of behaviour and their sanctions | Sosial control | | |
| Safety | Protection and defense | | | Means of intellectual emotional, and pragmatic control of destiny and chance | Magic<br>Religion |
| Relaxation | Systems of play and repose | Renewal of personnel | Education | | |
| Movement | Set activities and systems of communication | | | | |
| Growth | Training and apprenticeship | Organization of force and compulsion | Political organization | Communal rhythm of recreation, exercise, and rest | Arts<br>Sports<br>Games<br>Ceremonial |

**Jadual 2.1: Jadual keperluan asas manusia mengikut struktur *functionalism* oleh Malinowski (Langness, L. L.), 1987**

Terdapat 7 keperluan asas manusia dalam memenuhi fungsi budaya seperti mana yang digagaskan oleh Malinowski dalam "The Group and the Individual in Functional

Analysis", dalam *American Journal of Sociology* V.44 (1939). Namun demikian, kegiatan untuk memenuhi keperluan asas tersebut tidaklah langsung dilakukan begitu saja sebagaimana halnya dengan binatang, tetapi telah diubahsuai oleh pengaruh-pengaruh sosial. Dalam rangka untuk memenuhi keperluan makanan misalnya, manusia tidak mudah menemui apa yang dikehendaki untuk dijadikan bahan makanan. Sebaliknya manusia akan berhati-hati untuk memilih makanan yang boleh dimakan dan tidak boleh dimakan,ada yang ditolak dan ada yang diterima, ada yang lebih disukai dan ada yang kurang disukai, ada yang dianjurkan dan ada yang dilarang, dan seterusnya. Begitu juga, manusia tidak hanya memakan apa yang disediakan alam, tetapi diproses untuk dijadikan bahan makanan. Sebahagian dari makanan itu dimasak sedangkan yang lain dimakan mentah, dan seterusnya. Manusia hanya makan pada waktu tertentu meskipun dalam keadaan lapar dan perlu memilih makanan yang ada mengikut kesesuaian diri. Kesimpulannya, manusia dilatih untuk makan makanan yang berkhasiat pada waktu dan cara tertentu supaya aspek kesihatan dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Jadi tingkah laku manusia dalam memenuhi keperluan tentang makanan tersebut telah terbentuk oleh cara-cara yang lazim sesuai dengan adat kelompok mereka, sesuai dengan agama,dan kelas sosial mereka. Kelompok, golongan, dan kelas sosial telah membentuk pilihan selera individu, pantang larang makanan, nilai simbolik dan nilai makanan, gaya dan cara makan. Pola kegiatan yang telah terbentuk seperti itu disebut "kegiatan kultural", iaitu kegiatan yang telah diubahsuai dan telah dibentuk oleh adat kebiasaan yang hidup dalam lingkungan masyarakatnya. Jadi "budaya" *(culture)*, pada tingkat pertama, adalah alat atau "instrumen"; alat yang muncul dalam rangka memenuhi keperluan psiko-biologi manusia. Itulah fungsi dari budaya. Demikian pengertian tentang konsep "fungsi" dalam pengertian Malinowski.

Budaya sebagai alat adalah bersifat *conditioning*, iaitu memberikan batasan-batasan terhadap kegiatan manusia. Budaya, melalui latihan, ajaran, nilai, dan seterusnya,

University of Malaya

pengubahsuaian terhadap kegiatan manusia. Budaya, dengan demikian, telah menghasilkan manusia-manusia dengan pola tingkah laku yang tertentu. Kerana itu pola tingkah laku yang tertentu ini tidak akan dapat difahami kalau dilihat hanya dari sudut fisiologi. Pola tingkah laku manusia harus dikaji melalui aspek kebudayaan, bagaimana proses pembentukan pola tingkah laku tersebut, proses pembatasannya, dan proses pencetakannya. Jadi, tingkah laku kebudayaan *(cultural behavior)* adalah pelaksanaan, penyesuaian, dan penerapan aturan organisasi sosial, nilai, adat, idea, kepercayaan, dan seterusnya. Dalam bentuk yang lebih konkrit, budaya, menurut Malinowski, adalah mencakup "... inherited artifacts, goods, technical processes, ideas, habits and values". Organisasi sosial juga termasuk ke dalam budaya, kerana ia tidak dapat difahami tanpa memandangnya sebagai produk dari tingkah laku kebudayaan. Meskipun secara formal definisi budaya dari Malinowski tidak jauh berbeza dari definisi Tylor, iaitu, *"that complex whole which includes knowledge, belief, art, law, morals, customs and all other capabilities and habits acquired by man as a member of society"*, namun dalam penerapannya Malinowski adalah lebih maju yang lebih sistematik. Pertama, Malinowski mengacukan konsep budaya terhadap mikrokosmos masyarakat *tribe* (masyarakat sederhana, *small scale, isolated, illiterate,* "primitif", dan seterusnya), iaitu suatu masyarakat yang unsur-unsurnya (komponen-komponennya) berfungsi sebagai sebuah keseluruhan yang terintegrasi *(the functioningwhole)*. Konsep yang melihat budaya dari sebuah masyarakat *tribe* sebagai sebuah keseluruhan yang terintegrasi adalah sebuah pemikiran baru dalam ilmu antropologi 1920-an. Dalam hal ini pandangan Malinowski bertemu dengan pandangan Radcliffe-Brown Dari pandangan yang seperti inilah kemudian kita mengenal istilah seperti, misalnya, "budaya Minangkabau", "budaya Jawa", "budaya Jepun", dan seterusnya. Tylor, sebelumnya (1877), melihat budaya sebagai satu konsep dengan acuan pengertian yang bersifat universal.

University of Malaya

Budaya, menurut Tylor, adalah setiap “capability” dan “habit” manusia yang diperoleh melalui proses sosialisasi dalam masyarakat. Budaya menurut pengertian Tylor ini disebut “Budaya/Culture”, sedangkan budaya menurut pengertian Radcliffe-Brown dan Malinowski disebut “budaya/culture” (dengan huruf kecil). Kedua, Malinowski menekankan betapa pentingnya mengkaji fungsi, dari unsur-unsur suatu budaya terhadap budaya masyarakat tersebut secara keseluruhan. Jadi di sini Malinowski juga mengacukan konsep fungsi terhadap suatu sistem, bukan hanya terhadap memenuhi keperluan psikobiologi manusia. Unsur-unsur penting dari budaya sebuah masyarakat adalah, misalnya sistem politik, sistem ekonomi, sistem kepercayaan, dan sistem kekerabatan. Dalam hal ini, Malinowski menekankan betapa pentingnya meneliti fungsi dari suatu system tersebut di atas bagi keutuhan kerja masyarakat/budaya secara keseluruhan. Ketiga, sebagaimana ahli-ahli psikologi dan sosiologi zaman itu, Malinowski juga tertarik pada persoalan perbezaan antara warisan sosiologi dan biologi, dan Malinowski beranggapan bahawa budaya adalah warisan sosiologi, bukan warisan biologi. Dengan demikian, Malinowski menolak konsep ras, yang mengatakan bahawa perilaku manusia ditentukan oleh turunan biologinya. Sebaliknya, dia berpendapat bahawa perilaku manusia diturunkan secara sosial antara generasi, lingkungan sosial yang membentuk perilaku manusia. Warisan sosial ini merupakan kekuatan-kekuatan yang mempengaruhi dan membentuk personaliti setiap individu yang lahir ke dalam masyarakat tersebut. Kekuatan-kekuatan tersebut antara lain adalah kepercayaan atau agama, adat-adat tradisional, struktur sosial, dan seterusnya. Warisan kebudayaan adalah konsep kunci dalam antropologi kebudayaan, kata Malinowski. Dalam buku *Sex and Repression in Savage Society* (1927), Malinowski menentang dasar *instinctive* kebinatangan dalam perkahwinan dan memproduksi keturunan (warisan biologis) dengan bentuk-bentuk ikatan sosial, aturan-aturan hukum perkahwinan, dan kepercayaan dan upacara yang mengelilingi proses perkawinan tersebut (warisan sosial). Dalam memenuhi

University of Malaya

dorongan dan emosi seksual untuk memproduksi keturunan, tingkah laku manusia diatur oleh norma tentang perkahwinan. dan keluarga. Norma-norma tersebut adalah warisan sosial. Warisan sosial ini tidak hanya menetapkan hambatan-hambatan dan peluang-peluang, memberi anjuran tentang hal yang ideal dan hal yang tidak elok, meletakkan nilai-nilai, tetapi juga mempengaruhi sikap fisiologi lelaki terhadap wanita melalui sistem hukum, etika, prinsip agama, konsep kehormatan, kesucian, dan dosa. Warisan sosial ini dipaksakan oleh masyarakat kepada setiap anggotanya. Melalui pengkajian terhadap *instinct* seksual manusia, para ahli tidak akan mampu menjelaskan mengapa terdapat berbagai adat, undang-undang dan idea-idea mengenai perkahwinan dan keluarga. Warisan sosial yang seperti inilah yang dimaksudkan oleh Malinowski sebagai budaya. Demikian, kita melihat bagaimana memenuhi keperluan hidup yang mendasar dari manusia oleh institusi-institusi tradisional telah menjadi tema yang konstan dalam tulisan-tulisan Malinowski. Apabila budaya, atau warisan sosial, dilihat sebagai alat untuk memenuhi keperluan psikobiologi individu dalam satu bentuk hubungan yang fungsional (guna), maka di sini bererti budaya dipandang sebagai perkara penting dalam hidup manusia. Budaya menurut kata-kata Malinowski adalah: "*conditions which must be fulfilled if the community is to survive*". Malinowski membezakan dua macam imperatif, iaitu *instrumental imperatives* yang terdiri dari hal-hal seperti ekonomi, hukum, dan pendidikan, dan *integrative imperatives* yang terdiri dari perkara-perkara seperti ilmu ghaib, agama, pengetahuan, dan kesenian.

Menurut Malinowski konsep tentang keperluan psiko-biologi manusia dalam kenyataannya banyak yang saling bertindan. Lantaran itu sukar untuk dioperasionalkan ke dalam penelitian yang nyata. Dalam hal ini Malinowski memang tidak menyumbang banyak bagi pembentukan teori dalam ilmu sosial. Namun demikian ada sebuah konsep lain yang lahir dari pemikirannya tentang keperluan psikobilogi manusia di atas, yang dipandang sebagai suatu sumbangan yang lebih berharga dan lebih tahan lama dari

University of Malaya

pemikiran Malinowski, iaitu konsep "institusi". Konsep institusi sangat berkait dengan tipe metode penelitian lapangan Malinowski yang terkenal itu. Malinowski adalah seorang pelopor metode penelitian lapangan (etnografi) dalam ilmu sosial. Beliau bukan hanya meletakkan dasar-dasar bagi penelitian tersebut, tetapi juga seorang yang paling piawai dalam melakukan penelitian seperti itu. Institusi, menurut Malinowski, terdiri atas sekelompok manusia yang terikat kepada satu lingkungan alam tertentu, yang memproduksi dan menggunakan jenis peralatan dan mempunyai pengetahuan tertentu dalam menggunakan dan menggarap lingkungan dengan peralatan di atas, mempunyai bahasa yang khas yang membolehkan mereka menjalin kerjasama, mempunyai peaturan tertentu yang mengatur perilaku mereka, dan memiliki secara bersama kepercayaan dan nilai-nilai tertentu. Atau secara ringkasnya sebuah institusi terdiri daripada "…*(1) personnel, agroup of individuals cooperating in the performance of a common task; (2) material apparatus, the artifacts employed in their activities; (3) norms, the rules or ideal patterns to which behavior is expected to conform; (4) activities, the behavior, including deviation rom norms, which actually takes place in the performance of the joint tasks; (5) charter, the express cultutrsl definition of the common aims or purpose of the institution; and (6) function, the actual; effect of the collective enterprise in satisfyiung human needs.*" (George Peter Murdock, 1943,443-444). Di Malaysia amalan atau upacara budaya dalam masyarakat dapat dilihat dari sudut fungsional dan dilakukan dengan tujuan kerjasama di antara kelompok dalam masyarakat, atau ras dan ada juga atas sebab ikatan kekeluargaan. Dengan demikian berlaku aktiviti ziarah atau kunjung-mengunjung apabila ada sesuatu perayaan seperti Hari Raya atau bila ada kematian. Upacara keagamaan seperti kenduri, perhimpunan, sambutan, dan lain-lain. Doa dan bacaan ayat-ayat suci sebelum perjalanan, sebelum temuduga, sebelum menduduki peperiksaan dan sebagainya. Adat resam dalam kitaran hidup seperti kelahiran, berkhatan, perkahwinan, kematian dan pelbagai kegiatan seni seperti wayang kulit, hadrah, tarian, muzik, dan

University of Malaya

sebagainya. Semua perkara-perkara ini adalah aktiviti budaya sepertimana yang disebutkan oleh Malinowski. Oleh yang demikian dalam kajian ini beberapa perlakuan budaya seperti amalan membaca mantera dengan tujuan si pengamal dipandang cantik dan diterima oleh masyarakat akan diteliti. Begitu juga dengan perlakuan-perlakuan lain seperti penjagaan dalam pengambilan makanan, pantang larang yang berkaitan dengan kecantikan diri juga menjadi sebahagian daripada penelitian pengkaji.

## 2.4 Konsep Cantik

Istilah cantik dan frasa kecantikan disama ertikan dengan istilah lain seperti indah, molek, ayu dan jelita, bagus, rupawan jelita ,kacak, tampan, gambang dan sebagainya. Ada pula istilah baru yang dianggap bersesuaian untuk perkataan cantik iaitu ranggi. Cantik mempunyai nilai yang amat tinggi sehinggakan setiap wanita di dunia mengimpikan wajah yang cantik.(Abdullah Hassan,1994:23).

Cantik itu mempunyai sifat yang abstrak dan subjektif, maknanya tiada definisi dan juga ukuran yang tepat dan khusus bagi menggambarkan cantik untuk seluruh penduduk dunia.

Dalam pemikiran masyarakat lain cantik bagi mereka hanya merujuk keadaan fizikal sahaja, namun kecantikan bagi orang Bajau mempunyai nilai – nilai tersendiri yang unik ukurannya. Dalam budaya orang Bajau, nilai cantik bukan diukur melalui luaran (fizikal),malahan dalaman(tutur kata dan juga perlakuan) dan orang Bajau tidak mudah tertipu dengan kecantikan luaran. Cantik hanya akan lebih berseri dan benar-benar cantik apabila ia dihiasi dengan budi pekerti yang tinggi. Ia terbukti dengan bentuk-bentuk kiasan seperti betisnya seperti bunting padi, sempurnalah bahasa dengan budi.

University of Malaya

Persoalan budi berkait rapat dengan kesedaran, perasaan, rasa hati. Budi ialah satu keseluruhan sifat, sikap, pengucapan, perlakuan dan akhlak yang menjelaskan persoalan dalaman manusia. Oleh kerana itulah, ada orang Melayu yang mengatakan cantik adalah dari dalam. Masyarakat Bajau juga berpendapat kecantikan dalaman seorang wanita Bajau itu merupakan kecantikan yang hakiki. Bagi masyarakat Bajau kecantikan luaran yang tidak diiringi dengan kecantikan dalaman bukanlah bentuk kecantikan sebenar. Jasmani fizikal yang cantik dengan betis bunting padi, wajah bagai diraut, seolah-olah kelihatan tidak cantik tanpa rohani yang cantik juga sifatnya.

Kecantikan lahiriah semata-mata tanpa disertai persikapan perempuan sempurna samalah ertinya dengan jiwa yang materialistik dalam Islam, nilai budi pekerti yang tinggi dikenali sebagai akhlak mulia.

Kata orang,kecantikan rupa datang daripada dalaman diri iaitu ketenangan jiwa,kedamaian rasa,keluhuran budi,kemurnian hati. Tiada bahan solek boleh menandingi anugerah Illahi kepada insan yang benar-benar taqwa kata setengah ulama. Golongan cendekiawan pula mungkin merasakan tidak lengkap kejelitaan seseorang tanpa kebijaksanaan. Pendeknya ramai bersetuju kecantikan bukan sekadar apa dilihat dari luar tetapi harus merangkumi juga inti bersesuaian dengan pepatah seindah wajah secantik budi.

Wajah yang masih nampak jelita berbanding usia mungkin kerana ketenangan jiwa dan kebersihan hati yang tidak menyimpan sebarang perasaan negatif selain berzikir. Air sembahyang diambil sekurang-kurangnya lima kali sehari. Umpama air sakti yang menaikkan seri. Mungkin itulah tanggapan wanita Melayu tentang kejelitaan yang dimiliki oleh wanita lain.

University of Malaya

Pandangan bangsa asing terhadap orang Melayu membuktikan bahawa orang Melayu mementingkan kecantikan dalaman daripada luaran. Keindahan budi terpancar melalui perlakuan yang manis dan menyerlahkan kecantikan seseorang yang bernama orang Melayu sebagai seorang orang. Kecantikan dan kesempurnaan orang Melayu sebenarnya dilihat pada budi dan penggabungan luaran dan dalaman. Dan hal ini terserlah dalam pantun-pantun yang dikenali sebagai pantun budi, misalnya,

Pisang emas dibawa berlayar
Mask sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati

Bagi orang Melayu juga cantik paras rupa akan lenyap ditelan masa tetapi tidak kepada budi yang terletak pada aspek rohani yang juga merupakan *substance* yang boleh berfikir dan menimbang akan dikenang sampai bila-bila kerana tiada harga yang mampu membayar nilai budi yang ditanamkan di seluruh kehidupan orang Melayu.

Di dalam sastera Melayu lama, golongan Diraja sering disebut mempunyai rupa paras yang cantik dan menawan,misalnya di dalam *Hikayat Malim Deman* kecantikan Puteri Bongsu digambarkan sebagai'minum air berbayang-bayang santap sirih berkaca-kaca'.Warisan kebudayaan Melayu mempunyai konsep kecantikan yang tertentu seperti rambut ikal mayang,lidah kembang seroja,dagu lebah gantung, gigi bunga seri gading,mata telepok layu,bibir pati dicarik,hidung mancung sehari bulan dan berbagai lagi perumpamaan yang menggambarkan tentang kecantikan wanita.(Pawang Ana Haji Yahya,1984:43)

Apabila menyebut tentang sifat kewanitaan bermakna wanita itu haruslah mempunyai perawakan paras rupa seperti ciri-ciri di atas di samping mempunyai budi pekerti yang baik. Ini amat berlainan dengan sifat kejantanan bagi lelaki yang hanya diberi tumpuan

kepada bentuk fizikal yang kelihatan segak dan gagah tetapi tidak terlalu mementingkan kecantikan paras rupanya.

Masa berlalu maka selera juga berubah,jika zaman dahulu yang cantik adalah dari golongan Diraja seperti yang digambarkan dalam sastera Melayu lama seperti pada hari ini yang cantik itu bukan sahaja dari keluarga Diraja tetapi juga peragawati,penyanyi,pelakon atau orang yang terkenal.Yang cantik juga adalah wanita yang pandai menggunakan alat-lat solek,berpakaian indah dengan perhiasan barang kemas atau aksesori yang berpadanan.

Walau bagaimanapun kata fokus cantik masa kini yang dijadikan sebagai pusat pengertian atau konsepsi telah memaparkan kepada umum satu situasi yang agak berbeza daripada pemerhatian.Kecantikan pada masa kini sering dirujuk kepada personaliti terkemuka seperti model,pelakon dan penyanyi yang mempunyai ukuran bentuk badan yang menarik. Kecantikan juga terbahagi kepada 2 jenis iaitu kecantikan semulajadi dan kecantikan yang menggunakan bahan kosmetik dan pembedahan plastik. Kecantikan masa kini juga turut ditafsirkan kepada pemakaian barangan berjenama terutamanya luar negara. Bagaimanapun kecantikan yang seperti ini tidak akan kekal lama. Ianya akan berakhir apabila usia seseorang itu semakin meningkat atau berlaku sesuatu kesan sampingan oleh kerana sering memakan herba tertentu atau penggunaan kosmetik tertentu yang mengakibatkan kerosakan kepada kulit dan juga organ tubuh badan. Oleh yang demikian dalam kajian ini konsep kecantikan adalah sesuatu yang cantik dan indah termasuk rupa paras, tutur kata, perlakuan-perlakuan dan juga kesihatan.

### 2.4.1 Pandangan Islam tentang nilai kecantikan wanita

Islam pada dasarnya menekankan tentang aspek kecantikan. Hal yang demikian dapat dilihat dalam hadis Rasulullah yang menyebut mengenai empat perkara di dalam

University of Malaya

membuat pemilihan jodoh. Antaranya,berilmu agama,memiliki harta,mempunyai latar belakang keluarga yang baik dan mempunyai perwatakan yang menarik(cantik). Namun budi pekerti dan akhlak juga adalah penting sebagai label yang indah di pandangan masyarakat bagi menjamin kemuliaan seseorang. Akhlak amat penting bagi diri seseorang terutama bagi seorang wanita. Ia merupakan magnet untuk menarik perhatian orang. Keutamaan seorang isteri kepada suaminya terletak pada akhlaknya bukan paras rupanya. Wanita yang cantik tetapi tidak berakhlak dan tidak taat pula akan menyakitkan hati suami walaupun rupanya adalah cantik mata memandang. Apatah lagi wanita yang kurang jelita,tidak berakhlak dan tidak taat,dia akan menimbulkan masalah kepada suaminya dan dapat menyakitkan hati serta menyakitkan mata suami. Oleh itu, Islam melarang kita berbangga dengan wajah yang cantik dan kita tidak perlu dengan rupa paras yang tidak cantik. Sebaliknya kita mesti berlumba-lumba untuk menjadi wanita yang bertaqwa dan menghiasi diri dengan akhlak yang mulia dan taat kepada suami. Jika berjaya memiliki ini semua nescaya Allah, suami, keluarga dan semua manusia menyayanginya.

Antara cantik,kaya dan cerdik yang lebih utama dimiliki oleh seorang wanita itu ialah kecerdikan. Wanita-wanita yang terkenal di dunia,kebanyakannya adalah wanita yang intelek contohnya Cleopatra merupakan pujaan dunia ekoran daripada kecantikan namun,dengan kecerdikannya juga menjadi aset utama sehingga beliau berjaya menundukkan Julius Caesar, Marie Antoinette pula menggunakan kecerdikannya hingga dapat mempengaruhi Louis XVI dengan menghabiskan wang negara untuk kegunaan peribadi. Di dalam lembaran sejarah Islam saidatina Aisyah iaitu isteri kepada Rasulullah yang paling muda telah menggunakan kecerdikan, dan kepetahan bercakap hingga ia lebih menonjol dan masyhur. Saidatina Fatimah bt.Rasulullah ialah anak nabi Muhamaad yang paling jelita. Namun beliau lebih dikenali kerana kecerdikannya dalam

University of Malaya

mengendalikan rumahtangga yang harmoni ketika hidup bersama suaminya Saidina Ali bin Abi Talib.

Rasulullah mengingatkan lelaki agar tidak mengahwini wanita semata-mata kerana inginkan kecantikannya. Kecantikan wanita hanyalah sementara. Ini kerana apabila keluar dari rumah sahaja mereka akan bersolek tebal,berpakaian cantik dan memakai bau-bauan. Maka kecantikan itu hanya akan ditunjukkan pada orang lain bukan pada suaminya,maka yang melihat kecantikan isteri adalah lelaki lain di luar rumah. Oleh itu,sekiranya berkahwin demi kerana kecantikan wanita itu maka kecantikan itu tidak akan kekal lama malah kecantikan itu juga hanyalah sementara menanti usia tua yang pastinya hilang ditelan usia.

Rumusannya Islam mengutamakan kecantikan dalaman berbanding dengan kecantikan luaran atau fizikal. Ini kerana kecantikan dalaman akan menyerlahkan kecantikan luaran. Kecantikan luaran yang tidak disertakan dengan kecantikan dalaman adalah satu kepalsuan yang pasti akan merosakkan diri sendiri dan orang-orang yang di didampingi wanita tersebut.

### 2.4.2 Konsep Cantik bagi orang Bajau

Masyarakat Melayu melihat kecantikan itu dari segi rohani ataupun dalaman wanita itu sendiri dan ini sama seperti dengan masyarakat Bajau. Bagi masyarakat Melayu budi merupakan pusat di dalam proses penilaian manusia. Kebolehan budi manusia yang dinamik itu untuk membuat suatu pemilihan secara sedar atau tidak sedar daripada kemungkinan-kemungkinan di sekelilingnya yang beraneka rupa itu membolehkan manusia menyusun dan menggunakan kemungkinan ini untuk memenuhi keperluan dan kepentingannya. Ia menilai benda-benda perhubungan dan kejadian di sekelilingnya dan ia membuat keputusan atau pemilihan mengikut tujuan dan kehendaknya iaitu nilai-

University of Malaya

nilainya segala yang dinilaikannya mempunyai makna baginya dan melalui kebolehan budinya untuk menilai ia dapat menghadapi alam sekelilingnya sebagai unit-unit yang mempunyai makna.

Perhubungan masyarakat dalam satu komuniti amat rapat di antara ahli-ahlinya sentiasa tolong menolong baik di waktu kerja,bersuka ria atau dalam kesedihan. Oleh itu,jasa baik seseorang itu sentiasa dikenang dan sedaya upaya seseorang itu cuba membalas budi yang dihutangnya. Nilai jasa yang telah diberikan itu lebih tinggi daripada harta benda bahkan emas sekalipun seperti yang dibayangkan oleh pantun berikut:

Pisang emas dibawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati

Budi seseorang akan tetap dikenang walaupun sudah meninggal dunia. Orang yang berbudi sewaktu hidupnya meninggalkan nama yang baik yang boleh dibanggakan oleh anak cucunya. Di dalam budi itu terkandung juga maksud adab, tertib, ramah tamah, dan pemurah di dalam gerak geri seseorang itu. Seperti yang telah diterangkan budi merupakan pusat di dalam proses penilaian manusia dan melalui proses inilah timbul gerak ragam manusia. Budi yang ada pada diri manusia membezakan ia daripada haiwan. Oleh itu, orang-orang yang tidak mempunyai sifat-sifat seperti yang disebut itu sering dianggap sebagai tidak berbudi dan tidak berbahasa.

Nilai pula boleh dibahagikan kepada beberapa aspek tertentu. Iaitu teknik, ekonomi, moral, upacara, keindahan dan persatuan.

Di dalam alam masyarakat Bajau tradisional terdapat bermacam-macam larangan dan tegahan dikenakan tetapi buat masyarakat hari ini, tegahan-tegahan itu sudahpun mulai hilang. Anak-anak gadis sudah dibenarkan menuntut pelajaran dan sudah dibenarkan

University of Malaya

bekerja malah ada di antara mereka yang merupakan sumber pendapatan keluarga. Petua-petua yang dahulunya diamalkan oleh orang-orang tua sudah mula dilupakan

Kecantikan terdiri daripada dua sudut yang berlainan iaitu sudut luaran dan dalaman. Konsep kecantikan di kalangan wanita Melayu dan Bajau juga adalah sama iaitu tidak hanya melihat sudut luaran yang berkaitan dengan wajah dan tubuh badan tetapi turut merangkumi aspek dalaman yang lebih luas dan penting. Kecantikan akan melambangkan keperibadian seseorang wanita kerana wanita yang cantik akan digambarkan seorang wanita yang pandai menjaga ketrampilan mereka. Kecantikan juga akan menampilkan personaliti yang menarik kerana mereka akan lebih berkeyakinan untuk tampil di khalayak tanpa mempunyai perasaan rendah diri.

Penampilan luaran adalah pandangan pertama yang akan dinilai oleh seseorang .Kecantikan pada pandangan luaran akan member gambaran bahawa setiap wanita itu pandai menjaga perawakan dan personaliti serta dapat meyakinkan orang lain.Kecantikan luaran biasanya dijadikan ukuran utama untuk menilai kecantikan seseorang ketika pandangan pertama.

Namun begitu, tanpa kecantikan dalaman tidak bermakna dan lengkap kecantikan yang dimiliki oleh seseorang itu. Sesetengah kelompok masyarakat lebih mementingkan kecantikan dalaman berbanding dengan kecantikan luaran. Kecantikan dalaman merangkumi budi pekerti dan keperibadian seseorang wanita berkenaan. Berdasarkan kepada masyarakat timur seperti Malaysia kecantikan dalaman lebih diutamakan seperti mengikut nilai dan norma masyarakat timur yang kaya dengan ketinggian budi bahasa,hormat menghormati, sopan santun , lemah lembut, menjaga maruah diri dan pembawaan sikap yang bersesuaian dengan adat dan budaya timur berteraskan ajaran Islam.(Wan Abdul Kadir, 2000:40) Secara terperinci lagi nilai-nilai dalaman akan dilihat dari sudut pertuturan, pergaulan, cara berinteraksi, makan, minum, berpakaian dan semua



University of Malaya

tingkah laku yang menampilkan ketrampilan dalam kecantikan serta perlu juga kena pada tempatnya.Seseorang wanita yang bijak dalam menampilkan kecantikan perlu pandai menyesuaikan ketrampilan diri pada majlis atau suasana yang dihadirinya. Penampilan dalam berpakaian dan cara solekan amat penting untuk disesuaikan dengan majlis yang dihadiri.

Ledakan zaman millennium juga memerlukan wanita bersikap tegas dalam apa jua keadaan untuk mengelakkan mereka ditindas. Bagaimanapun budi pekerti,lemah lembut dan sopan santun itu perlu dipertahankan namun sikap tersebut mestilah kena pada tempatnya. Mereka seharusnya memiliki ketegasan dalam membuat sebarang keputusan dalam merencanakan kehidupan yang baik tetapi adab agama, adat dan budaya mestilah dipatuhi. Dan ini semua tetap dipertahankan oleh wanita Bajau walaupun perubahan masa dan arus permodenan turut melanda masyarakat Bajau.

## 2.5 Model Kajian Kecantikan

Seperti yang telah disebutkan dalam bab yang terdahulu, ada beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang berhubungan dengan kecantikan. Kajian-kajian tersebut dilakukan dalam aspek yang berbeza-beza. Misalnya yang menumpukan kepada mantera-mantera yang diamalkan supaya diri si pengamal sentiasa dilihat cantik. Ada juga kajian yang bertumpu kepada amalan penjagaan kesihatan supaya tubuh badan menjadi sihat dan cantik. Terdapat dua kajian di peringkat doktor falsafah dalam tahun yang sama yang dilakukan cara dan kaedah yang sama tetapi berlainan tempat dan masyarakat. Kedua-dua kajian ini juga dirasakan penting untuk pengkaji gunakan sebagai model untuk melihat kecantikan wanita Bajau. Selain daripada itu di dalam mengamalkan mantera dan juga pengambilan makanan, seseorang yang hendak memelihara kecantikan itu perlu juga mengamalkan petua dan pantang larang yang tertentu. Oleh kerana itu,

University of Malaya

pengkaji juga mengambil kajian tersebut sebagai asas untuk membina sebuah model yang dirasakan berkesan untuk memastikan kecantikan seseorang itu.

### 2.5.1 Model Kajian Hermansyah (2006)

Kajian yang dilakukan oleh Hermansyah pada tahun 2006 di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk *Alam Orang Melayu: Kajian Ilmu di Embau Kalimantan Barat Indonesia* terlihat amat sesuai untuk pengkaji gunakan sebagai salah satu model untuk membina model kajian kecantikan. Kajian ini adalah mengenai mantera yang digunapakai oleh masyarakat Embau di Kalimantan Barat dan lebih dikenali sebagai Ilmu. Kajian ini bertujuan untuk membuktikan tentang kewujudan mantera yang lebih dikenali sebagai "Ilmu" di Alam Melayu terutama di Pedalaman Kalimantan.Turut dibincangkan adalah masyarakat yang terdapat di kawasan kajian serta fungsi mantera tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan ilmu amat fungsional dan luas pemakaiannya dalam masyarakat Embau. Ilmu digunakan dalam lingkaran hidup orang Embau sejak lahir sehingga meninggal dunia.Kajian ini memfokuskan aspek kegiatan dan kepercayaan magis orang Melayu Embau yang dikenali sebagai *Ilmu*. Menurut pengkaji (Hermansyah) mantera yang terdapat di Embau telah mendapat pengaruh Islam dan Hindu. Pengaruh Hindu ini dipercayai diperolehi melalui hubungan dengan Jawa iaitu Kerajaan Majapahit. (Hermansyah:2010:48). Kajian tentang mantera telah diklasifikasikan mengikut jenis dan fungsi mantera tersebut dalam masyrakat Embau. Jenis-jenis mantera tersebut telah dibahagikan kepada mantera *tawar* iaitu untuk tujuan pengubatan beserta bahan-bahan yang digunakan seperti limau, sirih, kapur, telur ayam kampung dan sebagainya. Bagi masyarakat Embau Mantera *Cuca* digunakan untuk tujuan penunduk terhadap musuh, pengasih, pendinding, kecantikan, penggerun dan sebagainya. Manakala *ilmu* pula

University of Malaya

digunakan untuk tujuan yang hampir sama dengan mantera *Cuca*. *Cuca* dan *ilmu* mempunyai fungsi yang sama tetapi nama yang berlainan di setiap tempat di Embau. Lantaran itu, pengkaji telah membezakan penulisan perkataan ilmu melalui ejaan yang digunakan. Penggunaan huruf besar digunakan bagi merujuk kepada keseluruhan mantera masyarakat Embau, manakala ilmu yang ditulis menggunakan huruf kecil menggambarkan jenis-jenis mantera tersebut iaitu seperti mantera pendinding, pengasih, pemanis dan sebagainya. Hasil kajian, pengkaji telah berjaya mengumpulkan sebanyak 300 jenis mantera yang meliputi pelbagai aspek seperti kecantikan wanita serta mantera untuk perlindungan diri seperti mantera untuk kekebalan dan sebagainya. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji iaitu dari aspek mantera kecantikan wanita dan pakaian diri seperti penunduk,penguat badan,pengasih,pemanis dan sebagainya. Hasil kajian ini juga mendapati pemakaian *ilmu* dalam masyarakat Embau adalah sebagai perantara hubungan antara manusia dengan kuasa ghaib serta menggambarkan corak hubungan manusia dan alam semesta. Kekuatan hasil kajian ini telah berjaya membuktikan terdapat kesinambungan kebudayaan, adat istiadat dan kepercayaan masyarakat Melayu Embau dengan masyarakat bukan Melayu di Pulau Borneo serta masyarakat lain di Semenanjung Malaysia, Sumatera Jawa dan Maluku. Kajian ini adalah hampir sama dengan kajian pengkaji dari aspek jenis-jenis mantera tetapi berbeza dari masyarakat yang dikaji.

University of Malaya

### 2.5.2 Model kajian Sharifah Suraya Syed Jamaluddin dan Salmah Omar (2010)

Dari aspek kecantikan pula terdapat juga beberapa kajian di peringkat doktor falsafah yang memberi tumpuan kepada penjagaan kesihatan. Penjagaan kesihatan yang betul akan memberikan kecantikan kepada diri si pengamalnya. Kajian-kajian itu adalah seperti

yang dilakukan oleh Sharifah Suraya binti Syed Jamaluddin (2010) dan kajian oleh Salmah binti Omar (2010) juga. Tajuk kajian mereka hampir sama iaitu “Penjagaan Kesihatan wanita Melayu Kampung Selarong Perak” dan “Penjagaan Kesihatan Masyarakat Melanau Islam Kampung Jepak, Bintulu, Sarawak”. Sharifah melakukan kajian di Perak, manakala Salmah pula melakukan kajiannya di Sarawak. Tumpuan kajian kedua-dua tesis ini hampir sama iaitu tentang amalan-amalan yang dilakukan dalam kedua-dua masyarakat tersebut untuk memastikan kesihatan mereka baik. Kajian oleh Sharifah mengandungi 6 bab, iaitu pendahuluan, kawasan kajian, konsep sihat dan amalan cara penjagaan kesihatan, penjagaan kesihatan melalui pemakanan dan pantang larang dan petua yang yang berkaiatan dengan penjagaan kesihatan, manakala bab 6 adalah kesimpulan kepada kajian ini. Kajian oleh Salmah di Bintulu, Serawak juga mengandungi 6 bab. Seperti biasa bab pertama adalah pendahuluan, bab ke 2 adalah latar belakang kepada tempat kajian, bab ke 3 adalah konsep sihat mengikut suku kaum Melanau, bab ke 4 ialah penjagaan kesihatan melalui pemakanan, bab ke 5 pula penjagaan kesihatan melalui penggunaan tumbuh-tumbuhan dan bab 6 adalah kesimpulan kepada kajian ini. Sepertimana yang disebut di atas tadi kedua-dua kajian ini hampir sama tetapi ada perbezaannya di dalam bab 5. Sharifah membincangkan pantang larang dalam penjagaan kesihatan, manakala Salmah pula membincangkan penggunaan tumbuh-tumbuhan dalam penjagaan kesihatan. Dan seperkara lagi yang membezakan kedua-dua kajian ini ialah masyarakat yang dikaji. Kajian Sharifah di Perak melibatkan orang-orang Melayu, manakala kajian Salmah di Bintilu melibatkan kaum Melanau. Dari segi penggunaan teori dalam kajian ternyata kedua-dua kajian ini tidak menyatakan teori yang digunakan, sebaliknya mereka menggunakan kerangka konsep yang berkaitan dengan bidang kajian yang dilakukan iaitu kesihatan. Bagaimanapun kedua-dua kajian ini adalah penting kepada pengkaji iaitu dalam usaha membina sebuah model kajian kecantikan wanita Bajau sepertimana yang akan dibincangkan di bawah ini.

University of Malaya

### 2.5.3 Model Kajian Roziah Omar (1994)

Kajian yang dilakukan oleh Roziah Omar (1994) yang bertajuk “*The Malay Woman in the Body Between Biology and Culture*” telah membincangkan tentang kecantikan menurut pandangan masyarakat Melayu di Kampung Mawar Melaka. Selain daripada itu,kajian ini juga turut membincangkan tentang kesihatan serta amalan dan pantang larang yang diamalkan oleh wanita Melayu bagi menjaga kecantikan mereka yang meliputi penjagaan semasa haid,mengandung serta selepas putus haid. Bagi masyarakat kampung Mawar Melaka,kecantikan wanita memainkan peranan penting dalam diri seseorang wanita.Bukan sahaja untuk kelihatan cantik di mata lelaki tetapi juga untuk diri kelihatan lebih berketrampilan. Bagi masyarakat wanita Melayu yang sudah berkahwin bentuk tubuh yang cantik adalah dikategorikan dalam jenis tubuh yang berisi dan tidak terlalu kurus. Sebaliknya bagi anak dara mereka menginginkan bentuk tubuh yang kurus untuk kelihatan cantik dan menarik seperti model-model wanita yang sering ditayangkan dalam media massa.

### 2.5.4 Model Kajian Kecantikan Wanita Bajau

Daripada beberapa kajian yang telah dibincangkan sebelum ini didapati kajian-kajian tersebut mempunyai kaitan yang amat rapat dengan kajian yang pengkaji ingin lakukan. Daripada kajian-kajian tersebut pengkaji telah membentuk sebuah model yang dapat dirumuskan sepertimana dalam gambar rajah di bawah:

University of Malaya




**Rajah 2.1: Model Kajian Mantera dan Amalan Kecantikan Wanita Bajau**

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, model kecantikan wanita Bajau ini (selepas ini ditulis MKWB) dibentuk dengan kombinasi model kajian Herman Syah(2006), Sharifah Suraya dan Salmah Omar (2010) serta Model Kajian Roziah Omar

(1994). Dalam model ini kecantikan wanita Bajau akan dilihat daripada aspek mantera yang diamalkan mereka, aspek pemakanan dan penjagaan kesihatan serta pantang larang yang diamalkan oleh mereka.

Untuk aspek mantera beberapa perkara akan diteliti misalnya kata-kata yang digunakan di dalam mantera yang dibaca. Kata-kata yang digunakan biasanya adalah kata-kata yang berkaitan dengan akidah penganut agama Islam. Misalnya penyebutan kalimah Bismillahirrahmannirrahim, nama-nama Nabi serta Rasul, nama-nama malaikat, syurga dan neraka dan sebagainya. Ada juga penyebutan flora dan fauna yang ada di alam seperti bulan, bintang, matahari dan juga nama-nama tumbuhan serta buah-buahan. Penyebutan nama-nama nabi serta Rasul bukan dibuat secara sembarangan tetapi hanya nabi serta rasul yang terpilih sahaja. Misalnya Nabi Muhammad digunakan adalah kerana bagindalah yang membawa syariat agama Islam. Kata-kata …"berkat doa Muhammad Rasulullah" adalah sesuatu yang biasa ditemui dalam mantera Bajau. Jadi kebanyakan mantera akan ditutup dengan penyebutan kalimat ini, iaitu memohon keberkatan daripada junjungan besar Nabi Muhammad.

Selain daripada Nabi Muhammad terdapat juga beberapa mantera yang menggunakan nama-nama Nabi Yusof dan Daud 'alaihissalam. Dan ternyata penggunaan ini adalah disebabkan Nabi-Nabi tersebut mempunyai keistimewaan mereka yang tersendiri. Nabi Yusof misalnya mempunyai rupa paras yang cantik, manakala Nabi Daud pula mempunyai suara yang lemak merdu. Begitu juga dengan penggunaan nama-nama malaikat seperti Jibrail, Mikail, Israfil semua menjurus kepada fungsi dan tugas malaikat-malaikat yang berkenaan dalam kepercayaan agama Islam. Dengan penggunaan nama-nama Nabi, Malaikat, nama-nama para sahabat Nabi, pengamal mantera percaya bahawa mantera yang diamalkan oleh mereka akan berkesan untuk menarik perhatian (mantera

University of Malaya

pemanis, pengasih), melemahkan (mantera penunduk) dan juga pendinding (mantera penguat badan seperti kebal) orang-orang yang berada di sekeliling mereka.

Untuk memelihara kecantikan luaran dan dalaman seseorang itu juga perlu menjaga aspek pemakanan dan aktiviti-aktiviti harian. Terdapat berbagai petua dan pantang larang yang diamalkan terutama dalam penjagaan kesihatan dan perkara-perkara lain yang juga berkaitan dengan kesihatan. Misalnya terdapat pantang larang daripada memakan sayuran yang sejuk dan berangin, tidak boleh meminum air batu, tidak boleh lalu di bawah ampaian kerana dipercayai ilmu dan amalan yang dipelajari tidak akan menjadi. Wanita-wanita yang bersalin juga perlu mengamalkan petua dan pantang larang yang keras untuk menjaga kecantikan. Mereka perlu berurut, bertungku, berdiang supaya urat-urat yang kembang semasa proses mengandung dan bersalin menjadi kecut. Pendek kata untuk menjadi cantik di luar dan cantik di dalam seseorang wanita itu perlu menjaga pemakanan, kesihatan dan juga mengamalkan juga mantera-mantera yang dipercayai dapat membantu mereka supaya kelihatan canti. Jadi model kecantikan ini (MKWB) menekankan kepada beberapa aspek dalam melakukan analisis terhadap data-data yang berupa mantera dan beberapa petua serta amalan yang dilakukan oleh kaum wanita Bajau. Perkara-perkara tersebut dapat disimpulkan seperti berikut;

***(a) Mantera***

Aspek yang yang dikaji ialah pemilihan kata. Kata-kata yang dipilih ini adalah yang berkait rapat dengan agama anutan orang-orang Bajau, iaitu Islam. Dan ianya merupakan sandaran utama untuk memastikan keberkesanan mantera yang diamalkan. Terdapat beberapa kategori kata yang dipilih.

University of Malaya

i. Kata-kata yang berhubungan dengan agama seperti nama penggunaan nama-nama Nabi serta Rasul, nama-nama malaikat, nama-nama sahabat Nabi Muhammad, nama-nama syurga dan neraka.

ii. Kata-kata yang berhubungan dengan flora dan fauna. Selalunya kata-kata yang sering digunakan ialah seperti matahari, bulan, bintang dan juga kata-kata daripada alam tumbuhan seperti tumbuhan dan buhan-buahan.

***(b) Petua dan amalan yang dilakukan.***

Amalan-amalan yang dimaksudkan ialah yang berkaitan dengan penjagaan pemakanan, penjagaan tubuh badan daripada aspek fizikal seperti berurut, bertungku, berbekam dan sebagainya. Manakala penjagaan makanan bermaksud seseorang itu hanya memakan makanan yang berkhasiat dan seimbang. Misalnya memakan ulaman dan makanan yang berebus sahaja. Semua petua dan amalan ini akan menjadikan aspek luaran dan dalaman seimbang. Keseimbangan inilah yang membuatkan seseorang itu cantik.

## 2.6 Rumusan

Teori fungsional yang melihat hubungan di antara anggota masyarakat sebagai faktor penting dalam membentuk budaya yang harmoni boleh diterapkan secara bersama dengan model kecantikan (MKWB). Ini kerana apabila seseorang itu sihat dia akan mempunyai rupa paras yang berseri-seri. Rupa paras yang cantik, ayu, manis ini akan memudahkan orang-orang di sekeliling mendampingi mereka. Dalam hikayat-hikayat Melayu lama dan cerita-cerita Panji sering diceritakan bagaimana anak-anak raja atau para ratu yang berkelana (mengembara) kerana mencari bakal isteri (*Hikayat Malim Deman*) atau mencari tunangan yang hilang (dalam kebanyakan cerita Panji) sering dikagumi oleh orang-orang di negeri yang mereka kunjungi. ”Sira Panji antara dikenalnya dengan tiada,

University of Malaya

lalu sama berjalan masuk. Telah sampai ke pasar maka orang menuntonnya pun terlalu ramainya penuh sesak bertindih-tindih. Sepanjang jalan itu orang memuji-muji Sira Panji kedua bersaudara itu" (Abdul Rahman Kaeh, 1976: 228) Kecantikan rupa paras yang ditambahkan lagi dengan peri laku yang bersopan santun, tutur kata yang lemah lembut akan menjadikan watak-watak seperti ini mudah diterima oleh masyarakat.

University of Malaya

# BAB 3: MASYARAKAT BAJAU

## 3.1 Pendahuluan

Bab 3 merupakan pengenalan kepada latar belakang Masyarakat Bajau,populasi masyarakat Bajau,asal-usul orang Bajau. Turut dibincangkan juga Bajau *Sama* dan Bajau *Laut*,penduduk dan petempatan, agama dan kepercayaan, pekerjaan dan ekonomi,kebudayaan masyarakat Bajau,budaya dan kesenian, serta latar belakang kampung-kampung yang menjadi tumpuan kajian serta rumusan.

## 3.2 Latar belakang Masyarakat Bajau

Bajau tergolong dalam masyarakat maritim di Asia Tenggara yang terdiri daripada pelbagai gelaran seperti orang Mawken di kepulauan Mergui,Seletar atau orang Laut di kepulauan Riau dan Lingga serta Bajau di kepulauan Sulu,Borneo,Sulawesi,Maluku dan Nusa Tenggara. Etnik Bajau di Sabah merupakan sebahagian daripada suku etnik Asia Tenggara yang lebih dikenali sebagai suku Bajo di Indonesia,Badjau dan Samal di Filipina serta Sama atau Bajau di Malaysia.(Gusni Saat,2008:21)

Masyarakat Bajau dikenali sebagai *sea gypsies* dalam kalangan pengkaji Inggeris dan *sea nomads* dalam kalangan pengkaji Jerman dan Belanda yang membawa pengertian sebagai orang yang mengembara di laut..Kajian tentang masyarakat Bajau telah dilakukan oleh pengkaji seperti I.H.N.Evans, D.E,Sopher. I.H.N.Evans,berpendapat Bajau adalah satu kelompok Melayu Proto yng bersifat maritime. Manakala kajian D,E,Sopher pula mendapati masyarakat Bajau merupakan kelompok *nomadic seafolks* atau *boat nomad*. Masyarakat Bajau mempunyai banyak persamaan dengan masyarakat Mawken atau Selung yang terdapat di kepulauan Mergui, juga beberapa kelompok lain di kepulauan



University of Malaya

Riau-Lingga,kawasan pantai Sumatera,Pulau Bangka,Pulau Billiton dan Pulau Tujuh di Daerah Laut China Selatan yang menggunakan pelbagai nama. (Yap Beng Liang,1993:1-3)

### 3.3 Populasi Masyarakat Bajau

Masyarakat Bajau terdapat di rantau Asia Tenggara khususnya di Filipina,Indonesia dan Malaysia. Di selatan Filipina terdapat kekeliruan tentang penggunaan istilah Bajau.Hal ini berlaku kerana konflik identiti masyarakat Bajau Sama Dilaut dengan sama yang tinggal menetap di darat yang berkaitan dengan latar belakang serta status sosial masyarakat Bajau.(Gusni Saat,2008:22)Sebilangan masyarakat Bajau di Filipina bekerja sebagai nelayan dan kebanyakan menetap di kawasan kepulauan Tawi-Tawi dan bertumpu di Pulau Siasi dan Sitangkai. .(Gusni Saat,2008:25)

Di Indonesia, masyarakat Bajau terdapat di kawasan pesisir pantai dan pulau terutamanya di bahagian timur,utara dam tengah Sulawesi. Kawasan tumpuan masyarakat ini adalah di perairan pantai dan kepulauan Sulawesi seperti Kampung Bajo di Kabupaten Bone, Sulawesi selatan,Kepulauan Rajuna,Kepulauan Tukang Besi,Kepulauan Togian,Kepulauan Siatu dan Pulau Flores di Nusa Tenggara Timur.Masyarakat Bajau di Indonesia kebanyakannya bekerja sebagai nelayan.(Gusni Saat,2008:25-27)

Di Malaysia masyarakat Bajau terkenal di negeri Sabah khususnya di pantai Timur dan Pantai Barat Sabah. Bajau di kalangan Pantai Timur Sabah dikenali sebagai Bajau manakala di pantai Barat lebih terkenal dengan gelaran Sama. Perbezaan istilah ini adalah merujuk kepada kegiatan ekonomi masyarakat ini iaitu nelayan di pantai timur Sabah dan petani dan penternak binatang di pantai barat Sabah. Daerah petempatan bagi masyarakat Bajau Pantai Timur Sabah amat terkenal di Semporna yang berjumlah 78,550 0rang,Lahad Datu 40,146 orang manakala di Tawau 31,616 orang.Terdapat juga



University of Malaya

penduduk Bajau di daerah lain tetapi bilangannya terlalu sedikit berbanding kawasan penempatan yang popular. Manakala masyarakat Bajau Pantai Barat yang lebih suka menggelarkan diri mereka sebagai Bajau *Sama* mempunyai populasi yang tinggi di kawasan Jajaran Kota Kinbalu ( 74,731 orang ),Tuaran(35,738 orang), Putatan(15,989 orang ),Kota Belud (32,338 orang ), Kota Marudu (10,450 orang ) dan lain-lain.

| **Daerah** | **Jumlah Penduduk Bajau** |
|---|---|
| Tawau | 31,616 |
| Lahad Datu | 40,146 |
| Semporna | 78,550 |
| Sandakan | 40,288 |
| Kinabatangan | 1,932 |
| Beluran | 4,779 |
| Kota Kinabalu | 74,731 |
| Ranau | 1,108 |
| **Kota Belud** | **32,338** |
| Tuaran | 35,738 |
| Penampang | 9,422 |
| Papar | 22,536 |
| Kudat | 18,227 |
| Kota Marudu | 10,450 |
| Pitas | 4,055 |
| Beaufort | 3,443 |
| Kuala Penyu | 1,927 |
| Sipitang | 972 |
| Tenom | 1,285 |

University of Malaya

| | |
|---|---|
| Nabawan | 299 |
| Keningau | 5,588 |
| Tambunan | 439 |
| Kunak | 13,572 |
| Tongod | 849 |
| Putatan | 15,989 |
| W.P. Labuan | 6,300 |

**Jadual 3.1: Penduduk Bajau mengikut daerah pentadbiran Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, 2010. (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah. Disember 2015)**

University of Malaya

## 3.4 Asal-usul Orang Bajau

Masyarakat Bajau merupakan kaum yang kedua terbesar selepas masyarakat Kadazan – Dusun di Sabah. Masyarakat Bajau terbahagi kepada dua kelompok, iaitu Bajau Darat yang terdapat di Kota Belud, Tuaran, Menggatal, sekitar Kota Kinabalu, Putatan, dan Papar. Masyarakat Bajau Darat terkenal sebagai petani untuk menyara kehidupan mereka. Masyarakat Bajau daerah Kota Belud amat terkenal sebagai penternak binatang, khususnya kerbau, lembu, kambing, kuda dan ayam. Mereka juga terkenal dengan gelaran penunggang kuda Bajau. Masyarakat Bajau Laut pula terdapat di pantai timur Sabah, khususnya di daerah Semporna dan pulau – pulau kecil yang berhampiran dengan pantai timur Sabah. Mereka ini bergantung kepada laut sebagai sumber kehidupan.Pembahagian secara geografi ini telah mewujudkan bahasa dan adat serta budaya yang amat berbeza sekali.( Hassan Mat Nor 1982:8 )

Menurut Yap Beng Liang (2001 : 9), terdapat pelbagai pendapat yang menerangkan kewujudan nama Bajau. Menurut satu pendapat, istilah Bajau itu telah diberikan oleh

orang Bugis dengan sebutan ‘Waju’ yang bermaksud *‘men that go in troops’* atau orang – orang yang bergerak dalam satu – satu kumpulan yang tertentu.

Pada zaman dahulu, masyarakat Bajau dan Brunei tidak dapat hidup bersama kerana perbezaan budaya dan adat resamnya. Lantaran itu, timbul perkataan ‘Bajauhan’ yang membawa maksud berjauhan.( Asmah Hj. Omar : 1983 ).

Tanggapan yang lain tentang Bajau adalah terdapat variasi tentang ejaan, seperti ‘ Badjao’, ‘Badjaw’ dan ‘Badjau’ yang telah digunakan oleh The Chartered Company untuk merujuk kepada penutur Bajau di utara Borneo pada waktu tersebut.Dipercayai variasi ejaan dan sebutan ini berpunca daripada suku kaum yang berlainan dan mempunyai dialek yang berbeza dalam masyarakat Bajau.

Menurut informan yang ditemui dalam kajian ini, istilah ‘Sama’ digunakan apabila mereka bertemu dengan rakan – rakan yang telah lama tidak bertemu di tamu atau di mana – mana tempat. Pertemuan ini secara tidak langsung akan dapat merapatkan hubungan mereka kerana berasal dari rumpun yang ‘sama’ atau serupa.

Masyarakat Bajau sama seperti masyarakat pribumi lain di Sabah yang mempunyai latar belakang sejarah, ekonomi, sosial dan kebudayaan yang tersendiri. Kajian yang dilakukan oleh Kenneth D. Smith ( 1984 ) menunjukkan masyarakat Bajau terbahagi kepada dua kelompok yang besar, iaitu masyarakat Bajau Darat di bahagian pantai barat yang merangkumi daerah Papar, Kota Kinabalu, Tuaran, Kota Belud, Kudat dan bahagian utara Pitas. Manakala masyarakat Bajau Laut di bahagian pantai timur Sabah meliputi daerah Semporna, Sandakan, Lahad Datu dan Pantai Timur Sabah.

Pada zaman pemerintahan British, pengkaji – pengkaji Barat banyak menulis tentang masyarakat Bajau Laut berbanding Bajau Darat. Usaha ini juga berterusan sehingga

University of Malaya

selepas pemerintahan British. Ini terbukti dengan kajian tentang Bajau laut di Semporna yang telah dilakukan oleh Clifford A. Sather ( 1965 ).

Kebanyakan masyarakat Bajau di daerah Kota Belud menjadi petani, nelayan dan juga penternak. Penglibatan di sektor perniagaan masih dikuasai oleh penduduk Cina.Penglibatan pribumi dalam sektor perniagaan lebih tertumpu kepada perniagaan secara kecil – kecilan di pasar tamu yang diadakan setiap hari Ahad oleh penduduk tempatan.

Taraf hidup masyarakat Bajau Kota Belud bersifat sederhana. Di kalangan pelancong, Kota Belud terkenal sebagai pekan *'Cowboy'* kerana kuda menjadi salah satu daripada pengangkutan yang agak penting. Malah di kalangan mereka, kuda merupakan raja segala ternakan . Oleh itu, sungguhpun mereka mempunyai binatang ternakan yang banyak, tanpa kuda mereka merasakan usaha mereka masih belum sempurna. Oleh itu, kuda menjadi lambang atau identiti masyarakat Bajau.

Masyarakat Bajau ialah masyarakat yang masih kuat dan berpengaruh. Kekuatan masyarakat Bajau terletak pada nilai – nilai kemasyarakatan atau kebudayaannya. Lantaran itu, masyarakat Bajau mampu mengislamkan suku lain menjadi 'Bajau' melalui perkahwinan.Ini berlaku apabila terdapat perkahwinan campur yang terjadi di antara kaum Kadazan Dusun, Cina dan sebagainya. Melalui perkahwinan ini, mereka bukan sahaja menukar agama tetapi mampu menukar bahasa mereka kepada bahasa Bajau agar lebih diterima di kalangan kelompok masyarakat Bajau. Oleh itu, di Kota Belud terdapat bangsa lain yang mahir berkomunikasi dalam bahasa Bajau.

Masyarakat Bajau yang wujud sehingga kini masih merupakan masyarakat petani dan nelayan yang mewarisi tradisi nenek moyang mereka. Mereka tinggal di kawasan



University of Malaya

pertanian yang paling subur di sekitar muara – muara sungai di persisiran pantai barat Sabah. Pada zaman dahulu, mereka dikatakan telah menghalau masyarakat Dusun yang mendiami kawasan pinggir pantai ke kawasan pedalaman dan kaki bukit.

Pengkaji – pengkaji  Barat seperti Ivor H.N.Evans ( 1922), W.F.Schneeberge (1937), John H. Alman ( 1960 ), H. Arlo Nimmo ( 1963 ), James F. Warren ( 1971 ), dan Tom Harisson ( 1973 ) telah mengkaji tentang sejarah dan masyarakat Bajau. Tulisan mereka lebih memfokuskan kepada asal – usul orang Bajau, pentadbiran British terhadap orang Bajau dan tentang cara hidup masyarakat Bajau serta hasil seni masyarakat ini.

Hasil kajian pengkaji barat yang terkenal seperti  Sopher, Evans, Sather, Cryil Alliston, Najeeb M. Saleeby dan sebagainya menemui beberapa dapatan kajian, antaranya menurut Hassan Mat Nor ( 1980 : 174 ), pada zaman dahulu, Sultan Johor ada mempunyai seorang puteri yang sangat cantik bernama Dayang Ayesha. Puteri ini telah menjadi rebutan Sultan Brunei dan Sultan Sulu. Walaupun Dayang Ayesha mencintai Sultan Brunei, tetapi ia tetap menurut kata orang tuanya yang ingin menjodohkannya dengan Sultan Sulu. Dalam perjalanan mereka ke Sulu, sultan Brunei telah mengaturkan gerakan yang cekap untuk menculik kekasih hatinya. Lantaran kejadian itu, pengiring – pengiring Puteri  telah takut untuk kembali menghadap sultan Johor. Mereka lebih suka menjadi pengembara laut yang lebih suka belayar dari satu tempat ke tempat yang lain. Lama - kelamaan, mereka mencari tempat pendaratan yang bersesuaian dengan citarasa mereka dan selebihnya memilih untuk terus tinggal di atas perahu. Kini, masyarakat Bajau Darat dilihat memonopoli mendiami kawasan pantai barat Sabah berbanding masyarakat Bajau Laut yang banyak bertumpu di kawasan pesisir pantai, pantai timur Sabah.

Asal – usul masyarakat Bajau yang bermula dari Johor turut disokong oleh Najeeb M. Saleeby ( 1963 : 32- 41 ) yang mendapati penghijrahan masyarakat Bajau dari Sulu ke Johor adalah disebabkan oleh tiupan angin taufan pada abad ke – 14. Walaupun jumlah

University of Malaya

yang terdapat dalam penghijrahan ini ramai tetapi, mereka dapat ditakluk dengan mudah oleh orang Suluk yang telah menjadi penduduk asal kepulauan Sulu. Lantaran itu, hubungan sosial yang terjalin di antara masyarakat Bajau dan Suluk umpama askar dan tawanan perang yang sering terdapat di dalam cerita – cerita rakyat yang dikaji.

Yap Beng Liang ( 1993:6 ) dalam kajiannya yang bertajuk ‘Orang Bajau di Pulau Omadal, Sabah menyatakan bahawa menurut satu cerita orang Bajau Semporna, Sultan Iskandar Alam di Johor mempunyai seorang puteri yang bernama Siti Zairan Kabaran. Kecantikan puteri tersebut telah menjadi rebutan di antara Selangaya Bongsu dan adiknya Haklum Nuzum. Sultan Iskandar telah memerintahkan mereka berlumba untuk menyeberangi Pulau Angsor di Johor. Sewaktu perlumbaan berlangsung, tiba – tiba layar kapal Selangaya Bongsu telah patah, sekaligus kemenangan tidak memihak kepadanya untuk memiliki Tuan Puteri . Akibat daripada kekecewaan tersebut, beliau telah membawa diri belayar sehingga ke Filipina. Semasa pelayarannya, Selangaya Bongsu telah singgah ke Zambonga dan Mindanao, Filipina. Akhirnya, Selangaya Bongsu telah menetap di Pulau Setaluk di bahagian selatan Filipina yang diubah namanya kepada Pulau Siasi. Dipercayai masyarakat Bajau pulau Omadal keturunan Selangaya Bongsu berasal dari Pulau Siasi yang pada ketika itu dikenali sebagi Tanah Mengirah.

Jadi, masyarakat Bajau di Pulau Omadal mempercayai mereka berasal dari keturunan Selangaya Bongsu yang berasal dari Johor dan kemudiannya membawa diri ke Pulau Siasi di selatan Filipina. Menurut Evans ( 1952:46 -56 ) masyarakat Bajau di daerah Kota Belud pula, menyatakan mereka berasal daripada cerita legenda tiga orang bersaudara iaitu Datu Amir Bahar, Datu Amirul Mukminin dan seorang lagi yang dipercayai menetap di Johor. Ketiga – tiga orang bersaudara ini mempunyai seorang adik yang bernama dayang Bulan yang berkahwin dengan keturunan Raja Brunei. Datu Amir Bahar telah menjadi Raja Sulu, sementara Datu Amirul Mukminin telah pergi ke Kudat, bahagian

University of Malaya

utara Pulau Borneo.Pada suatu hari, Dayang Bulan ingin  dengan belayar ke kuala Johor untuk menemui abangnya.Rombongan mereka tidak diterima di Johor dan ini mengakibatkan mereka belayar semula sehinggalah bertemu dengan kawasan yang banyak batu timbul dan menamakan kawasan itu sebagai ‘mandi darah’ atau dikenali kini sebagai Kudat.

Pada suatu hari, seorang anak raja Brunei telah melintasi kawasan tersebut dan terlihat sekeping atap yang mengandungi dedak dan sehelai rambut terapung – apung di atas air. Baginda menyusuri sungai dan bertemu dengan Dayang Bulan dan kedua – dua orang abangnya. Anak raja Brunei itu telah berkahwin dengan Dayang Bulan.Selepas perkahwinan itu, Dayang Bulan dan suaminya telah telah belayar ke Brunei, manakala abangnya Datu Amir Bahar telah kembali semula ke Sulu dan Datu Amirul Mukminin pula telah belayar ke Kuala Tambuluran bersama anaknya Datu Tunggal dari Johor. Datu Tunggal telah membuka petempatan di Tambuluran.beliau telah berpindah ke Kandis yang sekarang dikenali sebagai kampung Rampaian Kota Belud selepas kematian isterinya. Beliau telah berkahwin semula dan mendapat seorang anak yang bernama Datu Awang, dan dipercayai keturunan ini telah meninggal dunia di kawasan ini.

Haji Buyung Adil, dalam buku *Sejarah Johor* ( 1980 ), memperkatakan tentang  Yam Tuan Raja Bajau dan kisahnya yang tidak jadi kahwin dengan Puteri Jambi. Peristiwa itu tidak dilanjutkan lagi, tetapi secara logiknya Raja Bajau itu akhirnya berkahwin juga dan mendapat puteri.Dipercayai puteri baginda itulah yang sering diperkatakan sebagai kisah orang – orang Bajau yang pertama di Kuala Abai Kota Belud.

Asal – usul  masyarakat Bajau yang bermula dari selatan Filipina ( 1965:351 – 352 ) dapat diterima oleh logik akal memandangkan lokasi fizikal kawasan   Sabah yang berhampiran dengan kepulauan Sulu di Filipina.Selain daripada itu, terdapat persamaan budaya,serta bahasa masyarakat Bajau  terutamanya di kawasan pantai timur sabah.

University of Malaya

Bajau di daerah Kota Belud lebih gemar memperkenalkan diri mereka sebagai '*Sama'* dan bukannya Bajau. Bagi mereka penggunaan nama Bajau adalah gelaran asing yang diberikan pada mereka. Masyarakat Bajau terdiri dari berpuluh suku kecil yang terdapat di kepulauan Sulu, Sulawesi dan kepulauan Borneo. Menurut David E. Sopher (1965: 47) walaupun terdapat perbezaan budaya antara suku – suku tersebut, namun apa yang pasti mereka semua berasal dari budaya yang sama. Lantaran itu, sehingga kini hubungan rapat antara mereka tetap terjalin walaupun terdapat perbezaan dari aspek dialek dan budaya, tetapi semangat persaudaraan yang ditunjukkan jika seseorang itu menghadapi masalah akan mendapat kerjasama yang baik dari masyarakat Bajau itu sendiri meskipun berasal dari suku yang lain, sehingga mewujudkan pepatah Bajau yang menunjukkan kejituan masyarakat itu dalam membentuk kesepaduannya dengan cogan kata yang berbunyi *"Mangan nya' mangan, asal jo kurung – kurung"* yang bererti makan atau tidak makan, yang penting dapat berkumpul bersama – sama.

## 3.5 Bajau *Sama*

Penempatan Bajau Darat amat terkenal di bahagian pantai barat Sabah khususnya di daerah Kota Belud,Tuaran,Kota Kinabalu dan Papar.Penempatan Bajau darat ini terletak dalam kawasan bandar dan pinggir bandar.Masyarakat Bajau Darat menjalankan aktiviti bercucuk tanam,mengusahakan sawah padi serta aktiviti pertanian yang lain.Bagi penempatan Bajau Darat yang terletak di pesisir pantai,mereka bekerja sebagai nelayan.Masyarakat Bajau di bahagian pantai barat Sabah lebih suka menggelar diri mereka sebagai Bajau *Sama*. Secara tidak langsung ini dapat membezakan mereka daripada Masayarakat Bajau di Pantai Timur Sabah yang dikenali sebagai Bajau Laut berdasarkan fizikal tempat tinggal mereka yang menduduki rumah perahu. Sebaliknya Bajau *Sama* penempatannya adalah di atas daratan. Di daerah Kota Belud,masyarakat Bajau amat terkenal dengan kepakaran mereka menternak binatang seperti lembu dan



University of Malaya

kuda,menghasilkan kraftangan. Kelompok Bajau Darat atau Bajau *Sama* dapat dibezakan daripada Bajau Laut disebabkan oleh faktor Geografi,lokasi penempatan serta persekitaran budaya yang berbeza walaupun menurut sejarah asal –usul Bajau ini adalah daripada rumpun yang sama iaitu Astronesia.Masyarakat Bajau selain daripada yang terdapat di daerah Kota Belud juga terkenal dengan gelaran *Sama Dopo* yang merujuk masyarakat Bajau yang terdapat di Daerah Tuaran,Papar,Putatan.Loghat pertuturan yang digunakan juga adalah berbeza dengan Bajau *Sama* di daerah Kota Belud.

### 3.6 Bajau Laut

Bajau Laut Semporna yang mendiami pesisir pantai Semporna khususnya di Kampung Bangau-Bangau berasal dari Pulau Sitangkai, Tawi-Tawi, Selatan Filipina.Mereka digelar sebagai orang-orang Badjao di Filipina yang merupakan sub-komuniti bagi Orang Sama yang lebih sinonim dengan panggilan orang-orang yang tinggal dalam perahu dan juga pelayar-pelayar. Orang Bajau ini secara lebih besar mendiami kawasan maritim yang lebih luas di perairan Asia Tenggara khususnya Selatan Filipina, kawasan timur dan utara Pulau Borneo, perairan Sulawesi dan pulau-pulau kecil di Sunda, Indonesia dan ia juga terdapat di Kepulauan Merguidi Selatan Myanmar. Kehidupan yang dijalani sebagai orang-orang perahu dan pelayar ini menyebabkan pengkaji-pengkaji barat menggelar mereka sebagai gipsi laut. Namun H. Arlo Nimmo (1968) menyatakan bahawa Orang Badjao berasal dari darat dan mereka menjadi orang-orang perahu kerana pekerjaan untuk mencari sumber pendapatan. Ramai juga pengkaji yang mengatakan bahawa Orang Sama berasal dari pantai dan perairan Zamboanga dan Basilan. Pergerakan secara besar-besaran ke selatan dan barat, sepanjang kepulauan besar Sulu, Pulau Cagayan de Sulu dan Pantai Timur Borneo. Kumpulan lain berpindah ke kawasan utara iaitu ke Zamboanga-Sibuguey. Amalan kehidupan sebegini mungkin menyebabkanmereka tersebar ke

University of Malaya

kawasan-kawasan di sekitar Malaysia dan membentuk diaspora Bajau Laut di Malaysia dan sekali gus membentuk identiti diaspora dan identitiini terjadi kesan daripada migrasi itu sendiri. Teori lain pula mengatakan bahawa Orang Badjao sememangnya tinggal dalam perahu lalu membina rumah kediaman bertiang di kawasan yang terdapat sumber ikan yang banyak.( Hanafi Hussin:2008,151)

Penempatan Bajau laut amat terkenal di bahagian pantai timur Sabah,khususnya di aderah Semporna. Mereka menduduki pulau-pulau yang terdapat di Laut Celebes seperti Pulau Dinawan,Pulau Omadal,Pulau Siamil,Pulau Bum-Bum atau Pulau Sulabayan(Gusni Saat:2008,62-63) Pulau Bum-Bum merupakan sebuah pulau yang mengandungi lebih daripada 10 buah kampung.Pulau Bum-Bum juga mendapat kemudahan asas yang baik seperti elektrik,air,telefon,pejabat pos dan sekolah.Ramai golongan terpelajar etnik Bajau laut berasal daripada perkampungan yang dianggap maju berbanding dengan yang lain. Di kawasan Pulau Bum-Bum ini juga terletaknya sebuah penempatan awal suku etnik Bajau yang dipanggil Labuhan Hadji yang telah diasaskan oleh sekumpulan Bajau Laut. Labuhan merupakan kawasan batu karang yang dijadikan tempat pendaratan perahu lepa atau rumah perahu dan seterusnya kekal menjadi kawasan penempatan terapung bagi etnik Bajau laut yang mendiami rumah perahu. Dipercayai penyebaran etnik Bajau laut ke merata tempat dalam daerah Semporna bermula daripada kawasan penempatan Pulau Bum-Bum.

Terdapat pelbagai gelaran bagi masyarakat Bajau Laut di Pantai Timur Sabah mengikut lokasi asal-usul tempat mereka,seperti Bajau *Ubian*,Bajau *Simunul*,Bajau *Kubang*,Bajau *Palau'* dan sebagainya. Tujuan penggabungan istilah ini untuk menyatakan mereka adalah etnik Bajau tetapi daripada tempat yang berlainan.( Gusni Saat:2008,40-41). Oleh itu ini juga dapat membezakan status sosial dalam kalangan masyarakat tersebut dari segi ekonomi,pendidikan dan sebagainya. Ada pendapat yang

University of Malaya

mengatakan istilah *Palau'* mungkin berasal daripada perkataan 'Perahu' atau 'Pelaut' yang menggambarkan masyarakat Bajau asalnya adalah pengembara laut dan tinggal di dalam perahu.(Yap Beng Liang:1993, 4-5).

### 3.7 Penduduk dan Petempatan

Daerah Kota Belud mempunyai keluasan kawasan seluas 1,386 km persegi dan terdiri daripada 168 buah kampung dengan penduduk berjumlah seramai 91,272 orang. Penduduknya terdiri daripada pelbagai suku kaum, seperti Kadazan-Dusun, Bajau, Irranun, Cina,India,Bumiputera,Murut dan sebagainya yang menganut agama Kristian, Islam atau Buddha. Daripada bancian yang dibuat terdapat sebanyak 85,405 orang penduduk terdiri daripada warganegara Malaysia,dan 5,867 orang bukan warganegara.Bumiputera mencatat bilangan yang teramai iaitu 83,755 orang yang terdiri daripada Melayu seramai 1,369 orang,Kadazan 38,097 orang, manakala 32,338 orang adalah berbangsa Bajau, dan 173 adalah Murut.Bumiputera lain sebanyak 12,610 orang,Cina 1,171 orang,72 orang India,407 orang adalah lain-lain bangsa.( Sumber: Jabatan Perangkaan Negeri Sabah:Disember 2015).

Petempatan penduduk Daerah Kota Belud umumnya terdapat di pinggir pantai,kawasan sawah padi dan tanah rata ,juga kawasan berbukit. Jaringan perhubungan antara kampung-kampung yang terdapat dalam daerah Kota Belud boleh dicapai melalui jaringan jalan raya yang baik. Seni bina rumah bagi penduduk daerah Kota Belud telah mengalami perubahan kepada bentuk yang moden selaras dengan peredaran zaman.Hanya sedikit yang masih mengekalkan senibina tradisi manakala yang lain telah berubah kepada senibina moden seperti rumah batu,rumah papan, dan sebagainya.

University of Malaya

## 3.8 Agama dan Kepercayaan

Masyarakat Bajau keseluruhannya adalah beragama Islam.Tidak diketahui dengan tepat bila masyarakat Bajau menerima kedatangan Islam yang sebenar.Ini adalah kerana kurangnya kajian yang dilakukan terhadap kedatangan Islam dalam masyarakat Bajau.Penyelidikan tentang orang-orang Bajau hanya bermula selepas tahun 1964.( Musli Oli:2017,40).

Dalam buku "Islam di Sabah:Peranan Putatan Dalam Perkembangannya" (1995), tokoh Sejarah Sabah, Datuk Seri Jamdin Buyong menyatakan kedatangan Islam ke Sabah adalah seawall abad ke-10 dan bertapak akhir tahun 1300.Andaian ini berasaskan batu yang bertulisan Jawi yang ditemui di Kampung Sepagaya Lahad Datu. (Musli Oli:2017,41). Menurut Jamdin,pada sekitar abad ke-16,perekembangan Islam di Sabah semakin meluas dan Sabah dibahagikan kepada tiga zon iaitu,kawasan pantai di antara Pandasan hingga ke Kimanis di bawah kuasa de Facto kesultanan Islam di Brunei.Manakala kawasan pantai dari Teluk Marudu hingga ke Sungai Sibuga terletak dalam taklukan Kesultanan Sulu dankawasan bebas bermula dari kawasan pantai dari Pandasan ke Teluk Marudu di bawah kekuasaan pembesar-pembesar Islam yang bergelar Syarif.

Suku kaum Brunei dan Kadayan yang beragama Islam mendiami kawasan persisiran Pantai Barat yang terdiri daripada Daerah Labuan, Sipitang, Weston, Beaufort, Kuala Penyu, Menumbuk, Membakut, Bongawan, Kimanis hingga ke Papar. Manakala suku kaum Bajau pula mendiami daerah Papar, Kinarut, Kawang, Putatan, Tanjung Aru, Inanam, Menggatal, Tuaran dan Kota Belud serta kawasan Utara Kudat.

Masyarakat Bajau adalah bangsa yang amat berpegung teguh pada nilai-nilai agama,adat resam dan budaya masyarakat setempat budaya.

University of Malaya

### 3.9 Pekerjaan dan Ekonomi

Daerah Kota Belud adalah merupakan pengeluar padi utama di negeri Sabah dengan keluasan sawah sejumlah 25,000 hektar setiap tahun yang melibatkan 9,250 orang petani. Selain daripada itu, Daerah Kota Belud juga merupakan pengeluar getah yang ketiga di negeri Sabah dengan purat sejumlah 230 tan sebulan. Hasil – hasil utama daerah Kota Belud yang lain ialah kelapa, sayur – sayuran, buah – buahan dan ternakan seperti kerbau, lembu, ayam, itik dan kambing. Masyarakat Bajau amat terkenal dengan aktiviti bertani seperti bersawah padi, bercucuk tanam, serta menjadi penternak binatang, seperti kambing, kuda, kerbau, lembu, ayam, itik dan sebagainya. Malahan, di tamu mingguan Kota Belud, terdapat aktiviti jual beli binatang ternakan, seperti kerbau, lembu, kambing, ayam kampung dan sebagainya. Kegigihan masyarakat Bajau dalam menjalankan kehidupan seharian sebagai petani dan penternak binatang masih lagi kekal sehingga ke hari ini. Masyarakat Bajau juga terkenal dengan penanaman padi sawah yang luas. Sungguhpun begitu, terdapat segelintir daripada kelompok masyarakat yang tinggal di kaki bukit yang masih mengusahakan padi huma. Masyarakat Bajau juga kini terkenal dengan aktiviti berniaga. Mereka menjual kraftangan seperti 'Tudung Duang' iaitu sejenis tudung saji, makanan seperti kuih-muih, dan juadah tradisional, sayur-sayuran kampung dan sebagainya.

Kota Belud amat terkenal sebagai sebuah daerah ' Koboi ' . Kota Belud juga amat sinonim dengan tamu yang merupakan tempat membeli – belah dan pertemuan mingguan masyarakatnya.

Tamu merupakan tempat berlakunya segala aktiviti perniagaan dengan gambaran suasana orang ramai yang datang berpusu – pusu untuk membeli dan menjalankan perniagaan mereka. Bagi penghuni – penghuni kampung di kawasan pedalaman, tamu merupakan peluang untuk menjual serta membeli hasil pertanian dan mendapatkan

University of Malaya

keperluan seharian. Selain daripada itu, tamu juga dijadikan tempat untuk bertemu dengan rakan – rakan atau saudara – mara untuk bertukar cerita.dalam bahasa Bajau tamu dikenali sebagai ‘semio’ dan panggilan ini amat popular di kalangan penduduk di daerah Kota Belud.Ia diadakan pada setiap hari Ahad.



**Gambar 3.1: Suasana di Tamu**



**Gambar 3.2: Suasana di Tamu**

Kota Belud begitu sinonim dengan penjualan binatang ternakan.. Hasil ternakan yang banyak telah menjadikan daerah Kota Belud menjadi tumpuan orang luar atau penduduk sekitarnya untuk mendapatkan kerbau, lembu dan kambing bagi tujuan ternakan atau hantaran perkahwinan.Memandangkan kota Belud mempunyai kawasan padang ragut yang luas, maka tidak hairanlah binatang ternakan di daerah ini lebih mudah diperolehi berbanding dengan kawasan yang lain.

## 3.10 Kebudayaan Masyarakat Bajau

Masyarakat Bajau di daerah Kota Belud terkenal dengan pelbagai aktiviti kebudayaan yang unik dan menarik perhatian masyarakat luar. Antara kebudayaan yang terkenal adalah tarian tradisional seperti Runsai,Kuda Pasu,Limbai dan sebagainya.

### 3.10.1 Berunsai

Runsai atau berunsai pada asalnya merupakan nyanyian atau dodoian yang berfungsi untuk menghiburkan hati ataupun mendodoikan anak – anak kecil. Oleh kerana telah menjadi kelaziman setiap nyanyian diiringi dengan tarian, maka masyarakat Bajau telah mencipta Runsai yang telah digubah menjadi satu tarian yang diiringi dengan senikata yang berupa pantun. Runsai sebenarnya diadakan biasanya pada lewat malam bagi menyambung kemeriahan upacara perkahwinan kerana biasanya pada malam tersebut orang – orang tua akan sibuk memotong daging untuk dimasak pada keesokan harinya. Oleh yang demikian, dengan adanya tarian Runsai ini mereka tidak akan berasa mengantuk malah terhibur menyaksikan gelagat para penari tarian tersebut. Tarian Runsai ditarikan oleh 8 hingga 14 orang penari yang terdiri daripada lelaki dan perempuan.Penari lelaki akan berpegangan tangan membentuk satu bulatan dan penari perempuan akan

University of Malaya

memegang sehelai kain untuk mengelakkan lelaki bersentuhan dengan wanita. Langkah-langkah yang terdapat dalam runsai ini disusun mengikut susunannya dari permulaan hingga langkah yang terakhir, iaitu langkah ‘ Siluk ‘ ( maju ke depan ), Ngong ( undur ke belakang ), Ngangkat abungan ( menghentak kaki dengan kuat secara bersama ), Ngong ( undur ke belakang ) dan Somoroto ( langkah biasa ).

#### 3.10.2 Tarian Limbai

Tarian ini merupakan tarian yang popular bagi masyarakat Bajau di daerah Kota Belud.Tarian ini kebiasaannya ditarikan ketika menyambut kedatangan rombongan pengantin lelaki yang diarak ke rumah pengantin perempuan.Sebaik sahaja rombongan pengantin lelaki sampai,tarian limbai dipersembahkan di hadapan pengantin lelaki dan rombongannya.Tarian ini adalah simbolik bagi menghormati pengantin lelaki dan rombongannya sebelum melakukan upacara akad nikah. Tarian limbai diringi oleh kumpulan bertitik yang menggunakan peralatan muzik tradisional iaitu seorang pemain Kulintangan, dua orang pemukul Gong,Gendang dan Bebandil yang dipalu mengikut irama yang telah ditetapkan.

#### 3.10.3 Tarian Kuda Pasu

Tarian ini ditarikan oleh beberapa orang penari lelaki dan perempuan bagi tujuan menyambut rombongan pengantin lelaki. Ia diiringi dengan rentak paluan muzik tradisional bertitik iaitu irama Tigad-tigad.

### 3.11 Seni Muzik

Bertitik amat sinonim dengan masyarakat Bajau. Bertitik merupakan warisan muzik yang amat terkenal di kalangan masyarakat Bajau. Bertitik merupakan satu set permainan

University of Malaya

alat – alat muzik tradisi yang dipersembahkan di dalam majlis – majlis perkahwinan dan hari kebesaran masyarakat Bajau. Bertitik selalunya diadakan seminggu sebelum acara bersanding diadakan. Melalui kesenian ini, ikatan kekeluargaan masyarakat Bajau akan menjadi lebih erat. Bertitik biasanya diadakan selepas waktu Isyak sebagai menghormati agama Islam yang menjadi agama rasmi masyarakat Bajau. Muzik bertitik terdiri daripada peralatan seperti Babandil, gendang, tetawak dan Kulintangan.

Menurut Siti Zainon Ismail (1985), terdapat 3 jenis tempo yang biasanya dimainkan, iaitu Kedidi yang merupakan rentak perlahan, Andu – andu atau Ayas – ayas merupakan tempo yang cepat dan kedebak pula merupakan tempo yang paling cepat atau laju dan kebiasaannya pukulan ini digunakan sewaktu persembahan silat. Rentak Ayas – ayas merupakan rentak yang paling diminati oleh masyarakat Bajau kerana mempunyai rentak yang rancak untuk dimainkan.



**Gambar 3.3: Peralatan muzik bertitik**

## 3.12 Permainan

Permainan Sepak Manggis merupakan satu lagi acara kebudayaan masyarakat Bajau. Ia merupakan satu seni persembahan yang sering dimainkan pada hari persandingan,



University of Malaya

khususnya di rumah pengantin perempuan. Sepak manggis diperbuat daripada pelepah rumbia dan dibentuk menjadi sangkar burung yang kecil. Setelah itu, manggis tadi akan dibalut dengan kertas yang berwarna. Sekelilingnya akan dipacak dengan beberapa batang buluh yang telah dibelah kecil. Di hujung setiap batang buluh itu pula akan digantung beberapa jenis barang yang dibalut seperti gula – gula, biskut, kain sarung, sapu tangan, wang dan sebagainya. Setelah rangka itu siap, seekor burung perlu dibuat dengan menggunakan sabut kelapa dan apabila selesai, burung tadi akan diikat di atas manggis. Permainan sepak manggis menggunakan bola sepak raga. Para peserta yang mengambil bahagian akan mengelilingi manggis tersebut. Manggis itu akan  digantung pada sebatang buluh yang agak lama. Ketinggian manggis akan diturunkan sedikit demi sedikit. Pemain yang berjaya dikira sebagai pemenang dan kesemua barang yang digantung di sepak manggis akan dihadiahkan kepadanya.

Masyarakat Bajau juga amat terkenal dengan permainan sabung ayam. Malahan, lokasi – lokasi sabung ayam itu telah menjana ekonomi penduduk setempat. Tetapi, seiring dengan peredaran zaman, permainan ini adalah satu bentuk perjudian dan penguat kuasa bertindak menghapusnya secara perlahan – lahan. Setiap minggu, serbuan ke lokasi – lokasi sabung ayam dilakukan oleh pihak berkuasa. Sungguhpun begitu, penduduk tempatan tidak pernah serik, malahan sering mengadakan sabung ayam di lokasi – lokasi yang tersembunyi. Oleh itu, tidak hairanlah jika di setiap rumah masyarakat Bajau terdapat pemeliharaan ayam sabung, terutamanya oleh generasi tua. Ini kerana generasi baru masyarakat Bajau seakan – akan turut melupakan tradisi ini, sebagaimana mereka turut tidak berminat dengan cerita – cerita rakyat masyarakat Bajau lagi.

University of Malaya



**Gambar 3.4: Permainan sepak manggis**

### 3.13 Seni Rupa dan Seni Tampak

Seni rupa masyarakat Bajau merupakan ciptaan seni yang mengandungi motif – motif terkenal di kalangan masyarakat Bajau yang diaplikasikan melalui ukiran, anyaman, tenunan, senibina dan sebagainya.

Masyarakat Bajau telah menunjukkan seni penciptaan melalui kepakaran mereka menenun untuk dijadikan kain dastar. Kebanyakan mereka menenun, menyusun benang serta mencelup warna –warna yang diperolehi dari alam semula jadi menjadikan pakaian suku kaum Bajau begitu menarik dan penuh keindahan.

Anyaman merupakan aktiviti seni yang amat popular di kalangan wanita masyarakat Bajau. Anyaman yang paling terkenal adalah *Tipo Selisir*. Penghasilan Tipo Selisir memerlukan banyak proses. Antara proses tersebut adalah tikar perlu dianyam dan dilapiskan dengan kain baldu untuk dihiasi dengan sulaman. Tipo Selisir merupakan tikar yang menjadi kebanggaan masyarakat Bajau dan peralatan penting dalam majlis

University of Malaya

perkahwinan dan keramaian yang lainnya. Tipo Selisir turut menggambarkan simbol kehidupan masyarakat tempatan. Terdapat banyak corak dan motif yang sering digunakan oleh pembuat Tipo Selisir bagi menghiasinya. Antara corak dan motif yang sering digunakan adalah seperti motif kuda, bunga atau Sumping Baghdad atau bunga Melur yang memperlihatkan gaya Geometrik teknik pembuatan Tipo Selisir itu sendiri.





**Gambar 3.5:** ***Tipo Selisir***

Universiti Malaya

Sulaman sangat terkenal di kalangan masyarakat Bajau. Ia digunakan untuk menghiasi Tipo Selisir. Lantaran itu, terdapat andaian yang mengatakan asal –usul Bajau bermula di Johor, maka besar kemungkinan kebolehan masyarakat ini dalam seni tekatan adalah diwarisi dari negeri tersebut. Untuk menghasilkan sulaman dan tekatan, kemahiran dan kesabaran amat diperlukan. Tukang tekat akan menyulam benang mengikut mempulur yang dijadikan acuan. Kain dasar yang terang dan diperbuat daripada benang merah dan biru amat sesuai dan banyak digunakan.



**Gambar 3.6: Wanita Bajau dan *Tipo Selisir***

Kain Sempangan merupakan sejenis kain yang berbagai corak dan warna, dan digunakan sebagai perhiasan di sekeliling dinding rumah apabila majlis perkahwinan diadakan. Kain Sempangan berasal daripada perkataan Sampang yang bererti menyambut. Kain Sempangan yang berbagai corak akan digantung indah di dalam dan di luar rumah sebagai meraikan tetamu yang datang, di samping menonjolkan keindahan

estetikanya yang tersendiri. Dalam menghasilkan sempangan, jahitan kain secara selari merupakan kaedah utama yang digunakan selain menjahit dan menampal labuci. Pada dasarnya kain berwarna tanpa corak hendaklah dipotong mengikut bentuk geometri yang dikehendaki. Setelah mendapat corak yang dikehendaki, kain – kain tersebut hendaklah dicantumkan sehingga membentuk motif – motif yang diingini. Proses mencantumkan kain dengan corak tertentu ini dilakukan dengan kaedah menjahit. Apabila siap, ia akan dihiasi dengan labuci serta maink – manik sebagai hiasan.



**Gambar 3.7: Sempangan**

Sarimpak merupakan sejenis logam berwarna perak ataupun emas yang dihiasi dengan hiasan yang pelbagai.Sarimpak adalah seperti kapal ataupun tanduk kerbau yang begitu sinonim dengan masyarakat Bajau yng terkenal dengan aktiviti menternak lembu dan kerbau serta terkenal dengan penunggang kuda Bajau. Sarimpak digunakan sebagai hiasan kepala wanita Bajau dan dipakai lengkap dengan busana tradisional Bajau yang lengkap dengan aksesori seperti *ingkot pangkat* dan *Mendapun* yang diperbuat daripada kain baldu yang dihiasi dengan barangan emas atau perak dan dikalungkan di leher.





**Gambar 3.8: Wanita Bajau dan Busana Tradisi**

Universiti Malaya



**Gambar 3.9: Seni Tekat Bajau**





**Gambar 3.10: Aksesori Busana Pengantin Wanita Bajau**



**Gambar 3.11:** ***Mendapun***



**Gambar 3.12: Pelamin Bajau**

Tudung saji atau ‘Tudung Duang’ merupakan sejenis kraftangan yang sinonim dengan masyarakat Bajau daerah Kota Belud. Selain daripada fungsi asasnya sebagai menutup makanan, ia membawa makna simbolik yang besar dalam kehidupan masyarakat Bajau. Semasa kenduri arwah diadakan, Tudung Duang ini akan diisi dengan pelbagai jenis makanan untuk disedekahkan kepada khalayak yang turut sama dalam majlis tahlil. Dalam acara ‘Ngeduang’, ia juga digunakan sebagai menggantikan bakul’Tembusa’ bagi mengisi makanan untuk diagih-agihkan kepada para tetamu. Warna – warna yang biasa digunakan untuk mencelup serdang, iaitu sejenis tumbuhan seperti pandan yang digunakan untuk membuat Tudung Duang ini adalah seperti merah, kuning, hijau, danungu. Tudung Duang juga digunakan pada majlis menghantar pengantin baru untuk kembali ke rumah pengantin perempuan. Tudung Duang juga digunakan pada majlis menghantar pengantin baru untuk kembali ke rumah pengantin perempuan. Tudung Duang tersebut akan diisi dengan pelbagai kelengkapan asas, seperti gula, kopi, garam, minyak, beras, pinggan dan sebagainya.



**Gambar 3.13: Tudung Duang**

Pembuatan parang begitu sinonim dengan masyarakat Bajau Kota Belud. Kampung Siasai dan Dundau memonopoli pertukangan ini. Tukang besi adalah gelaran bagi si pembuat parang. Pada waktu dahulu, aktiviti ini dilakukan selepas musim menuai atau menanam padi. Tetapi kini, aktiviti membuat parang ini telah menjadi mata pencarian



University of Malaya

penduduk kampung untuk dipasarkan di tamu mingguan yang diadakan setiap hari Ahad. Parang ini akan diukir dengan motif – motif tertentu dan diukirkan dengan nama'Kota Belud'.



**Gambar 3.14:Parang Bajau**



**Gambar 3.15:Haji Abdul Majad.Pembuat Parang Bajau**

### 3.14 Penunggang Kuda Bajau

Aktiviti menunggang kuda sinonim dengan masyarakat Bajau di Kota Belud. Kuda dijadikan binatang ternakan selain daripada lembu,kerbau dan kambing dalam kalangan masyarakat Bajau Kota Belud. Kota Belud amat terkenal dengan penunggang kuda Bajau sehingga mendapat jolokan '*Cowboy of the east*'. Dalam kalangan masyarakat Bajau Kota



Universiti Malaya

Belud memelihara kuda merupakan satu lambang  kemegahan kerana kuda dianggap sebagai simbol keberanian,kegagahan dan kehebatan masyarakat Bajau. Pada masa dahulu,sesiapa menternak binatang seperti kuda,lembu,kerbau dan kambing yang banyak dianggap mempunyai status sosial yang tinggi dalam kalangan masyrakat Bajau. Masyarakat Bajau memelihara binatang ternakan seperti kuda,lembu dan kerbau untuk dijadikan sebagai binatang yang mengangkut hasil pertanian seperti padi dan sebagainya. Kuda juga diternak untuk digunakan bagi menangkap lembu dan kerbau yang diternak untuk dijual.Pada masa dahulu,binatang ternakan yang hendak dijual di tamu perlu ditanda telinga sebelum dijual di tamu.Tetapi kini aktiviti penjualan binatang ternakan seperti lembu dan kerbau tidak lagi berlaku di tamu. Sebaliknya pembeli berurusan dengan penternak di kawasan lading ternakan. Kuda dalam masyarakat Bajau juga dijadikan binatang tunggangan bagi pengantin lelaki untuk berarak ke rumah pengantin perempuan.Pada upacara rasmi seperti Tamu Besar,penunggang kuda memakai pakaian tradisional Bajau iaitu Badu Sampit yang dihiasi dengan butang betawi yang dipadankan dengan hiasan bunga Perak yang dinamakan Intiras. Mereka juga akan mengenakan seluar sampit sama ada berwarna putih atau hitam yang dihiasi renda berwarna emas ,Podong atau destar akan digayakan di kepala penunggang kuda sambal membawa bujak,pasut dan keris berkepala perak yang disisip di pinggang. Manakala kuda yang ditunggang akan turut dihias dengan ‘pakaian’berwarna – warni  serta dipasangkan loceng-loceng tembaga yang dinamakan Seriau pada kuda-kuda tersebut.(Musli Oli:2017,105).

### 3.15 Daerah Kota Belud

Daerah Kota Belud terletak di Pantai Barat Utara negeri Sabah, merupakan unjuran banjaran Crockers yang mengarah ke utara dan lembahnya, dibatasi oleh Laut China Selatan. Ia dikelilingi oleh beberapa daerah lain yang bersempadan dengannya seperti



University of Malaya

daerah Tuaran, Kota Marudu, Ranau, dan jaraknya dari Kota Kinabalu lebih kurang 77 kilometer. Di samping itu, terdapat jalan raya baru yang telah dibina merentasi Kota Belud ke Ranau. Ini telah memendekkan masa perjalanan penduduk di kawasan Pantai Barat Utara ke Pantai Timur Sabah.

Daerah Kota Belud mempunyai keluasan 1,385.6 km persegi dan terdiri daripada 168 buah kampung. Ia belum lagi termasuk Pekan Nabalu yang kini telah diletakkan dibawah pentadbiran daerah Kota Belud dan di dalam kawasan perkadaran Majlis Daerah Kota Belud.

Daerah Kota Belud dikelililingi beberapa daerah lain yang bersempadan dengannya, seperti Tuaran, Kota Marudu dan Ranau. Kedudukan daerah Kota Belud yang strategik, menjadi persinggahan utama ke daerah-daerah di Bahagian Pantai Barat Utara, seperti Kota Marudu, Pitas, Matunggong, Banggi dan Kudat. Dengan sempurnanya By-pass Kota Belud / Ranau yang melalui di Kawasan N.7 Kadamaian, telah memendekkan dan memberi keselesaan perjalanan ke Ranau tanpa bersusah payah melalui daerah Tuaran mahupun Tamparuli.

University of Malaya




**Peta 1.1: Negeri Sabah dan kedudukan Daerah Kota Belud.**
**(Sumber: https://www.google.com/search?biw=1920&bih=974&tbm)**

Daerah Kota Belud merupakan daerah yang terkenal sebagai tempat kediaman orang Bajau Darat. Daerah ini juga adalah antara daerah yang tertua di negeri Sabah. Pada masa dahulu, ia dikenali sebagai Tempasuk.Nama ini diperolehi sempena nama sungai yang terbesar di daerah Kota Belud, Sabah. Pengkaji telah memperolehi cerita- cerita rakyat tersebut daripada informan yang terdapat di kampung Labuan, kampung Dundau dan kampung Pirasan,kampung Siasai Jaya dan Kumpang,Kampung Dundau,Kampung Labuan,Kampung Tanjung Wakap,Kampung Tanjung Pasir,Kampung Kuala Abai dan Kampung Kulambai yang terletak di dalam daerah Kota Belud.

Nama Kota Belud merupakan petikan asal daripada bahasa suku kaum Bajau. “Kota.” bermakna “ Pertahanan” dan “ Belud ” pula bermakna “ bukit ”. Oleh yang demikian, “ Kota Belud ” membawa maksud “ Bukit Pertahanan”. Mengikut cerita dari lisan, pada zaman silam sebelum adanya badan pemerintah, berlaku permusuhan antara kaum dan antara kampung. Demi mengukuhkan pertahanan masing – masing, mereka mencari tempat untuk bertahan daripada serangan musuh. Justeru itu, suku kaum bajau telah memilih sebuah bukit sebagai kota mereka dan bukit tersebut dikenali sebagai Kota Belud. Bukit yang pernah dijadikan kota oleh suku kaum Bajau itu telah didirikan bangunan kerajaan, termasuklah bangunan bekas kediaman pegawai daerah yang kini telah diubahsuai dan dijadikan Taman Tun Said. Kawasan ini telah dijadikan sebuah kawasan rekreasi untuk melihat pemandangan menarik di daerah Kota Belud, di samping itu terdapat restoran yang menjual pelbagai makanan dan minuman.

University of Malaya




**Gambar 3.16:Dewan Masyarakat Kota Belud**




**Gambar 3.17: Pejabat Pos**




**Gambar 3.18: Padang Pekan**

Universiti Malaya

### 3.15.1 Struktur pentadbiran dan kepimpinan

Pejabat Daerah Kota Belud (PDKB ) adalah Pejabat Daerah yang tertua di dalam negeri Sabah. PDKB telah ditubuhkan semenjak jajahan kerajaan koloni dahulu, iaitu pada tahun 1946, dan telah menjadi daerah penuh mendahului daerah yang lain. Di bawah pentadbiran PDKB , Majlis Daerah Kota Belud ( MDKB ) telah ditubuhkan buat pertama kalinya di Sabah pada tahun 1952. Sebelum mendapat bangunan pejabat daerah yang baru, pentadbiran PDKB telah ditempatkan di bangunan pejabat daerah lama yang dibina pada tahun 1975. Pada 2 November 1980, bangunan PDKB yang baru dibina dan dirasmikan oleh pemangku Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri, iaitu Datuk Haji Mohd Yassin Bin Hashim. Pada zaman kolonial, jawatan pegawai daerah disandang oleh orang Inggeris. Namun, jawatan itu kini diisi dari kalangan rakyat tempatan yang berkelayakan.

PDKB bertanggungjawab terhadap 3 kawasan Dewan Undangan Negeri dan 1 kawasan Parlimen ( P 169 Kota Belud ) iaitu:

| | | |
|---|---|---|
| I | N6 Tempasuk | ( 59 buah kampung ) |
| 2 | N7 Kedamaian | ( 40 buah kampung ) |
| 3 | N8 Usukan | ( 35 buah kampung ) |

Pembahagian mukim di daerah Kota Belud adalah mengikut kawasan pilihan raya. Kalau dahulu, Daerah Kota Belud terbahagi kepada empat mukim, iaitu mukim- mukim Kota Belud, Taun Gusi / Pandasan, Tempasuk dan Taginambur/Kaung dan setiap mukim mengandungi beberapa buah kampung.Tetapi kini mukim-mukim telah diletakkan mengikut kawasan sempadan pilihan raya. Bagi kawasan Dewan Undangan Negeri N 6 Tempasuk, terdapat 7 mukim yang bernaung di bawahnya, iaitu mukim Dudar,Timbang,

University of Malaya

Rampayan, Keguraan,Taun Gusi,Tempasuk dan Rosok. Kawasan Dewan Undangan Negeri N 7 Kadamaian pula dibahagikan kepada mukimWariu, Lasau, Kelawat, Kinasaraban, Taginambur, Mangkulat, Kebayau, Kadamaian Ulu. Bagi kawasan Dewan Undangan Negeri N 8 Usukan, terdapat mukim Kulambai, Pirasan, Kota Belud, Ambong, Lebak Moyoh, dan Sembirai. ( Sumber : Pejabat Daerah Kota Belud )[6]

Semenjak tahun 1946, PDKB telah diterajui oleh seramai 17 orang pegawai daerah. Pegawai Daerah yang terkini adalah Encik Abdul Gari Bin Itam. Jawatan Pegawai Daerah yang mula diwujudkan pada zaman pemerintahan kolonial merupakan jawatan yang paling tinggi pangkatnya di dalam daerah Kota Belud. Pada zaman kolonial, pegawai daerah akan dilantik daripada kalangan orang Eropah, tetapi kini jawatan ini boleh dijawat di kalangan rakyat Sabah yang berkelayakan dan bukan terdiri daripada kalangan rakyat tempatan. Penempatan pegawai daerah yang bukan dari kalangan masyarakat tempatan adalah untuk mengelakkan ketidakpuasan hati dan mengelakkan konflik di kalangan masyarakatnya yang terdiri majoritinya daripada kaum Kadazan/Dusun, Bajau, Irranun dan lain-lain. Perlantikan Pegawai daerah daripada satu – satu kaum itu akan mengundang pertelingkahan di antara kaum.[7]

Di antara peranan dan fungsi pejabat daerah Kota Belud adalah sebagai :

1. Perancang utama pembangunan daerah
2. Pemimpin dan ejen perubahan di peringkat daerah
3. Penghubung dan penyambung lidah kerajaan

---

[6] Hasil temu bual dengan Pegawai Daerah Kota Belud, Encik Abdul Gari bin Itam pada 22 November 2016.

[7] Hasil temu bual dengan Pegawai Daerah Kota Belud, Encik Abdul Gari bin Itam pada 22 November 2016.

University of Malaya

4. Pendokong sistem pentadbiran yang cemerlang dan pelopor budaya kerja yang positif di peringkat daerah
5. Pelaksana dasar – dasar umum kerajaan dari semasa ke semasa.

Sistem Pentadbiran daerah Kota Belud diterajui oleh seorang Pegawai Daerah. Beliau memainkan tugas sebagai seorang Pentadbir dan pengerusi Majlis Daerah.Tugas beliau dibantu oleh seorang Pegawai Eksekutif bagi melaksanakan tugas – tugas yang yang berhubung dengan Majlis Daerah. Jawatan Pegawai Daerah yang diwujudkan di zaman kolonial merupakan jawatan yang paling tinggi di dalam hirarki pentadbiran daerah. Pegawai Daerah dibantu oleh 2 orang Penolong Pegawai Daerah dan seorang Pegawai Kemajuan Daerah. Jawatan ini diikuti pula oleh Ketua Anak Negeri dan Wakil Ketua Anak Negeri.

Bagi memastikan bahawa kebajikan kaum – kaum yang tinggal di luar bandar dan adat resam mereka terjaga, kerajaan telah  melantik ketua – ketua kaum seperti Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri, dan Ketua Kampung yang terdiri daripada  anggota kaum – kaum berkenaan. Selain itu, kerajaan juga telah menubuhkan Mahkamah Anak Negeri yang  diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri dan dianggotai oleh ketua- ketua kampung berkenaan untuk mengadili sebarang kesalahan adat dan pertikaian oleh ahli kaum berkenaan. Mahkamah Anak Negeri ini telah diketuai oleh Pegawai Daerah dan berperanan membincangkan kes – kes yang timbul daripada pelanggaran undang – undang Adat Anak Negeri. Menurut cerita lama, dahulu jawatan ketua daerah memang tidak wujud sebaliknya digantikan dengan Native Chief One (NCO) dan jawatan inilah yang tertinggi dalam institusi Mahkamah selain daripada jawatan Ketua Kampung yang sangat berpengaruh dan dihormati pada masa itu. Pada masa kin, pentadbiran Mahkamah Anak Negeri di daerah Kota Belud adalah terdiri



University of Malaya

daripada tiga Ketua Daerah yang tertinggi, 13 Ketua Anak Negeri dan 164 Ketua Kampung.

Ketua Daerah bertanggungjawab menjaga hal – ehwal dan kepentingan kaum masing – masing. Pada tahun 1982 di Kota Belud hanya terdapat dua orang Ketua Daerah, iaitu seorang Bajau dan seorang KadazanDusun. Namun sekarang, Ketua Daerah telah dipilih mewakili 3 kaum yang terbesar, iaitu Bajau, Irranun dan KadazanDusun. Perlantikan ini adalah untuk mengelakkan salah faham di antara ketiga-tiga kaum. Ketua Daerah hanya boleh dilantik di kalangan Ketua Anak Negeri. Beliau juga bertanggungjawab sebagai penasihat kepada ketua – ketua anak negeri, serta menyelesaikan masalah berhubung dengan sempadan kampung.

Ketua Anak Negeri ( KAN ) merupakan pemimpin yang dilantik oleh pihak kerajaan dan tidak semestinya mempunyai hubungan kekerabatan dengan bekas KAN.Walaupun begitu,ada di kalangan mereka yang mewarisi jawatan itu daripada bapa mereka, tetapi kini yang menjadi keutamaan adalah mempunyai kelayakan tertentu.KAN akan bertindak menyelesaikan pertelingkahan dalam masyarakat yang dijaganya dalam Mahkamah Anak Negeri. Kebiasaannya dua atau lebih tiga orang Ketua Anak Negeri akan bertugas di mahkamah menyelesaikan kes-kes yang tertentu. Manakala Ketua Daerah pula tidak akan duduk di dalam mahkamah walaupun menjadi ketua bagi Mahkamah Anak Negeri. Beliau sebaliknya akan menasihati ketua Anak Negeri bagi kes- kes yang rumit, terutama yang berkaitan dengan adat, zina,pembahagian harta pusaka, dan perceraian dan pertelingkahan penduduk –penduduk tempatan. Mahkamah Anak Negeri berkuasa untuk mengenakan denda dan menjatuhkan hukuman penjara selama 3 bulan. Pesalah – pesalah akan dikenakan denda dalam bentuk wang dan juga barangan, misalnya binatang(Yap Beng Liang 2001:29 )

University of Malaya

Ketua Anak Negeri mendapat elaun sebanyak RM1500 sebulan dan layak menuntut elaun – elaun yang diperuntukkan kerajaan terhadap kakitangan awam. Lantikan bagi jawatan ini adalah bertaraf kontrak oleh kerajaan negeri.

Wakil Ketua Anak Negeri akan membantu tugas-tugas Ketua Anak Negeri.Wakil Ketua Anak Negeri perlu berbincang bagi menyelesaikan sebarang masalah berkaitan tugasan dengan Ketua Anak Negeri sebelum mengambil sebarang tindakan.Tugas utama Wakil Ketua Anak Negeri  ialah menasihati ketua kampung dalam bidang tugas tetapi kuasa mereka amat terhad.Wakil Ketua Anak Negeri hanya dilantik jika ada keperluan.Bagi mukim yang mempunyai majoriti kaum lebih daripada 2 kaum, Ketua Anak Negeri akan dilantik berdasarkan jumlah majoriti kaum dan Wakil Ketua Anak Negeri pula akan dilantik dari kaum yang kedua terbesar. Manakala di kawasan yang mempunyai penduduk daripada satu kaum sahaja tidak akan dibuat perlantikan kecuali keadaan begitu mendesak.( Yap Beng Liang 2001 : 29-30 ). Wakil Ketua Anak Negeri akan diberi elaun sebanyak RM1200.00 sahaja dan pembayaran ini belum diselaraskan dengan negeri – negeri di Semenanjung Malaysia.

Bagi peringkat mukim, orang yang bertanggungjawab menjaga mukim ialah Pemaju Mukim. Pemaju Mukim berperanan menjaga mukim dan serta mengatur mesyuarat dengan Ketua Kampung dan Wakil Ketua Anak Negeri. Pemaju Mukim juga bertanggungjawab terhadap Jawatankuasa Kemajuan Kampung ( JKKK ). Pemimpin Kemajuan Rakyat ( PKR) bertanggungjawab untuk mengawasi  Pemaju Mukim.

Jawatan PKR mula diperkenalkan pada tahun 1982. PKR adalah dilantik di kalangan ahli politik dan mempunyai pengaruh  yang luas. Segala maklumat dan urusan yang berkaitan dengan pejabat Ketua  Menteri akan disalurkan melalui PKR.

University of Malaya

Masalah – masalah yang timbul di kalangan penduduk kampung seperti kecurian, perselisihan faham dan sebagainya adalah di bawah tanggungjawab Ketua Kampung. Menurut Pegawai Daerah, terdapat 178 jawatan Ketua Kampung di Kota Belud dan dibahagikan mengikut mukim. Biasanya Ketua Kampung yang dilantik adalah terdiri daripada kalangan orang lelaki, tetapi ada juga di kalangan wanita yang dilantik menjadi Ketua Kampung. Bagi masyarakat Cina di Kota Belud, Ketua Masyarakat Cina telah dilantik yang berfungsi sebagai Ketua Kampung yang dikenali sebagai Kapitan Cina.Perlantikan ini adalah berasaskan kepada pembahagian 3 kawasan utama masyarakat Cina, iaitu Pekan Kota Belud, Kampung Baru, Kampung Baru/Tombol dan . Masyarakat Cina diketuai oleh Datuk Andy Chua Hung Chu, Wong Khong Phing dan Lim Bun Poo.[8]

### 3.15.2 Kemudahan Asas

Kota Belud merupakan salah sebuah daerah yang agak maju di Sabah dan mempunyai pelbagai kemudahan asas serta kemudahan yang lain. Perhubungan dengan tempat – tempat lain mudah dilakukan kerana ada kemudahan telefon dan jalan raya yang agak baik. Terdapat jalan raya yang baru dibina menghubungkan daerah – daerah di sebelah utara ke Kota Kinabalu.

Sebelum tahun 1990-an, pengangkutan ke Kota Kinabalu dan daerah Kota Belud bergantung kepada perkhidmatan bas mini, tetapi selepas itu terdapat pula perkhidmatan pengangkutan lain, seperti teksi yang terdiri daripada kereta motokar dan pacuan empat

[8] Hasil temu bual dengan Pegawai Daerah Kota Belud, Encik Abdul Gari bin Itam pada 22 November 2016.

University of Malaya

roda. Kota Belud amat sinonim dengan kenderaan ‘pick up’ untuk tujuan mengangkut penumpang terutamanya di kawasan pedalaman Kota Belud. ‘Pick-up’ mula diperkenalkan pada tahun 1970-an dan berjumlah kira – kira 800 buah pada awal tahun 1980-an ( Yap Beng Liang, 1990:86). Kenderaan ini mudah digunakan, terutamanya di kawasan kampung yang terletak jauh di kawasan pedalaman yang berbukit-bukau dan sukar menggunakan kenderaan lain seperti motokar kerana jalannya masih lagi belum berturap. Ada juga kampung yang telah mempunyai jalan berturap, tetapi masih menggunakan kenderaan ini kerana ia sudah menjadi kebiasaan penduduk untuk menaikinya.

Di kawasan pekan Kota Belud terdapat 184 unit kedai pekan, termasuklah 36 unit kedai makan / minum, 4 buah bank,pejabat Tabung Haji (TH) dan 10 buah kafé siber. 2 buah bangunan pasar iaitu pasar besar yang menempatkan penjual sayur-sayuran, buah – buahan serta ikan, daging dan ayam . Manakala di pasar tani pula tidak terdapat penjualan daging. Di pasar besar terdapat 132 buah gerai sayur, 60 buah gerai ikan, 6 buah gerai daging, 8 buah gerai ayam. Di pasar tani pula terdapat 20 buah gerai makan, 14 buah gerai runcit, 24 buah gerai kain, 32 gerai beras, 48 buah gerai bermeja dan 62 buah gerai lantai.

Bagi kemudahan penduduk dalam daerah Kota Belud untuk tujuan menjual dan membeli hasil – hasil pertanian dan keperluan seharian beberapa tempat telah dijadikan sebagai **tamu** mingguan termasuklah **tamu** pekan Kota Belud yang diadakan setiap hari Ahad bermula seawall jam 6.00 pagi. Manakala **tamu** pasar tani diadakan setiap hari Rabu. Tamu mingguan Kota Belud merupakan tamu yang tertua dan terbesar di negeri Sabah. Jualan utama ialah hasil kraftangan dan juga penjualan ternakan seperti ayam, kambing,lembu dan sebagainya. Pertunjukan kuda Bajau dan cara membuat parang juga merupakan satu lagi tarikan yang menjadikan tamu mingguan di Kota Belud begitu unik sekali berbanding dengan tamu – tamu di tempat lain. Selain daripada itu, terdapat juga

University of Malaya

tamu mingguan yang turut diadakan di tempat – tempat lain seperti tamu Taginambur( Jumaat ), tamu Melangkap ( Rabu ), tamu Kelawat ( Rabu ), tamu Simpangan ( Khamis), tamu Rosok ( Khamis ), tamu taburan ( Sabtu ) dan tamu Pandasan ( Selasa ).

Di daerah ini juga terdapat 3 projek perumahan dalam kawasan Majlis Daerah Kota Belud yang merupakan projek usaha swasta iaitu projek perumahan Taman Nikmat sebanyak 105 unit dan projek perumahan Taman Jadi sebanyak 51 unit rumah.Terdapat juga perumahan baharu iaitu Taman Desa.

Kota Belud juga mempunyai tempat – tempat peranginan serta penginapan yang menarik, antaranya seperti di Mantanani Resorts, terletak di Pulau Mantanani, Taginambur Village Holiday Home yang terletak di Kampung Taginambur, Kota Belud Resort serta Ostrich Village Rampayan. Selain daripada itu, Kota Belud juga telah mengambil langkah yang bijak dengan menyertai Program Homestay yang telah diilhamkan oleh kerajaan Malaysia sebagai satu usaha untuk memperkenalkan budaya masyarakat setempat kepada para pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara. Sejajar dengan gesaan kerajaan itu, Kota Belud telah menjadi daerah pertama di negeri Sabah yang melancarkan Program Homestay. Program pelancaran telah dilakukan pada 1hb November 2002 oleh YB Datuk Karim Bujang, pembantu Menteri Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi. Program Homestay yang terdapat di Kota Belud adalah seperti Taginambur Homestay, Melangkap Homestay dan Kiau Taburi Homestay.

Daerah Kota Belud juga mempunyai bangunan pejabat daerah dan kompleks Majlis Daerah Kota Belud sendiri, serta pelbagai jabatan kerajaan dan swasta yang terletak di kawasan pekan Kota Belud, iaitu Jabatan Pelajaran, Jabatan air, Jabatan Perikanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat KEMAS, RELA,dan sebagainya.

University of Malaya

Di Daerah Kota Belud juga terdapat sebanyak 57 buah Sekolah Rendah Kebangsaan dan salah satu daripadanya adalah SRJK ( C ) Chung Hwa Kota Belud. Manakala Sekolah Menengah Kebangsaan ( SMK ) sebanyak 8 buah, termasuk sebuah sekolah berasrama penuh, iaitu Sekolah Menengah Agama Tun Said. Selain daripada bantuan penuh kerajaan, Sejajar dengan peredaran masa, sistem pentadbiran Jabatan Pelajaran Daerah juga telah berubah. Pada masa lalu, pembahagian kawasan pentadbiran Pantai Barat Utara adalah meliputi daerah Kota Belud, Kota Marudu, Ranau, Pitas, Banggi, Kudat dan dipimpin oleh seorang pegawai pendidikan.[9] Selain daripada itu, kerajaan juga telah mendirikan Institut Pertanian Sabah, di Timbang Menggaris. Institut ini berperanan untuk memberikan latihan yang menjurus khusus di dalam bidang pertanian. Institut ini telah didirikan pada tahun 1974 di Kampung Timbang Menggaris yang terletak kira – kira 29 kilometer dari pekan Kota Belud.

## 3.16 Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang dipilih adalah terhad kepada beberapa buah kampung sahaja tetapi dapat menggambarkan tentang kajian mantera dan amalan kecantikan wanita Bajau di daerah Kota Belud Sabah. Terdapat 11 buah kampung yang terlibat dalam kajian ini,iaitu kampung Labuan,Kampung Pirasan,kampung Dundau,kampung Wakap,kampung Tanjung Pasir,kampung Siasai Kumpang,kampung Jawi-Jawi, kampung Taun Gusi,kampung Pandasan,kampung Kulambai dan kampung Kuala Abai.

[9] Temu bual dengan Encik Anjan Bin Rudin pada 23 November 2016, Pegawai Pendidikan Daerah Kota Belud.

University of Malaya




**Peta 3.2: Kawasan kajian lapangan di Kota Belud, Sabah. (Sumber: https://www.google.com/search?biw=1920&bih=974&tbm)**

### 3.16.1 Kampung Labuan

Menurut informan Puan Bailan Haji Hassan salah seorang penduduk asal Kampung Labuan mendapat jolokan nama daripada sebatang sungai yang menjadi laluan pengangkutan dan perhubungan serta pelabuhan utama bagi penduduk kampung pada masa dahulu. Seorang peniaga terkenal iaitu Haji Yassin bin Sinong sentiasa menggunakan laluan tersebut dengan menggunakan kapal dan perahunya di pelabuhan tersebut,sehingga mendapat jolokan nama 'Labuhkan' yang berasal daripada perkataan 'pelabuhan' kapal-kapal yang berlabuh di pesisiran sungai. Majoriti penduduk kampung Labuan adalah beragama Islam.Penduduk di kampung ini bekerja sebagai penjawat awam,swasta serta petani dan penternak. Terdapat kawasan sawah padi yang diusahakan oleh penduduk kampung Labuan.

University of Malaya

### 3.16.2 Kampung Tanjung Wakap

Kampung Tanjung Wakap terletak bersebelahan dengan kampung Labuan.Penduduk kampung ini juga majoriti beragama Islam.Terdapat sebuah surau yang didirikan untuk kegunaan tempat beribadat penduduk kampung.Semenjak terdapatnya jaringan jalanraya Kota Belud-Kudat bypass kampung ini telah mendapat kemajuan dari aspek ekonomi penduduk kampung. Nama kampung Tanjung Wakap diambil sempena nama sebidang tanah yang ditanam dengan kelapa serta sebuah balai raya yang telah diwakafkan oleh Haji Sakmad bin Haji Muhammad.

### 3.16.3 Kampung Tanjung Pasir

Kampung ini juga terletak berhampiran dengan kampung Labuan.Terdapat sebuah masjid yang telah didirikan sejak dahulu kala lagi. Ada dua pandangan mengenai tarikh pembinaan masjid diperakui sebagai masjid tertua di Kota Belud itu, iaitu pada 1911 dan 1935.

Yang Dipertua Seni Warisan Satria Sabah (SWSS), A Sailin Taat, 71, berkata masjid itu diasaskan datuknya, Almarhum Pangeran Deraman Pangeran Ali yang didakwa kerabat Diraja Brunei pada 1911. Menurut beliau, ketika itu Islam sudah berkembang di Tempasuk (nama lama Kota Belud), belum ada masjid dibina untuk beribadat, sekali gus menyebabkan pegangan agama penduduk setempat pada tahap lemah, selain tiada pusat untuk bermuzakarah mengukuhkan perpaduan dan kekuatan menentang penjajah Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB).

Pembinaan masjid di Tanjung Pasir berikutan kegemilangan kawasan itu sebagai pusat perdagangan, persinggahan dan pertukaran barang yang dengan sendirinya

University of Malaya

memudahkan pengembangan kegiatan dakwah Islamiah, muzakarah dan mengukuhkan perpaduan untuk memerdekakan tanah air.

"Asal nama masjid itu ialah Masjid Kampung Labuan (Kota Belud) yang mendapat nama daripada perkataan pelabuhan. Bagaimanapun, pada 1980-an, Kampung Tanjung Pasir yang meliputi tapak masjid berkenaan diwartakan, menyebabkan namanya ditukar kepada Masjid Tanjung Pasir tetapi nama `Balai Diah' kekal digunakan,iaitu bermaksud masjid yang terletak di kawasan bawah berdasarkan lokasi kampung.(Berita Harian, Jul 22, 2009:16). Kampung Tanjung Pasir mendapat jolokan nama daripada dataran pasir di sungai kampung Labuan yang lama kelamaan menjadi tanah rata dan tempat penempatan penduduk yang mendiami kawasan tersebut. Apabila jumlah penduduk semakin bertambah ramai,maka terpisahlah kampung Tanjung Pasir dari jajahan kampung Labuan dan dinamakan kampung Tanjung Pasir.

### 3.16.4 Kampung Pirasan

Menurut Ketua Kampung Pirasan Tuan Haji Duyok@ Azmar bin Haji Tahir,asal usul kampung Pirasan mendapat dua perkataan yang berbeza iaitu Perasan dan Pirasan. Nama'Perasan'adalah berasal daripada perkataan Bajau. Suatu ketika dahulu terjadi pertelingkahan dalam sebuah majlis keramaian masyarakat kampung seperti bertitik dan berunsai. maka timbullah perkataan 'Perasan' yang membawa maksud seolah-olah seseorang itu menggambarkan pihak lawannya seperti benda-benda.

Nama Pirasan pula wujud akibat daripada pengertian bahasa yang berbeza iaitu Bahasa Dusun,Irranun dan Bajau. 'Pira' atau 'Piro' yang membawa maksud yang sama.Manakala 'San' atau 'Son' bermaksud sesuatu benda bakul yang diperbuat daripada bamboo untuk menyimpan padi setelah dituai dengan tangan menggunakan alat yang dinamakan'Linggaman' iaitu sejenis alatan tajam yang digunakan untuk menuai



University of Malaya

padi. Dari segi pandangan dan pengertian yang berbeza apabila musim menuai padi menggunakan peralatan seperti ‘Rimoson; sebagai tempat pengukur dan diletakkan di atas tanah berlapikkan kain yang tebal berwarna hijau dan memisahkan padi dengan humasnya dengan menggunakan kaki yang dikenali dengan upacara’Nggiok’ secara beramai-ramai tidak mengira bangsa,berpegangan tangan sambal memijak padi tersebut sehingga terlerai daripada tangkainya.Buah padi yang telah terlerai akan disimpan dalam sebuah bekas yang dinamakan’Ritip’ untuk menjadikannya tahan lebih lama lagi. Hasil daripada gabungan dua perkataan yang berbeza iaitu’Pira’ dan ‘San’ maka terhasillah nama kampung Pirasan sehingga kini.

Kampung Pirasan mempunyai keluasan tanah hampir 600 hingga 700 ekar persegi. Jarak daripada pecan Kota Belud hanya satu kilometer sahaja.Bentuk geografi muka buminya berbukit bukau dan tanah rata. Bilangan penduduknya hamper 2,160 hingga 2,300 orang. Penduduk yang mendiami kampung ini terdiri daripada kaum Bajau,Dusun,Cina Irranun,Melayu. 78% adalah yang menganut agama Islam dan 22% terdiri daripada agama Kristian,Buddha dan sebagainya.

Masyarakat di kampung ini mengamalkan cara hidup yang harmoni meskipun berbilang kaum. Penduduk Kampung sentiasa saling membantu di antara satu sama lain terutama dalam mengadakan majlis kenduri,perkahwinan ,kematian dan sebagainya. Sebagai contoh apabila berlaku kematian,penduduk Kampung tidak akan mengadakan majlis keramaian seperti bertitik,karaoke,’Live Band’ dan sebagainya.

Aktiviti harian penduduk Kampung banyak tertumpu kepada pertanian,menanam padi,menternak binatang ternakan seperti lembu,kerbau dan kuda dan sebagainya. Ada juga penduduk yang bekerja sebagai penjawat awam dan sektor swasta.

University of Malaya

### 3.16.5 Kampung Jawi-Jawi

Kampung Jawi-Jawi merupakan sebuah rancangan Penempatan bagi penduduk sekitar Kota Belud. Rancangan penempatan ini dibuka untuk membolehkan penduduk menyertai skim Rancangan Penanaman padi ketika itu.Rumah-rumah dibina mengikut susun atur yang telah ditetapkan secara berbaris dan teratur.Nama Jawi-Jawi diambil berdasarkan sebatang pokok yang terletak di tengah-tengah kampung tersebut.Penduduk Jawi-Jawi terdiri daripada penjawat awam dan sektor swasta serta tidak kurang juga yang menjalankan aktiviti pertanian,perniagaan dan sebagainya.Kampung ini terletak kira-kira 7 kilometer daripada pekan Kota Belud.Terdapat sebuah sekolah rendah,Tadika,Pusat Kegiatan KEMAS,serta Klinik kesihatan serta surau untuk beribadat.Majoriti penduduknya beragama Islam dan terdiri daripada pelbagai bangsa.

### 3.16.6 Kampung Taun Gusi

Kampung Taun Gusi mendapat jolokan nama daripada penduduk asal yang meneroka kampung tersebut.Peneroka asal telah menemui sebuah Tajau yang dikenali dalam Bahasa Bajau sebagai' Gusi'.'Gusi' ini telah ditemui di dalam sebuah hutan di dalam kampung tersebut.Di dalam Bahasa Bajau hutan dikenali sebagai 'Taun'. Hasil daripada gabungan dua patah perkataan ini terhasillah Taun Gusi. Antara kemudahan awam adalah terdapat sebuah sekolah rendah serta Tadika di Kampung tersebut.Juga terdapat masjid dan surau yang menggambarkan agama Islam merupakan agama yang dianuti penduduk.Kegiatan ekonomi penduduk adalah petani,peniaga,penjawat awam dan sektor swasta.Kampung Taun Gusi terletak kira-kira 5 kilometer daripada pecan Kota Belud.

University of Malaya

### 3.16.7 Kampung Kulambai

Kampung Kulambai terletak kira-kira 10 kilometer daripada pekan Kota Belud. Aktiviti penduduk adalah bercucuk tanam,penternakan,berniaga,nelayan serta penjawat awam dan swasta.Menurut penduduk kampung nama asal Kulambai adalah terdiri daripada 2 perkataan yang berbeza iaitu ‘Kolam’ dan ‘Bai’.Di pinggir kampung ini terdapat sebuah kolam yang lebih dikenali oleh masyarakat Bajau sebagai’Kulam’.Dipercayai kolam ini adalah tempat bidadari untuk bermandi-manda.Dalam masyarakat Bajau bidadari ini dikenali sebagai’Bai’.Gabungan dua perkataan ini maka terhasillah Kulambai. Antara kemudahan awam yang terdapat di kampung ini adalah sebuah sekolah rendah serta tadika, dan masjid.

### 3.16.8 Kampung Siasai Kumpang

Kampung Siasai kumpang dipisahkan daripada kampung Siasai oleh Sungai Tempasuk.Penduduk asal adalah terdiri daripada penduduk kampung Siasai yang berpindah ke kawasan yang lebih tinggi untuk mengelakkan banjir.Terletak kira-kira 3 kilometer daripada pecan Kota Belud.Majoriti penduduk beragama Islam.Penduduk terlibat dalam aktiviti menangkap ikan,bercucuk tanam dan bertani,menanam padi serta aktiviti pembuatan parang Bajau.

### 3.16.9 Kampung Dundau

Kampung Dundau terletak kira-kira 8 kilometer daripada pekan Kota Belud.Penduduk terlibat dalam aktiviti menanam padi,menternak binatang seperti ayam,lembu dan kuda,berniaga serta bercucuk tanam.Antara kemudahan asas yang

University of Malaya

terdapat di kampung ini adalah balai raya dan surau. Majoriti penduduk adalah beragama Islam dan masih berpegang teguh kepada adat istiadat masyarakat Bajau.

### 3.16.10 Kampung Kuala Abai

Kampung Kuala Abai terletak kira-kira 20 kilometer daripada pekan Kota Belud, di bawah pentadbiran Dewan Undangan Negeri dalam kawasan N8 Usukan.Penduduk terlibat dalam aktiviti bercucuk tanam,nelayan dan berniaga.Antara kemudahan asas yang terdapat di kampung ini adalah sekolah rendah,tadika,balai raya dan surau. Majoriti penduduk adalah beragama Islam dan masih berpegang teguh kepada adat istiadat masyarakat.

### 3.16.11 Kampung Pandasan

Kampung Pandasan merupakan sebuah perkampungan terpinggir di utara daerah Kota Belud Sabah. Kampung ini terletak kira-kira 24 kilometer daripada pekan Kota Belud. Majoriti penduduk adalah beragama Islam. Antara kemudahan asas yang terdapat ialah sebuah sekolah rendah,tadika, balairaya,masjid dan sebagainya. Nama Pandasan adalah berasal daripada bahasa Irranun ‘Pinda Kasaan’ yang bermaksud pindah ke tempat itu.Dahulu Pandasan merupakan pusat pentadbiran yang penting bagi daerah Kota Belud dan lantaran itu ramai penduduk dari kampung yang lain diarah untuk berpindah ke kawasan tersebut.

Menurut seorang informan kampung Pandasan amat terkenal dengan cerita Perang Pandasan. Peristiwa Pandasan atau lebih dikenali penduduk tempatan sebagai Perang Pandasan telah berlaku pada 26 April 1915 bersamaan dengan 12 Jamadilakhir 1333(H). Beberapa hari selepas tewasnya Pahlawan Antanum di Rundum. Pada tarikh ini, Sharif Ali atau lebih dikenali sebagai Embo Ali juga Sabil Ali bersama-sama dengan pengikut



University of Malaya

pengikutnya yang terdiri dari suku kaum Samah, Dusun dan Irranun telah terkorban. Sharif Ali merupakan adik kepada Datu Paduka Mat Salleh, pahlawan terbilang Sabah. Embo Ali yang juga seorang ulama ahlul bait dan pahlawan bangsa menentang British kerana tidak bersetuju dengan sistem cukai yang dikenakan oleh British North Borneo Company (BNBC). BNBC yang pada mulanya datang sebagai pedagang dan penyewa akhirnya meminta cukai daripada tuan tanah. Penentangan Embo Ali juga adalah disebabkan rasa tidak puas hati dengan pihak British yang cuba mengambilalih pemerintahan. Dan ini menjadi kenyataan setelah tanah Sabah diserahkan kompeni kepada Kerajaan British secara tidak sah pada tahun 1946.Upacara "Betitik" selama 3 hari 3 malam juga disebut masyarakat Irranun sebagai "Peghkalilang" telah diadakan. Irama "Tigad-tigad" yang membawa maksud tetak dalam bahasa Samah mengiringi hari hari terakhir para pejuang. sebelum menghadapi peperangan, gendang perang dipalu terlebih dahulu bertujuan untuk menaikkan semangat para pejuang. Ketibaan pasukan polis British dinanti dengan zikir dan wirid memuji keagungan Allah s.w.t. Barisan pejuang menanti kedatangan mereka dengan berpakaian serba putih setelah mereka berkeputusan untuk mempertahankan kedaulatan hingga ke titisan darah yang terakhir walau hanya dengan bersenjatakan gayang (pedang).bujak (lembing), pidah (parang) dan senjata tradisional yang lain. Pasukan polis British mula melakukan serangan. Dentuman bunyi meriam dan senapang berselang seli dengan jerit tempik laungan "Allahuakbar" membingitkan suasana perang Pandasan, yang kini merupakan tapak Tamu Pandasan. Tembakan meriam dan senapang pasukan polis British tidak sedikit pun mencederakan Embo Ali dan pengikut-pengikutnya. Ternyata kehebatan "Ilmu Petunang" berjaya membuatkan senjata anggota polis British tidak berfungsi dan membuatkan mereka saling tembak menembak sesama sendiri. Tembakan yang dilepaskan juga tidak mengenai sasaran. Kesannya masih boleh dilihat pada pokok-pokok besar sehingga ke hari ini.

University of Malaya

Arshad merupakan salah seorang dari pengikut Embo Ali yang telah diperturunkan ilmu kepahlawanan. Arshad yang telah dirasuk syaitan mula membayangkan imbuhan yang akan diperolehinya setelah mengkhianati rakan seperjuangan dan gurunya sendiri. Tidak seperti Jebat yang derhaka kerana menuntut Keadilan, Arshad pula menderhaka kerana kuasa dan kekayaan. Arshad memilih untuk hidup mulia, Embo Ali memilih untuk mati syahid. Arshad mengetahui kelemahan Embo Ali lalu bertindak meminjam bujak (lembing) kepunyaan gurunya itu.Sebagai salah seorang anak murid yang paling dipercayai dan antara yang terhandal berbanding yang lain, Embo Ali tidak menyangka anak murid kesayangannya yang seorang ini sebenarnya takut mati dan terlebih dahulu telah berpakat dengan pihak British. Setelah mendapat bujak kepunyaan gurunya itu dengan laungan “sumbang/setumbang noh kiti guru! yang bermaksud “berlawanlah kita wahai tok guruku”

Arshad membujak Embo Ali dalam keadaan beliau tidak bersedia. Arshad bukanlah penduduk asal Kota Belud.dan sudah menjadi budaya masyarakat di Kota Belud menghormati orang luar.Budaya ini kekal sehingga ke hari ini,di mana sekiranya anda seorang perantau dan datang ke Kota Belud, mereka akan melayani anda sebaik mungkin. Apa yang ada di dapur mereka, itulah juga yang anda makan. Melainkan sudah tiada, memadailah sekadar secawan kopi dan biskut kering. Seperti yang digambarkan dalam sebuah perumpamaan bangsa Samah. “Mangan nia mangan asal jo kiti kurung kurung” yang bermaksud makan tak makan,yang penting kita berhimpun. Di saat-saat akhir hayatnya, Embo Ali sempat berpesan kepada anak muridnya yang lain agar meneruskan perjuangan ”Baya ni matai entorong bujak”. Yang membawa maksud biarlah mati di hujung lembing. Akhirnya pergilah seorang pejuang agama dan bangsa. Pemimpin berkarisma yang menjadi simbol penyatuan bangsa yang berlainan agama dan kepercayaan. Pengikut-pengikut Embo Ali yang masih hidup cuba membunuh Arshad tetapi tidak berhasil kerana Arshad sememangnya seorang yang handal bertarung hasil

didikan Embo Ali. Satu demi satu pejuang gugur dan berakhirlah perjuangan suci di bumi Pandasan. Pakaian putih dibasahi darah merah.Jenazah mereka dikebumikan dalam satu liang di sebuah permakaman besar di kampung Pandasan selayaknya untuk mereka yang mati syahid. Mayat pejuang-pejuang yang bukan beragama Islam pula dikebumikan di kampung masing-masing. Arshad diangkat sebagai wira di Kota Belud. Sebuah sekolah menengah di Kota Belud diambil bersempena dengan namanya yang telah berjasa kepada British kerana mengkhianati guru dan rakan seperjuangannya. Berbekalkan ilmu kepahlawanan dan sokongan dari pihak British,Arshad mula berlagak seperti seorang diktator. Merampas tanah dan harta penduduk tempatan.Di samping mengenakan cukai-cukai yang tidak munasabah.Waris-waris dan keturunan Embo Ali serta wira-wira Pandasan dihina sebagai keturunan pemberontak. Ada di antaranya yang berhijrah meninggalkan tanah tumpah darah mereka dan meninggalkan keluarga besar mereka di Kota Belud.

## 3.17 Rumusan

Masyarakat Bajau di Sabah terbahagi kepada 2 kelompok yang utama iaitu Bajau Laut yang terdapat di Pantai Timur Sabah, dan Bajau darat yang terdapat di Pantai Barat Sabah. Masyarakat Bajau Daerah Kota Belud begitu sinonim dengan gelaran “Sama” berbanding dengan masyarakat Bajau yang terdapat di daerah lain. Masyarakat Bajau mempunyai pelbagai jenis kebudayaan dan pertukangan yang unik yang dapat membezakan mereka dengan masyarakat lain. Di samping itu juga, mereka terkenal dengan aktiviti pertanian dan penternakan, serta pertukangan.Dari aspek keagamaan adalah jelas mereka ini adalah penganut agama Islam yang sejati. Banyak masjid-masjid dan surau terdapat di kampung-kampung dalam daerah Kota Belud.

University of Malaya

# BAB 4: MANTERA DAN KECANTIKAN

## 4.1 Pendahuluan

Masyarakat pada zaman lampau hidup dalam keadaan berkelompok dan saling bergantungan di antara satu sama lain. Mereka melakukan kerja-kerja bertani, menangkap ikan dan berburu secara bersama-sama. Mereka bukan sahaja menghadapi masalah dalam berinteraksi dengan makhluk-makhluk lain tetapi juga akan berhadapan dengan masalah apabila berhubungan di antara anggota kelompok mereka juga. Sikap iri hati, cemburu menyebabkan timbul pelbagai masalah untuk membentuk masyarakat yang harmoni. Orang yang paling kuat, gagah dan berani selalunya akan berkuasa. Bagaimanapun kegagahan dan keberanian itu sahaja tidak mencukupi untuk menjamin individu itu dihormati dan diterima dengan baik dalam masyarakat. Hang Tuah sentiasa difitnahkan semasa dia berkhidmat dengan sultan Melaka. Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa kegagahan dan keberanian juga tidak cukup untuk membolehkan seseorang itu diterima dengan baik dalam sesebuah kelompok masyarakat. Oleh kerana itu terdapat individu-individu yang mengamalkan petua dan amalan tertentu supaya mereka diterima baik dalam sesuatu masyarakat. Antara amalan-amalan itu ialah mantera. Dalam teks *Sejarah Melayu* ada diceritakan bagaimana Hang Nadim membaca mantera-mantera tertentu supaya inang pengasuh Tun Teja boleh menerimanya. Dengan cara tersebut dia dapat bertemu dengan Tun Teja dan dapat memujuk tunangan Raja Pahang tersebut supaya mengikutnya ke Melaka. (Lihat Shellabear, 1987:170 ) Dengan yang demikian terlihat dalam sesebuah masyarakat itu terdapat pelbagai cara yang dilakukan oleh individu-individu supaya mereka dapat diterima dengan baik oleh anggota masyarakat yang lain. Dan penerimaan tersebut akan memudahkan mereka untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Perkara ini sesuai sepertimana yang digagaskan oleh (1929,80) sepertimana

University of Malaya

yang telah dibincangkan dalam bab 2 kajian ini, iaitu sebagai anggota dalam sesebuah masyarakat mereka memerlukan tujuh perkara asas, iaitu makanan, penerusan keturunan, rumah dan pakaian, keselamatan, dan sebagainya. Dalam masyarakat Bajau juga terdapat amalan-amalan yang sama sepertimana yang terdapat dalam masyarakat Melayu untuk tujuan keselamatan diri dan ahli keluarga. Mereka juga percaya kepada amalan ilmu pengasih, pemanis, ilmu kebal, ilmu cuca dan sebagainya untuk tujuan penjagaan diri dan juga anggota keluarga daripada gangguan anggota masyarakat yang lain dan juga makhluk halus.

Bab ini akan membincangkan analisis data tentang mantera kecantikan wanita Bajau serta fungsinya. Dalam bab ini pengkaji akan meneliti tentang jenis-jenis mantera serta fungsinya dalam aspek kecantikan wanita Bajau. Kecantikan yang dibincangkan dalam bab ini meliputi kecantikan rupa paras, penampilan diri serta interaksi sosial yang berlaku di antara wanita Bajau dengan anggota keluarga dan juga masyarakat. Hal ini kerana interaksi sosial inilah yang membentuk aspek budaya dalam sesuatu masyarakat itu sepertimana yang digagaskan oleh Malinowski.

## 4.2 Mantera dan Masyarakat Bajau

Sepertimana yang disebutkan di atas mantera amat berkait rapat dengan kepercayaan dan kehidupan masyarakat Bajau. Selain memaparkan konsep cantik dalam peribahasa,pantun dan cerita-cerira rakyat,masyarakat Bajau turut menjelaskannya dalam mantera. Mantera selalunya dikaitkan sebagai salah satu cara pengubatan,namun dalam kajian ini pengkaji akan memperlihatkan bahawa mantera digunakan sebagai satu cara mencantikkan diri iaitu rupa paras dan penampilan diri. Mantera ini memperlihatkan konsep cantik orang Bajau yang mahukan setiap keindahan alam semesta (flora dan fauna) berada pada setiap inci bahagian tubuh badan mereka. Orang Bajau mempunyai

University of Malaya

keyakinan bahawa mantera walaupun sekadar bacaan tetapi oleh kerana keyakinan yang tinggi akan dapat seolah-olah mengambil unsur keindahan alam diletakkan pada bahagian-bahagian tertentu tubuh badan. Bagi orang Bajau juga dengan kecantikan yang dimilikinya, seorang wanita akan dapat memikat kasih sayang, rasa hormat, takut atau belas kasihan daripada orang lain (bergantung kepada mantera yang diamalkan). Ini kerana kecantikan rupa paras yang ditambahkan lagi dengan kecantikan dalaman membuatkan mereka senang diterima oleh anggota keluarga dan juga masyarakat yang merupakan keluarga besar.

## 4.3 Jenis dan fungsi mantera

Mantera memainkan peranan yang penting dalam masyarakat tradisional. Penggunaan mantera meliputi pelbagai jenis dan fungsinya terhadap sesebuah masyarakat tersebut. Haron Daud (1995,175) telah mengklasifikasikan mantera kepada beberapa bahagian antaranya mantera Pakaian diri yang terdiri daripada mantera penguat badan dan kebal,mantera pendinding,Mantera Penggerun dan penunduk, mantera pemanis, mantera pengasih, dan mantera Pembenci. Manakala mantera untuk tujuan perbomohan dan perubatan pula terdiri daripada:penyakit biasa, penyakit berbahaya, gangguan makhluk halus, penyakit angin, perbidanan, ilmu hitam, pembantu dalam pekerjaan dan sebagainya.

Manakala kajian ini akan bertumpu dalam mantera kecantikan wanita Bajau yang terdiri daripada Pemanis, Pengasih, Pendinding, Penguat badan dan kebal, Pengerun dan Penunduk. Kesemua mantera yang dikaji ini berfungsi dalam memelihara kecantikan wanita Bajau di samping keterampilan mereka terserlah dan mudah diterima oleh kelompok masyarakat itu sendiri. Misalnya mantera pemanis dan pengasih dipercayai boleh membuatkan diri mereka sentiasa dikasihi dan dengan yang demikian mereka

University of Malaya

mudah diterima oleh setiap anggota keluarga dan juga masyarakat. Manakala mantera penguat badan pula mampu membuatkan badan mereka sihat dan tidak mudah kena penyakit. Ini kerana rata-rata wanita Bajau yang mengamalkan mantera-mantera ini adalah suri rumah dan banyak yang terlibat dengan aktiviti pertanian dan penternakan.

## 4.4 Mantera Kecantikan

Mantera kecantikan merupakan mantera yang diamalkan untuk tujuan kecantikan diri wanita Bajau. Mantera ini terdiri daripada mantera pemanis yang digunakan untuk menyerlahkan kecantikan dan ketrampilan diri mereka apabila menggunakannya. Selain daripada mantera pemanis terdapat lagi jenis-jenis mantera yang lain yang digunakan untuk kecantikan luar dan dalam. Contohnya adalah seperti Penggerun, Penunduk, Penguat badan/Kebal dan Pengasih

### 4.4.1 Mantera Pemanis

Sejak zaman berzaman kecantikan seseorang wanita itu semestinyalah ada manis dan serinya Dalam teks-teks cerita lipur lara Melayu seseorang wanita yang cantik itu diberikan gambaran dari sudut fizikal dan juga dalamannya. Rambut yang ikal mayang, dada yang bidang, pinggang yang ramping, pipi pauh dilayang, betis bunting padi dan tumit bagai telur burung adalah gambaran fizikal bagi menggambarkan wanita yang cantik. Manakala gambaran kecantikan dalaman diperlihatkan daripada aspek tingkah laku yang lemah lembut, sabar dan beriman. Lihat petikan daripada *Syair Siti Zubaidah* (1994:108-109) yang menceritakan kecantikan Puteri Siti Zubaidah;

Rambut panjang hitam lebatnya
Kening beralit dengan hitamnya
Matanya hitam sangat hitamnya
Bulu matanya lentik sangat eloknya

University of Malaya

Hidungnya mancung lehernya jinjang
Pinggangnya ramping dadanya bidang
Loknya elok sederhana sedang
Sedap manis mata memandang

Terlalu elok parasnya puteri
Muda bangsawan bijak bestari
Kitab Quran semua dipelajari
Tiada berbanding seluruh negeri

Syukur tawakal lakunya sabra
Tiadalah ia berbanyak khabar
Usulnya seperti tulisan gambar
Barang yang memandang berhati gobar.

Jelas terlihat gambaran kecantikan seorang wanita Islam itu dilihat daripada aspek fizikal dan juga aspek dalaman. Aspek fizikalnya adalah gambaran rupa paras luaran seperti kening, pipi, dagu, dada, betis dan sebagainya.(Lihat juga Walter William Skeat, 1984: 362-363) Aspek dalaman pula seperti penyabar, lemah lembut tutur bicara, bertolak ansur, menghormati orang-orang lain dan sebagainya. Gabungjalin di antara aspek dalaman dan luaran ini menyebabkan seseorang wanita itu sentiasa dipandang cantik. Dan sekiranya wanita tersebut ada mengamalkan mantera-mantera tertentu supaya dirinya sentiasa dipandang manis maka segala tutur kata dan perlakuan mereka juga akan dilihat bertambah manis.

Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa cantik tidak akan lengkap tanpa adanya gabungan di antara luaran dan dalaman. Dan kata-kata ini sering diucapkan oleh pengasas D’herbs Datuk Alif Syukri untuk promosi kepada produk keluaran mereka. Kecantikan yang sedia wujud akan kelihatan hambar tanpa sesuatu yang dapat menyerikan wajah, misalnya senyuman yang manis dan kelihatan ikhlas. Kelihatannya konsep cantik bagi wanita Bajau membawa cantik, manis dan seri wajah bergerak seiring dan wujudnya gabungan bagi memastikan bahawa wanita Bajau benar-benar kelihatan menawan. Sehubungan dengan itu, orang Bajau (wanita) mencipta pelbagai cara bagi menyerikan

University of Malaya

wajah mereka. Cara-cara yang dimaksudkan antaranya adalah pemakaian susuk, pengamalan jampi mantera, azimat, petua-petau tertentu, urut dan mandi bunga. Mantera Pemanis yang diamalkan oleh wanita Bajau sebagai alat untuk menyerlahkan kecantikan diri mereka.Terdapat pelbagai jenis mantera pemanis yang khusus melibatkan bentuk fizikal agar lebih terserlah kecantikan mereka seperti pemanis muka, badan, rambut, gigi, pakaian, suara, mata, kening dan sebagainya yang mengaitkan unsur alam dengan kecantikan agar lebih mudah diterima oleh masyarakat. Berikut ini adalah contoh mantera pemanis muka.

**Mantera Pemanis Muka**
Bismillahirrahmanirrahim
Airku Simendam kaca
Bercahaya-cahaya
Cahaya Muhammad di mukaku
Cahaya Fatimah di dadaku
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

(Kernah Binti Haji Ismail)
Kg.Jawi-Jawi
23/12/2010

Kecantikan seseorang wanita biasanya dinilai bersandarkan paras rupa yang menawan. Lantaran itu penjagaan muka lebih diutamakan berbanding anggota badan yang lain.Mantera jenis ini dibaca sewaktu pemakaian bedak yang bertujuan untuk menaikkan seri muka agar kelihatan lebih anggun dan manis apabila orang memandang. Selain daripada itu,mantera pemanis muka ini juga boleh diamalkan sewaktu membasuh muka terutamanya pada waktu pagi sebelum mengenakan sebarang alat solekan. Di bahagian muka terdapat bibir. Daripada bibir akan keluar kata-kata, daripada bibir juga akan terukir senyuman dan bibir juga boleh memperlihatkan rasa suka atau benci seseorang itu kepada seseorang yang lain. Oleh kerana pentingnya bibir kepada seseorang wanita itu maka ianya perlu diberi perhatian. Dan dengan kerana itu wujudlah mantera-mantera yang khusus untuk bibir dilihat cantik dan menawan. Di bawah ini adalah contoh mantera bibir.

University of Malaya

**Mantera Pemanis Bibir**
**Doa Minyak (Pemanis)**
**Bismillahir-rahmanir-rahim**
Minyakku Si lening-lening
Sandaran matahari
Rupaku mambang kuning
Cahaya bidadari
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

(Kernah Binti Haji Ismail)
Kg.Jawi-Jawi
23/12/2010

Pada zaman dahulu, wanita Bajau mengamalkan pemakaian 'minyak' yang diperolehi daripada lilin lebah di bibir, yang berfungsi sebagai bahan untuk menjaga kecantikan bibir mereka. Mantera ini dimulai dengan penghormatan atau sandaran kepada Allah, iaitu dengan menyebut **Bismillahhiarrahmannirrahim** dan diikuti dengan ungkapan mantera menggunakan perlambangan yang melibatkan unsur alam seperti matahari,mambang kuning, bidadari serta diakhiri dengan penyebutan nama nabi besar kita iaitu Muhammad SAW. Bentuk dalaman mantera ini merupakan mantera yang mempunyai binaan yang sempurna yang dapat dibahagikan kepada permulaan,isi dan penutup. Unsur-unsur tersebut digunakan sebagai kiasan kepada anggota badan pengamal mantera supaya kelihatan kuat, gagah, berani, cantik dan menarik sama seperti unsur alam yang dikiaskan itu. Kata-kata seperti "matahari", "mambang" dan "bidadari" jelas merupakan sandaran kepada keberkesanan mantera ini. Umumnya kita tahu bahawa matahari memainkan peranan yang penting dalam kehidupan di dunia ini baik untuk manusia, binatang dan juga tumbuh-tumbuhan.Tanpa matahari manusia akan berada dalam kegelapan dan tanpa cahaya matahari juga tumbuh-tumbuhan tidak boleh melakukan proses fotosintesis untuk meneruskan kehidupan. Jadi matahari adalah lambang yang amat sesuai digunakan dalam mantera. Apatah lagi semua planet-planet yang ada di alam ini semuanya berputar mengelilingi matahari membuktikan peri pentingnya planet tersebut. Begitu juga penggunaan kata mambang dan bidadari yang mempunyai tujuan yang sama, iaitu

University of Malaya

keberkesanan kepada si pengamal mantera ini. Malah penggunaan unsur alam itu juga memberikan keyakinan dan merupakan satu syarat yang perlu ada pada diri pengamal atau orang yang berkaitan dengannya dalam menentukan keberkesanan mantera itu. (Kernah Haji Ismail, 2010)

**Mantera Asam(Pemanis)**

Bismillahirrahmannirrahim
Kayuku sikalam manis
Makanan tanjung putih matanya
Manis gula manis aku
Asam limau asam aku
Berkat doa lailahaillallah
Berkat aku memakai doa si Raja Asam
Kabul kata Allah
Kabul kata Muhammad

(Kernah Binti Haji Ismail)
Kg.Jawi-Jawi
23/12/2010

**Pemanis**
Asamku silumbi manis
Manis aku dipandang orang
Gelaga yang manis
Manis aku dipandang orang segala
Daripada madu segunung yang manis
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Lidah binti Udin
Kg.Pirasan(2009)

Mantera Asam iaitu sejenis mantera pemanis yang popular dalam kalangan wanita Bajau. Mantera ini akan dibacakan dan kemudian pengamal akan meraup(menyapu) mukanya setelah selesai mantera ini dibaca.Tujuan pemakaian mantera ini agar wajah kelihatan berseri-seri dan akan menarik perhatian orang sehingga tidak jemu mata

University of Malaya

memandang. Kadang kala ada wanita Bajau yang cantik tetapi jika tidak memakai mantera ini, kecantikan itu tidak begitu menyerlah berbanding dengan wanita yang mengamalkan mantera asam ini. Mantera yang sama digunakan boleh digunakan oleh Mak Andam semasa menghias pengantin. Perkara ini ditegaskan oleh salah seorang pengamal mantera ini iaitu Puan Kernah Hj Ismail kepada pengkaji semasa kajian ini dijalankan pada tahun 2010 dan pada Jan 2018 yang lalu. Mantera-mantera ini dibaca kepada bedak dan disapukan kepada keseluruhan muka pengantin perempuan. Selalunya mantera-mantera seperti ini diamalkan oleh Mak Andam sebagai pakaian diri mereka dan juga sebagai salah satu cara untuk menambah punca pendapatan. Hal ini kerana pekerjaan sebagai Mak Andam memerlukan keberanian dan juga keterampilan yang tersendiri. Mereka perlu menyakinkan khalayak ramai bahawa mereka mampu menjadikan seseorang yang berwajah sederhana tetapi setelah dipakaikan pakaian yang sesuai serta dibacakan mantera-mantera tertentu wajah seseorang itu (pengantin) berupaya menjadi daya penarik kepada orang yang melihatnya.



**Gambar 4.1: Puan Kernah Hj Ismail sedang menunjukkan cara-cara membaca mantera di bedak sebelum disapukan ke muka.**

University of Malaya

Berikut adalah diantara mantera pemanis yang dibacakan kepada bedak yang akan disapu ke muka seseorang itu.

**Pemanis**

Kapa nabi kappa nabi Muhammad
Bintang tunggal tumbuh di dadaku
Bulan matahari tumbuh di mukaku
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Haji Diman Bin Taup
Kg. Labuan, 2010



**Gambar 4.2: Gambar pengantin Bajau sedang dihiaskan oleh Mak Andam**

Mantera pemanis menggunakan lambang dan perlambangan tertentu untuk menambahkan lagi keyakinan si-pemakainya. Contohnya bintang digunakan sebagai perlambangan untuk menggambarkan kehebatan mantera pemanis ini apabila diamalkan oleh pemakainya. Dan bintang yang digunakan tersebut bukanlah sebarang bintang tetapi ianya adalah "bintang tunggal" . Tunggal di sini bermaksud satu dan sudah tentu yang

Universiti Malaya

satu inilah yang istimewa seperti misalnya anak yang tunggal. Anak tunggal sudah tentu mendapat segala tumpuan kasih dan sayang daripada ahli keluarganya. Selain penggunaan bintang, terdapat juga penggunaan perlambangan bulan dan matahari untuk menggambarkan kecantikan yang terserlah pada diri atau wajah seseorang itu. Sifat-sifat kecantikan bintang, bulan, matahari tersebut digambarkan berada (disandarkan) di paras rupa seseorang yang memakainya. Mantera-mantera yang seperti ini dipercayai dapat menambahakan kecantikan si pengamalnya terutama dari sudut seri wajahnya. (Haji Diman Bin Taup, Kampung Labuan, 2010) Dan dalam hikayat-hikayat dan pantun-pantun Melayu lama juga sering terdapat ungkapan kecantikan yang dikaitkan dengan bulan, bintang dan matahari (Lihat Harun Mat Piah, 1989)

Rupa paras seseorang wanita yang cantik merangkumi pipi, kening, bibir, hidung dan juga rambut. Rambut memainkan peranan yang amat penting dalam mencorakkan rupa paras seseorang. Dalam masyarakat Bajau terdapat juga mantera kecantikan yang dikaitkan dengan rambut serta aksesori yang terlibat seperti sikat ataupun sisir. Sikat atau sisir rambut yang digunakan akan dibacakan mantera terlebih dahulu sebelum digunakan untuk menyikat dan merapikan rambut. Mantera ini digunakan agar rambut yang disikat akan lebih menyerlahkan kecantikan wanita Bajau sehingga ramai yang akan mengagumi. Bagaimanapun sesuai dengan ajaran agama Islam, kebanyakan wanaita Bajau hari ini telah bertudung. Dan sudah tentu rambut mereka tidak lagi akan menjadi daya tarikan kepada orang lain tetapi ianya masih digunakan untuk memperlihatkan kecantikan rambut mereka kepada muhrim seperti suami. Dan ada juga yang mengamalkan mantera ini percaya dengan mengamalkan mantera ini rambut mereka akan bertambah sihat, hitam dan lebat. Di bawah ini adalah mantera pemanis yang dibaca tatkala menyikat rambut.

**Doa Sisir(Pemanis)**

Sisir bertanduk yang bias
Pembela gunung yang kasa



University of Malaya

Aku bersisir menghadap Allah
Mukaku tidak berubah sampai bila
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Memah binti Kasab
Kg. Labuan (4.9.2009)

**Mantera Sisir(Pemanis)**

Bismillahirrahmannirrahim
Sisirku sisir tanduk
Sisirku matahari
Lumandang lumandu
Cahayaku bidadari
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Jaliah Binti Sabat
Kg.Siasai Kumpang
21/12/2010)

**Pemanis sikat**

sudaiku sudai tanduk, tinagu’ selangan gadur,
amun ko nia nagur  atainu jadi lebur.
(Sikatku sikat tanduk,simpan di celah tembaga,
Jika kau tak menegur,hatimu akan lebur)

KK Rudin Bin Dahlan Bin Dahlan
Kg.Kulambai
2010

University of Malaya



**Gambar 4.3: Informan sedamg membaca mantera pemanis kepada sikat**

Bagi masyarakat Bajau, barangan tembaga merupakan satu lambang kemewahan mereka, sehingga tembaga digunakan sebagai perlambangan dalam mantera pemanis sikat.Sikat yang diperbuat daripada tanduk lembu atau kerbau merupakan barangan lama masyarakat Bajau yang sukar dijumpai oleh generasi kini.Sikat tersebut akan disimpan di dalam barangan tembaga untuk menjaga keselamatan sikat tersebut.Oleh kerana sikat ini amat bermakna bagi masyarakat Bajau sehinggakan dalam mantera itu disebut sesiapapun akan ”cair” melihat kecantikan pemakainya. Kata-kata ”Jika kau tak menegur, hatimu akan lebur” jelas memperlihatkan si pemakai telah membuatkan sumpahan, iaitu jika orang yang melihatnya tidak menyapanya, maka hati dan perasaan orang itu akan hancur lebur. Lebur di sini besar kemungkinan membawa maksud akan teringat-ingatkan si pemakai doa sikat, atau berada dalam situasi yang keluh kesah dan sebagainya. Dengan yang demikian orang-orang yang telah terkena mantera seperti ini biasanya akan tunduk

University of Malaya

atau mengikut sahaja tutur kata si pengamal mantera. Naiat untuk membantah telah tiada kerana hatinya telah ”lebur”

Sepertimana yang kita tahu, kelapa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat di kepulauan Melayu. Daripada sebatang pokok kelapa macam-macam barangan kegunaan seharian diperolehi daripadanya. Daripada kelapa (buah) boleh diperolehi minyak, santan, air, sabut dan tempurung. Semuanya ada kegunaan masing-masing. Santannya boleh diperbuat minyak dan digunakan untuk keperluan memasak. Sabut dan tempurung juga macam-macam yang boleh dijadikan barangan keperluan hidup seperti tali sabut, berus manakala tempurung boleh digunakan untuk mengisi air dan kadangkala sebagai bahan pembakar juga. Pendek kata begitu penting sekali kelapa dalam kehidupan orang-orang Melayu dan juga suku bangsa lain juga. Begitu juga dengan masyarakat Bajau. Kelapa adalah rapat dengan kehidupan mereka. Mereka juga menggunakan kelapa untuk memasak dan sebagainya. Malah dalam penjagaan kecantikan mereka juga menggunakan kelapa dan sudah tentu yang terlibat ialah golongan wanita. Isi kelapa digunakan sebagai salah satu bahan untuk menjaga menghitam dan melebatkan rambut.  Isi kelapa akan  diparut dengan menggunakan ’Kukuran ’ iaitu sejenis alat pengukur kelapa tradisional. Isi kelapa tersebut akan diramas dengan daun limau dan diletakkan di atas rambut.Masyarakat Bajau menamakannya ’Langir’. Masyarakat Bajau akan berlangir terutamanya setiap hari Jumaat. Rambut mereka akan diperam menggunakan langir ini sekurang-kurangnya selama sejam sebelum mereka mencuci rambut. Mereka mempercayai apabila dilakukan kecantikan rambut mereka lebih terserlah dan terpelihara daripada uban sebelum masanya. Mantera langgir akan dibaca sebelum langgir tersebut diletakkan di kepala.

University of Malaya



**Gambar 4.4: Langir sedang dilumurkan di kepala seorang wanita Bajau untuk tujuan kecantikan.**

Berikut adalah contoh mantera langir yang dikumpulkan oleh pengkaji semasa melakukan kajian lapangan di Kota Belud.

**Mantera Langir 1**

Hei engkau langirku dari dunia sampai akhirat
Akan pemasukku tujuh  pintu syurga
Sampai ke akhirat
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Siah Binti Udin
Kg.Dundau (2009)

**Mantera Langir 2**

Langirku langir rela
Langirku sanggur rela
Aku membuang haram dan dosa
Perlu tinggal jangan sunat
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Siah Binti Udin
Kg.Dundau (2009)

University of Ma

Sebenarnya jika diperhatikan kata-kata yang terdapat dalam mantera-mantera di atas adalah kata-kata biasa yang jelas tidak mempunyai apa-apa kuasa. Bagaimanapun keyakinan yang tinggi terhadap keberkesanan mantera yang dibacakan membuatkan si pengamalnya merasa bertambah yakin yang dirinya menjadi bersih dan menarik. Kata-kata syurga, Muhammad, dosa dan sebagainya adalah sebagai memperlihatkan betapa keyakinan mereka kepada kesucian agama Islam dan Nabi Muhammad sebagai Rasulnya. Jika selepas mengenakan langir tersebut mereka merasa diri mereka bersih dan segar itu adalah disebabkan oleh isi kelapa yang bercampur dengan daun limau yang sudah tentu mempunyai khasiatnya yang tersendiri. Santan sering digunakan juga oleh orang-orang Melayu zaman lampau sebagai salah satu bahan untuk melebatkan rambut. Begitu juga dengan daun limau, baunya yang wangi dan mampu menghilangkan bau-bau yang kurang menyenangkan sudah pasti memberikan kesan yang kuat apabila ianya dicampurkan dengan kelapa parut yang diramas. Mantera yang dibaca itu sebenarnya adalah untuk keyakinan diri. Penyebutan nama-nama nabi, haram, sunat dan syurga adalah sandaran keyakinan mereka terhadap agama anutan, iaitu Islam.

Dikatakan apabila selesai proses berlangir, masyarakat Bajau juga menggunakan mantera semasa mandi terutamanya pada setiap hari Jumaat. Mereka beranggapan hari Jumaat adalah penghulu segala hari dan mereka akan mandi dan membaca mantera pemanis ke atas air yang akan digunakan untuk lebih menyerlahkan kecantikan mereka.

**Mantera Mandi pemanis 1**

Ya roh ya iman ya rusia
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Lidah binti Udin
Kg.Pirasan(2009)

University of Malaya

**Mantera Mandi 2**

Assalamualaikum
Ya nabi Khairil
Engkau jangan terkejut aku mandi dalam air
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Siah Binti Udin
Kg.Dundau (2009)

Kebanyakan pengamal bersetuju bahawa mereka akan merasa lebih yakin apabila mandi berlangir dengan membaca mantera-mantera seperti yang tersebut di atas berbanding dengan kalau tidak membacanya. Dan mereka juga bersetuju bahawa mantera-mantera tersebut boleh digunakan kerana ianya tidak ada unsur-unsur syirik di dalamnya. Penyebutan nama-nama nabi yang tersebut di atas secara tidak langsung memperlihatkan keimanan mereka terhadap agama Islam adalah tinggi. Malah mereka juga mengamalkan mantera mandi berlanggir ini bersama-sama dengan doa mandi sepertimana yang diamalkan oleh orang-orang Islam.

Penggunaan mantera dalam menaikkan seri bibir amat dititik beratkan oleh wanita Bajau.Penggunaan ‘Minyak’ yang diperbuat daripada lilin lebah digunakan untuk mengelakkan bibir daripada kering.Sebelum mengoleskan bibir,mantera pemanis akan dibacakan ke atas minyak tersebut.Mereka juga amat mempercayai jika diamalkan akan turut menyerlahkan kecantikan bibir wanita Bajau.

University of Malaya



**Gambar 4.5: Wanita Bajau sedang mengenakan minyak di bibir**

Berikut adalah mantera yang dibaca tatkala minyak disapu ke bahagian bibir atas dan bawah;

**Mantera Bibir**

Minyakku simayang-mayang
Sandaran matahari
Rupaku seperti dayang-dayang
Rupaku seperti bidadari
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Lidah binti Udin
Kg.Pirasan(2009)

Menurut Puan Lidah Udin mantera yang dibaca kepada minyak dan disapu ke bibir berupaya membuatkan orang yang berkata-kata terlihat manis. Segala tutur bicara mereka mudah dikuti dan ini sudah tentu memudahkan mereka dalam menjalankan urusan kehidupan seharian. Ianya juga penting dalam proses mendidik anak-anak. Dan minyak

University of Malaya

yangdigunakan bukanlah minyak biasa tetapi adalah minyak yang diperolehi daripada lilin sarang lebah. Kata-kata yang dipilih dan digunakan dalam mantera pemanis bibir terlihat menggunakan kata-kata terpilih seperti “dayang-dayang”, “bidadari” dan disudahi dengan penutup dengan berkata doa Muhammad Rasulullah. Dayang-dayang dan bidadari adalah perempuan yang cantik. Dayang-dayang bekerja di istana dan tugas mereka melayan anak-anak raja dan raja. Dalam cerita-cerita penglipur lara Melayu ada diceritakan bagaimana anak raja yang telah beristeri tetapi asyik bersenda gurau dengan dayangnya yang bernama Si Kembang Cina lalu menyebabkan isterinya merajuk dan melarikan diri ke negeri asalnya iaitu kayangan (Lihat Pawang Ana, *Hikayat Malim Deman*, 1977) Jadi dayang-dayang dan bidadari adalah pilihan kata-kata perbandingan yang tepat untuk memperlihatkan kecantikan. Sesiapa yang terpandang rupa bidadari dan dayang sudah tentu akan jatuh hati.

Masyarakat Bajau juga amat terkenal dengan budaya makan pinang atau lebih dikenali dengan ‘Mapa’.Untuk lebih menyerlahkan bibir dan mulut mereka yang berwarna merah hasil gabungan Sirih,pinang dan gambir yang dimakan. Mantera pemanis ini akan dibacakan ke atas bahan-bahan yang akan dimakan. Semakin merah bibir seseorang wanita tersebut akibat daripada proses memakan sirih pinang ini maka semakin terserlahlah kecantikan wanita Bajau. Berikut ialah contoh mantera memakan Sirih;

**Makan pinang(Pemanis)**

Makanku pinang sedikit-dikit
Aku duduk di atas pancur
Rupaku seperti bulan sedikit
Siapa melihat hatinya hancur
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Lidah binti Udin
Kg.Pirasan(2009)

University of Malaya

Sekali lagi kata-kata daripada sumber alam diambil iaitu bulan. Bagi masyarakat Bajau, bulan adalah merupakan cakrawala yang yang tenang dan harmoni. Cahayanya yang terang pada pada waktu malam menjadikan suasana sekitar tenang. Oleh kerana itu bulan selalu menjadi pilihan dalam kata-kata bersifat pujian dan juga penujaan. Dan seperkara lagi jika diperhatikan mantera di atas menghampiri sifat pantun Melayu lama. Dua baris di bahagian atas merupakan pembayang, manakala dua yang di bawah ialah maksud.

Makanku pinang sedikit-dikit
Aku duduk di atas pancur
Rupaku seperti bulan sedikit
Siapa melihat hatinya hancur

Proses makan Sirih pinang tidak lengkap tanpa meletakkan tembakau atau ‘Sigup’ yang dibentuk menjadi bulat- bulat kecil di bibir sebagai proses yang terakhir. Semasa membentuk ‘sigup’ tersebut mantera akan dibacakan sebagai salah satu cara untuk menyerlahkan kecantikan wanita Bajau yang memakainya .’Sigup’ tersebut akan diletakkan di bibir.

**Mantera Pemanis Sigup**

Piri-piri simpangku
Piri-piri sampan baringku
Pedayau petetogku
Manis petetawaku
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Lidah binti Udin
Kg.Pirasan(2009)

University of Malaya



**Gambar 4.6: Wanita Bajau dengan Sirihnya**



**Gambar 4.7: Wanita Bajau dengan Sigup di bibir**

Bagaimanapun sesuai dengan perubahan masa Sigup ini sudah jarang-jarang digunakan oleh wanita Bajau dan yang masih menggunakannya ialah generasi tua yang



University of Malaya

berumur 60an ke atas. Manakala  wanita muda Bajau yang ditemui mengatakan tidak tidak berminat untuk meneruskan tradisi ini.

Masyarakat Bajau juga mengamalkan mantera pemanis yang digunakan ketika hendak keluar rumah.Mantera pemanis jalan ini akan dibacakan sebelum melangkah keluar daripada pintu hadapan rumah. Dengan membaca mantera pemanis ini dipercayai keselamatan wanita terpelihara di samping menarik perhatian orang yang melihat si pemakainya. Pemakaian mantera ini tidak terhad di kalangan anak dara sahaja malahan golongan wanita Bajau yang berusia juga mengamalkan mantera pemanis ini. Hal ini diakui sendiri oleh Puan Lidah Udin ketika kajian ini dilakukan pada tahun 2009 dan kajian untuk kali kedua pada tahun 2016.

**Pemanis jalan 1**

Ribu-ribu di tengah jalan
Timbang dan limau manis
Ribu-ribu orang berjalan
Aku juga dipandang manis
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Lidah binti Udin
Kg.Pirasan(2009)

**Pemanis jalan 2**

Assalamualaikum
Ibuku bumi bapangku
Aku berjalan di atas bumi
Bumi dipijak bumi terpijak
Jagailah aku ingatilah aku
Lindungilah aku
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Lidah binti Udin
Kg.Pirasan(2009)

Walaupun dari segi pemilihan kata dilihat kata-kata yang dipilih adalah yang biasa tetapi ianya berkaitan dengan “sumpah”  iaitu ribu-ribu orang yang berjalan di tengah

University of Malaya

jalan tidak akan setanding dengan orang yang mengamalkan mantera pemanis ini. Manis di sini sudah pasti merujuk kepada rupa paras, pakaian dan juga tutur bicara. Pendek kata apa sahaja yang dilakukan oleh pengamal mantera ini akan menjadi serba kena. Tidak ada yang cacat dan celanya. Manakala dalam mantera yang kedua pula kalimat-kalimatnya jelas menyeru kepada bumi (tanah) supaya menjaga si pengamal mantera ini supaya tidak ditimpa sebarang kemalangan. Kata-kata "bumi dipijak bumi terpijak, jagailah aku ingatilah aku, lindungilah aku" jelas membuktikan hal ini.

Dalam mendidik anak-anak juga terdapat mantera yang diamalkan. Mantera-mantera yang seperti ini memainkan peranan yang penting dalam mendidik. Oleh kerana itu mantera pemanis doa kata budak ini merupakan mantera yang agak popular dalam masyarakat Bajau. Mantera ini dibacakan di atas tapak tangan dan kemudian disapu kepada muka budak (anak) apabila telah selesai Di samping mempunyai fungsi mendidik, masyarakat Bajau terutamanya wanita mempercayai mantera ini juga berperanan memelihara raut wajah walaupun usia telah meningkat.Wanita Bajau yang mengamalkan mantera kecantikan ini akan sentiasa kekal awet muda. Ini kerana kata-kata yang menyeru asal usul seseorang kanak-kanak itu (..kedua mani, ketiga darah, keempat budak-pulang kepada budak) dipercayai mempunyai kesan tertentu seolah-olah sumpahan. Di bawah ini diperturunkan contoh mantera pemanis kata;

**Pemanis Doa kata budak**

Astaga ini kedua mani
Ketiga darah,keempat budak
Pulang kepada budak
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Lidah binti Udin
Kg.Pirasan(2009)

University of Malaya

Mantera pemanis suara juga digunakan sebagai salah satu mantera kecantikan wanita Bajau. Mantera ini akan dibacakan di  dalam air dan diminum. Mantera pemanis suara ini digunakan untuk menjaga suara agar sentiasa merdu dan  boleh digunakan terutamanya yang melibatkan warisan kesenian Bajau seperti nyanyian Runsai, Ngeet Biola ( menggesek Biola ) dan sebagainya. Ia bertujuan untuk menarik minat audien mendengar persembahan yang didendangkan.

**Mantera  Pemanis suara**

Bismillahirrahmannirrahim
Telinting batang telinting
Ketiga batang selasih
Bercerai kukuku dengan isi
Rindu hati sekalian makhluk kepadaku
Aku tahu asal mulamu menjadi
Wadi madi mani manikam
Sembilan bulan sepuluh hari
Darah bercampur darah
Berkat lailahaillallah
Kabulkan doaku

(Kernah Binti Haji Ismail)
Kg.Jawi-Jawi
23/12/2010

Sebenarnya semua mantera-mantera yang diamalkan oleh wanita Bajau seperti yang dibincangkan di atas berperanan untuk menjaga diri mereka dalam keluarga dan juga dalam masyarakat. Anggota keluarga dan juga masyakat akan mudah menerima mereka jika  perlakuan dan tingkah laku mereka manis, menarik dan lunak berbicara. Dengan yang demikian akan terbentuk suasana yang harmoni dan mudah berinteraksi di antara satu dengan yang lain. Ini sesuai sepertimana yang digagaskan oleh Malinowski (Dalam Amri Marzali,2006), iaitu interaksi yang wujud di antara seseorang anggota masyarakat itu merupakan interaksi sosial dan merupakan elemen budaya.

University of Malaya

### 4.4.2 Mantera Pendinding

Dalam kehidupan seharian masyarakat Bajau juga terdedah kepada ancaman samaada daripada luar masyarakat mahupun daripada dalam. Ancaman-ancaman ini jika tidak disekat daripada awal akan berupaya merosakkan kehidupan seseorang itu. Oleh kerana itu mereka juga mengamalkan mantera-mantera tertentu yang dipercayai sebagai pedinding daripada ancaaman musuh mereka. Mantera ini sering disebut sebagai penangkal atau pelindung diri kerana fungsinya untuk menjaga diri .Biasanya mantera ini akan dibacakan pada barang – barang tertentu sehingga barang tersebut diyakini mampu menjaga pengamalnya. Mantera ini juga digunakan sebagai perisai diri supaya orang tidak dapat membinasakan dirinya atau orang-orang tidak akan berkehendakkan untuk berbuat khianat atau aniaya kepada diri si pengamal. Hal ini kerana apabila "musuh" memandang muka si pengamal dia akan kelu dan tidak mampu bertindak sama ada dari segi kata-kata mahupun perbuatan.Kata-kata seperti "urat putus, tulang patah, jantung tertutup dan terkunci rasa marah" membuktikan hal ini. Oleh yang demikian segala niat tidak baik yang boleh menjurus kepada pertikaian, pergaduhan tidak akan terjadi. Dan secara tidak langsung segala aktiviti yang hendak dilakukan seperti pertanian, perniagaan ataupun aktiviti keagamaan dapat berlangsung dengan aman. Daripada temubual yang dilakukan mantera yang seperti ini diamalkan oleh kaum lelaki dan juga wanita. Contoh manteranya adalah seperti berikut;

**Mantera Pendinding**

Bismillahirrahmannirrahim
Hei  Kum-kum kepala kum-kum
Mata siapa memandang kepadaku
Uratnya putus memutus
Tulangnya patah mematah
Terkunci awalnya marah
Jantungnya tertutup
Dilipat  terlipat
Dibalik terbalik
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

University of Malaya

Kata-kata yang digunakan seperti dalam mantera di atas memperlihatkan kata-kata bersifat sumpahan yang mempunyai unsur penegasan, iaitu sesiapa saja yang memandang kepada pengamal mantera ini akan terasa lemah dan tidak mampu untuk berbuat apa-apa. Ini kerana uratnya telah terputus, tulangnya telah patah, emosi marah juga tiada. Dan ditambahkan lagi dengan "jantungnya tertutup". Semua kata-kata ini mempunyai maksud orang yang berhadapan dengan pengamal mantera ini sebenarnya telah dicuca. Dia tidak mampu untuk mencederakan ataupun menyusahkan si pengamal mantera tadi. Dengan dengan orang tersebut jika mempunyai niat yang tidak baik pada awalnya akan segera membatalkannya.



**Gambar 4.8: Baju yang telah ditulis huruf-huruf tertentu yang dipercayai mampu membuat seseorang itu kebal**

Universiti Malaya



**Gambar 4.9: Tangkal yang dipercayai mempunyai kuasa sebagai pendinding.**

University of Malaya

Dalam kehidupan yang sebenar perasaan hasad dengki ,dendam dan sebagainya pasti berlaku. Perkara ini jika tidak dielakkan daripada awalnya sudah pasti akan mengganggu aktivit seharian seseorang wanita Bajau. Bagi yang berniaga berkemungkinan perniagaan mereka terjejas, atau bagi yang bertani mungkin akan menyebabkan aktiviti sawah dan ladang tidak dapat dikerjakan dengan sempurna. Oleh yang demikian terdapat di kalangan wanita Bajau yang mengamalkan sejenis mantera yang dinamakan “Mantera Kappa”. Mantera Kappa ini sering diamalkan untuk mengelakkan perasaan negatif orang terhadap si pemakainya.Hal ini kerana masyarakat Bajau rata-ratanya berpegang kepada konsep

kecantikan itu merangkumi kehidupan yang harmoni. Beberapa informan yang ditemubual bersetuju bahawa kecantikan bukan sahaja terletak pada bentuk fizikal yang rupawan tetapi juga apabila seseorang itu dapat mengawal perasaan marah dalam diri mereka. Mereka percaya apabila mantera ini diamalkan musuh tidak mampu berbuat apa-apa yang menjejaskan aktiviti kehidupan seharian mereka. Berikut adalah contoh Mantera Kappa yang diperolehi daripada penyelidikan lapangan di Kota Belud, Sabah.

**Mantera Kappa( Pendinding doa marah)**

Bismillahirrahmannirrahim
Kapa Allah kappa Nabi
Raja kita bertemu
Sejuk menjadi ambun
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Mantera Kappa ini selari dengan ajaran Islam yang menyeru manusia untuk menahan rasa marah dan disarankan mencontohi sifat Rasulullah jika ia berasa marah. Namun Rasulullah tidak pernah menunjukkan kemarahan itu dengan lidah atau perbuatannya. Apabila Baginda marah, para sahabat mengetahuinya dengan melihat wajah Baginda berubah menjadi merah dan peluh menitis di dahinya. Baginda juga akan senyap untuk beberapa ketika bagi mengawal rasa marahnya. Perkara ini jelas dinyatakan dalam Al Quran:

Firman Allah:

***"Dan jika kamu memaafkan dan tidak memarahi serta mengampuni (mereka), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."***

(Surah At-Taghabun ayat 14)

Rasulullah juga menyentuh tentang perlunya menahan marah dalam diri akan menjanjikan balasan yang baik di akhirat kepada sesiapa yang berjaya menahan

University of Malaya

marahnya. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi, Baginda bersabda;

***"Sesiapa yang menahan marahnya sedangkan dia mampu melempiaskan marahnya, Allah akan memanggilnya dari kalangan makhluk pada hari kiamat dan dia diberi peluang memilih bidadari yang ia sukai di syurga."***

### 4.4.3 Mantera Pengasih

Mantera ini bertujuan untuk memikat serta menjadikan pengamalnya sentiasa dikasihi dan disukai oleh ahli keluarga dan juga anggota masyarakatnya. Mantera pengasih ini digunakan dengan meluas dalam kalangan masyrakat Bajau agar mereka lebih mudah diterima dalam masyarakat dan dapat melakasanakan tanggungjawab sosial dengan mudah dalam lingkungan komuniti mereka. Mantera-mantera ini ternyata diamalkan oleh kaum wanita dan juga lelaki. Tujuannya adalah jelas iaitu supaya mereka dapat diterima dengan baik oleh anggota masyarakat yang lain. Berikut adalah contoh mantera pengasih yang amat popular dalam masyarakat Bajau.

**Doa Asam ( Pengasih)**

Asamku Kelumbi manis,
makanan tadung merah matanya
manis madu manis gula,
manis lagi rupaku
sigunung sendirinya,orang kaya Raja Mambang
Fatimah gilakan rupaku,
Berkat lailahaillallah
Berkat aku memakai doa asam kelumbi manis,Muhammad Rasulullah

Jandan Bin Sanuin
(22.9.2010 )

Haron Daud (1995, p. 192) berpendapat mantera pengasih ada banyak cara dan jenis penggunaanya yang melibatkan semangat.Pengamal akan menguasai semangat,jiwa dan perasaan orang yang dihajati melalui tiga cara yang dikaitkan dengan unsur alam,makhluk

University of Malaya

ghaib dan kuasa Allah. Salah satunya menyeru roh orang yang dingini dengan cara yang lembut iaitu:

**Sangka Bunuh( Pengasih)**

Sangka bunuh sangka kuda,
anak ukang aku tahu asal mulajadi,
Kun payakun,cahaya ku Allah,Baginda Ali Rasulullah.
Bukalah pintu hati Sianu( nama Orang) berahi menangis
memandang kepada aku
Sedangpun harimau berkaki tunggal itupun tunduk rindu
kasih berahi memandang kepadaku
Sangka bunuh sangka kuda.

(Anda bin Sadung)
(22.9.2010)

Terdapat juga penggunaan mantera pengasih yang melibatkan penggunaan panah arjuna, iaitu satu kiasan perlambangan yang sangat popular dalam masyarakat Melayu dan juga Bajau.

**Mantera kasih sayang(Pengasih)**

Assalamualaikum
Angin sumbai angin
Akan tiup di angin laut
Dulu lagi hati si Anu
Tunjuk kasih birai kepada aku
Sedangkan rimau di tengah lautan
Tunjuk kasih nama birai kepada aku
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

(Jaimah Binti Mit)
Kg.Kuala Abai Seberang
21/12/2010

### 4.4.4 Mantera Penggerun dan Penunduk

Mantera ini akan menjadikan pengamalnya kelihatan gagah dan orang akan memandang tinggi serta hormat kepada pengamalnya.Wanita Bajau menjadikan mantera

University of Malaya

ini sebagai perisai diri agar tidak mudah dipandang remeh oleh orang lain.Seseorang itu digeruni dan ditakuti apabila ia memperlihatkan atau mempunyai kelebihan tertentu seperti gagah. Badan pengamal menjadi kuat dan gagah apabila ia menyeru dan mendapatkan bantuan makhluk halus dan ada juga yang menyandarkan seruan mereka kepada Saidina Ali iaitu tokoh lagenda Islam, menantu dan juga sahabat Nabi Muhammad s.a.w;

**Mantera Penunduk (Mandi)**

Assalamualaikum hei Nabi Khairril
Aku minta suci,akupun suci
Suciku dari dunia sampai akhirat
Suci di atas perlu badanku
Suciku dari dunia sampai akhirat
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

**Mantera dipandang tinggi(Penunduk)**

Bismillahirrahmannirrahim
Kun kata Allah
Fayakun kata Muhammad
Rabbikum kata Jibrail
Waalaikum kata Izrail
Aku tua menjadi muda
Aku miskin dipandang kaya
Aku hina dipandang mulia
Aku Ya dipandang Raja
Aku berdiri sebagai Allah
Bumi sebagai kasutku
Langit sebagai payungku
Rasulullah dari kananku
Nur Muhammad dari kiriku
Aku berjalan kudrat Allah
Kudratku kudrat Muhammad
Kudratku kudrat Baginda Ali
Cahaya Fatimah gilang-gemilang di mukaku
Berkat doa lailahaillallah
Berkat aku memakai kata-kata Allah

(Melum Bin Rambab)
Kg.Siasai Kumpang
21/12/2010)

University of Malaya

Mantera penunduk/penggerun ini juga amat popular dalam kalangan masyrakat Bajau untuk tujuan kecantikan. Kecantikan bukan sahaja dari aspek fizikal seperti paras rupa yang menawan tetapi kecantikan dalaman yang melibatkan aspek hubungan dalam sesebuah masyarakat begitu dititikberatkan. Mantera ini boleh diamalkan sebagai menjaga hubungan di antara suami/isteri,anak-anak agar mendengar nasihat daripada orang tua,jiran dan masyarakat  sekeliling. Apabila hubungan ini terjadi maka suasana akan menjadi harmoni, sentiasa bekerjasama dan perasaan hasad dengki dapat dihindarkan kerana akan mudah disukai dan diterima ramai dalam masyarakat sekeliling.

**Mantera Cinta birai(Penunduk)**

Bismillahirrahmannirrahim
Apa bernama makhluk Allah
Tidak tunduk kasih berahi kepada aku
Sedang harimau tunggal tengah lautan
Beranak muda berkaki tunggal
Itupun tunduk kasih berahi kepadaku
Apa bernama hamba Allah
Tidak tunduk kasih berahi kepada ku
Sedang hujan turun hujan berhenti
Tunduk kasih berahi kepadaku
Apa bernama hamba Allah
Tidak tunduk kasih berahi kepadaku
Sedang mayat di dalam kubur terlimpang-limpang terguling-guling
Itupun tunduk kasih berahi kepadaku
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Dalam mantera cinta Birai,terdapat penggunaan unsur-unsur alam seperti harimau,hujan dan makhluk Allah. Unsur-unsur ini digunakan sebagai sebagai kiasan kepada anggota badan pengamal supaya kelihatan cantik. Penggunaan perlambangan ini juga menguatkan keyakinan dan kebiasaannya akan memberi kekuatan kepada pengamal untuk menentukan keberkesanan mantera ini.Penggunaan Harimau tunggal digunakan kerana mantera ini menggunakan perlambangan  sebegini untuk menunjukkan luar biasa dalam mantera ini.

University of Malaya

### 4.4.5 Mantera Penguat Badan dan Kebal

Mantera ini berfungsi untuk menjadikan pengamalnya kuat dan kebal daripada ancaman musuh. Pengamalnya akan berasa kuat dari aspek fizikal dan dalaman. Masyarakat Bajau mengamalkannya untuk kecantikan khususnya untuk mendapatkan rambut yang sihat dan cantik,urat yang tegang,badan yang kuat dan menarik serta raut muka yang tidak dimamah usia. Wanita Bajau akan mengamalkan mantera ini untuk mempertahankan serta kekebalan diri apabila bertemu dengan musuh.

**Mantera sangka bunuh(Penjagaan diri dan penguat Badan)**

Bismillahirrahmanirrahim
Sangka bunuh sangka pemarah
Aku duduk di kandang Allah
Terbunuh bulan dan matahari
Maka aku terbunuh
Bunuh makhluk tiadaku mati
Bunuh Allah maka kumati
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah
( Raneh Binti Jami)

Mantera yang melibatkan kuasa Allah,para Nabi dirasakan mempunyai kekuatan yang tersendiri berbanding penggunaan mantera yang memfokuskan kekuatan pengamal sendiri.Keberkesanan mantera harus dilihat anatara pola hubungan antara makhluk dengan Allah dan makhluk dengan makhluk (Haron Daud,1995p.118)

**Mantera Susunan sahabat Badan(Penguat badan)**

Bismillahirrahmannirrahim
Kepalaku jangan binasa sekali-kali
Rahman otakku jangan binasa sekali-kali
Rahim mukaku jangan binasa sekali-kali
Jibrail mataku
Mikail telingaku
Israfil hidungku
Izrail mulutku
Abu Bakar kulitku

University of Malaya

Umar uratku
Usman dagingku tembaga besi
Ali tulangku
Berkat doa lailahaillallah
Berkat doa Muhammad Rasullullah

Menurut masyarakat Bajau, penyakit tidak hanya disebabkan oleh faktor-faktor nyata saja, melainkan terdapatnya faktor yang lain atau ghaib. Dalam hal ini diyakini keberadaan mantera sebagai pemutus hubungan antara yang ghaib dengan penyakit si penderita. Setiap proses pengubatan selalu diawali dengan proses pengucapan mantera terlebih dahulu pada setiap ubat yang akan diminum.

**4.5 Rumusan**

Adalah jelas daripada perbincangan yang dilakukan, amalan mantera di kalangan wanita Bajau menjadikan mereka lebih yakin untuk berada dalam kelompok masyarakat. Mereka merasa dikasihi oleh ahli keluarga (anak, suami) dan saudara mara serta jiran-jiran dalam satu Kampung atau daerah. Penerimaan yang baik memudahkan segala pekerjaan yang hendak mereka lakukan. Bagi yang menjalankan aktiviti perniagaan kecil-kecilan di "tamu" di daerah Kota Belud merasakan dagangan mereka laris. Manakala yang menjadi bidan atau mak andam merasakan pekerjaan mereka tidak sukar dilakukan. Ini kerana rata-rata masyarakat menerima kehadiran mereka dengan begitu baik sekali. Tidak ada merasa iri hati atau dengki kepada mereka walaupun pada hakikatnya ramai juga di kalangan wanita Bajau yang terlibat dalam aktiviti ekonomi seperti berjualan barangan runcit, keraftangan dan juga pakaian serta makanan. Dengan yang demikian adalah jelas dengan penggunaan mantera (Malinowski menggunakan istilah magik), hubungan sosial di antara anggota masyarakat akan lebih harmoni. Jelas amalan mantera ini dilakuakan untuk tujuan keselamatan. Apabila diri mereka cantik, anggun dan berketerampilan kehadiran mereka mudah diterima oleh anggota masyarakat yang lain.

University of Malaya

Wanita adalah pengurus kepada rumah tangga dan di tangan merekalah terletak tugas untuk mendidik anak-anak yang bakal mewarisi seseuatu kebudayaan itu. Dalam masyarakat Bajau, wanita bergerak seiring dengan kaum lelaki. Mereka mengerjakan sawah dan ladang, terlibat dengan aktiviti perternakan, perniagaan dan juga pengubatan seperti menjadi bidan. Jadi sebagai seorang wanita mereka perlu menjaga keadaan fizikal dan emosi dalaman, iaitu sentiasa dilihat cantik dan menyakinkan. Mereka percaya jika diri mereka sihat, menawan serta anggun dan ditambahkan lagi dengan kekuatan dalaman segala tugas dan tanggungjawab mereka dapat dilakukan dengan baik dan berkesan.

University of Malaya

## BAB 5: PETUA DAN AMALAN

### 5.1 Pendahuluan

Sebelum ini dalam bab 4 telah dibincangkan tentang beberapa amalan yang berkaitan dengan mantera yang diamalkan oleh wanita-wanita Bajau. Amalan membaca mantera-mantera tertentu itu adalah dengan tujuan untuk keselamatan, keharmonian dan dalam hubungan mereka dengan ahli keluarga dan anggota masyarakat yang lain. Amalan-amalan ini dipercayai menjadikan diri mereka dilihat cantik dalam aspek luaran dan juga dalaman. Amalan membaca mantera-mantera ini adalah dengan tujuan untuk memenuhi sebahagian besar daripada tujuh keperluan untuk hidup seseorang manusia dalam sesebuah masyarakat terutama untuk tujuan keselamatan (Lihat perbincangan tentang teori Malinowski dalam bab2)

Dalam bab ini pula pengkaji akan membincangkan analisis data tentang amalan-amalan dan petua dalam masyarakat Bajau. Aspek yang dibincangkan adalah termasuk amalan yang berkaitan kecantikan, kesihatan , pantang-larang yang diikuti oleh mereka serta rumusan. Petua dan amalan ini juga adalah usaha yang dilakukan oleh wanita Bajau dalam memastikan kelangsungan hidup mereka sihat, selamat dan selesa.

### 5.2 Amalan-amalan kecantikan

Makna kata cantik boleh difahami secara ringkas sebagai sesuatu yang sangat menarik, molek, elok dan indah apabila dipandang (*Kamus Dewan Edisi Keempat*). Konsep cantik ini sudah lama ada dalam lingkungan kehidupan manusia. Allah sendiri telah berfirman dalam surah Al-Taghabun ayat 3 yang membawa maksud :

> *Ia menciptakan langit dan bumi Dengan cara Yang sungguh layak dan berhikmat, dan ia menentukan*

University of Malaya

*bentuk rupa kamu serta memperelokkan rupa kamu; dan kepadaNyalah tempat kembali.*

Firman Allah ini terus disokong kuat oleh pendapat cendekiawan Islam, Imam Ibn Taimiyyah yang menyatakan bahawa manusia telah diciptakan supaya mencintai kecantikan dan membenci keburukan (M. Mukhlis Fahruddin,2013).

Oleh itu melalui fitrah yang dikurniakan oleh Allah Taala maka setiap ahli masyarakat telah mempunyai konsep kecantikan mereka yang tersendiri. Sudah menjadi kebiasaan apabila menyebut persoalan kecantikan ini maka ianya amat sinonim dengan wanita. Sebagai bukti, di Mesir pada zaman dahulu, Cleopatra adalah sang ratu yang menjadi simbol kecantikan bagi masyarakat ketika itu. Sehingga kini gaya sang ratu ini telah menjadi inspirasi bagi wanita untuk kelihatan cantik. Sebagai contoh, Dr Noraliza Rani, seorang usahanita telah meletakkan jenama Cleopatra bagi produk kesihatannya (Rosmah Dain, 2006). Pada zaman Eropah moden sekitar abad ke-15, konsep pemikiran cantik bagi masyarakat Barat sudah berubah dari bertubuh besar dan gempal kepada kegilaan mempunyai pinggang yang kecil dan ramping. Natijahnya, pemakaian korset telah menjadi kebiasaan bagi wanita Eropah pada waktu itu. Hal ini berbeza sekali dengan masyarakat di Afrika dan India. Mereka mendefinisi kecantikan wanita itu melalui badan yang gemuk dan mampu melahirkan anak ramai. Mereka juga beranggapan bahawa gemuk juga merupakan lambang kemakmuran hidup (Ella dan Yepa, 2004). Bagi masyarakat di China pula, semenjak kecil para wanitanya dipaksa memakai sepatu kecil dari saiz kaki mereka kerana bagi mereka wanita yang cantik adalah wanita berkaki kecil (Dina Permitasiwi,2013). Hal ini juga berlaku dalam alam Melayu yang mempunyai konsep kecantikannya yang tersendiri. Melalui pepatah-pepitih, ungkapan dan sebagainya seperti bibir bak delima merekah, pipi pauh dilayang,

University of Malaya

betis bak bunting padi, dan sebagainya telah melambangkan konsep kecantikan yang tersendiri dalam kerangka fikir masyarakat Melayu. Di dalam pantun Melayu, imej wanita sering diungkap dalam keadaan yang begitu indah sekali. Sebagai misal,

> Mengetam padi tengah hari,
> Padi habis dimakan helang,
> Pingganglah ramping tubuhnya tinggi,
> Jiwalah abang rasa melayang.
>
> (KKMS,1990 : 493)

Justeru, apabila melihat konsep kecantikan yang diungkapkan sebelum ini maka sudah tentu ianya memerlukan “ramuan-ramuan” yang tertentu bagi mendapatkan hasil yang diingini. Dalam kajian ini ramuan-ramuan itu terdiri daripada mantera dan beberapa amalan yang dilakukan oleh seseorang wanita supaya mereka kelihatan cantik. Seperti masyarakat Melayu yang lain, masyarakat Bajau juga mempunyai petua-petua yang tersendiri bagi mengekalkan kecantikan seseorang wanita. Aura wajah seri amat penting dalam masyarakat Melayu. Jika tidak, mana kan mungkin istilah mandi bunga untuk menaikkan seri wajah bagi seseorang wanita yang ingin berkahwin adalah salah satu ritual dalam majlis perkahwinan alam Melayu. Selain dari itu, teknik urutan juga dapat menaikkan seri pada wajah seseorang itu. Melalui urutan yang betul maka urat-urat darah akan dapat berjalan dengan lancar. Ianya sekaligus dapat mengembalikan keserian wajah seseorang itu (Noor Azlan Mohd. Noor,1989). Hal yang sama dapat dilihat dalam masyarakat Bajau. Wanita Bajau juga berurut selepas mereka melahirkan anak dan juga pada waktu-waktu yang lain untuk tujuan memulihkan kesegaran badan dan kesihatan.

Bagi masyarakat Bajau, amalan kecantikan bagi mengekalkan seri wajah adalah dengan menggunakan lempoyang bagi merawat wajah yang pucat. Menurut informan, Puan Memah binti Kasab dari Kampung Labuan, Kota Belud bagi mengatasi masalah

University of Malaya

tersebut, seseorang itu memerlukan dua kerat lempoyang sebesar ibu jari, kunyit hidup dua sentimeter dan gula merah secukupnya. Setelah itu, lempoyang dan kunyit yang telah dibersihkan hendaklah ditumbuk halus dan direbus dengan menggunakan tiga gelas air. Kemudian, didihkan air rebusan itu sehingga tinggal segelas air barulah dimasukkan gula merah secukup rasa. Setelah sejuk barulah diminum pada setiap pagi. Puan Memah memberitahu pengamalannya hendaklah dibuat sehingga wajah pucat berubah menjadi merah seperti biasa.

Apabila diteliti lempoyang atau halia hutan ini adalah tumbuhan yang mampu memberi perisa makanan kepada apa jua masakan. Malahan tumbuhan yang seakan seperti bunga kantan ini juga amat terkenal dalam perubatan herba. Malahan kajian terkini telah membuktikan bahawa lempoyang mampu merawat kanser di peringkat awal sebelum selnya bertukar kepada abnormal. Hal ini sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan kepada ubat sintetetik yang memberi kesan sampingan seperti keguguran rambut dan mengganggu sistem pencernaan (Fariz Fikri Zolkarnain,2011).

Begitu juga halnya dengan kunyit. Tanaman kunyit atau nama saintifiknya *curcama longa* telah didaftarkan oleh *World Health Organization* sebagai tanaman herba yang paling banyak digunakan oleh beberapa negara seperti Malaysia, Indonesia, India dan lain-lain negara. Kandungan yang ada pada kunyit mempunyai peranan sebagai antioksida, antitumor, antikanser dan juga antiracun. Selain dari itu, kunyit juga berkesan mampu meningkatkan tahap pembelajaran seseorang individu dan juga dapat membantu memori pesakit alzhemier (Sherren Nugraha, 2006). Justeru, dapat dilihat bahawa melalui bahan alami yang mempunyai khasiat yang tersendiri telah mampu memberi impak kepada keserian dan juga kecantikan wajah bagi wanita Bajau. Kunyit digunakan dalam masakan dan juga yang lebih menarik wanita Bajau meminum air rebusan kunyit sebagai usaha untuk mengecutkan rahim selepas mereka bersalin. Semua ini dilaku sebagai satu

University of Malaya

usaha untuk meneruskan kelangsungan hidup dan juga melahirkan zuriat. Hal ini disebutkan oleh Malinowski sebagai “reproduction”.




**Gambar 5.1: Lempoyang**



**Gambar 5.2: Kunyit**

Malah kadangkala kunyit juga digunakan sebagai salah satu bahan untuk disapukan kepada kulit muka sebagai usaha untuk mendapatkan kulit muka yang licin dan tidak berjerawat.

Selanjutnya, Masyarakat Bajau seperti masyarakat Melayu yang lain apabila lahirnya seorang bayi maka mereka akan mengadakan adat yang menjadi kebiasaan kelompok masyarakat mereka. Bermula dari menanam uri, membelah mulut dan sebagainya telah



University of Malaya

menjadikan masyarakat Bajau sinonim dengan adat dan budaya masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia. Namun, terdapat keunikan masyarakat Bajau yang membuatkan pengkaji teruja untuk mengetahuinya. Puan Hajah Lidah binti Udin dari Kg.Pirasan,Kota Belud menyatakan bahawa adat itu adalah ibu atau bapa bayi perlu menekan dagu bayi mereka agar mendapatkan dagu terbelah. Istilah ini juga boleh difahami sebagai dagu berlekuk dan juga lesung dagu. Sememangnya dagu terbelah ini adalah salah satu kecacatan wajah yang sangat cantik dan unik untuk dilihat. Sebenarnya, kejadian dagu terbelah ini adalah sama terjadinya lesung pipit. Dagu terbelah terjadi adalah disebabkan oleh kecacatan dari otot zyangomaticus utama. Ketika seseorang tersenyum atau bercakap, maka ada daya tarik dari kulit yang membuatkan dagu terbelah tersebut muncul akibat dari efek penarikan kulit tersebut.(Joel Pessa, 2010). Justeru, dapat dilihat adat menekan dagu semenjak dari kecil dapat memberi kesan yang sangat unik pada rupa paras seseorang itu.

Seterusnya, ungkapan rambut adalah mahkota wanita adalah lambang betapa pentingnya ia dalam rangka fikir kecantikan masyarakat Melayu dan juga Bajau khususnya. Lihat sahaja perbidalan seperti rambut bak ikal mayang yang melambangkan konsep keanggunan bagi wanita Melayu. Hal ini menjadikan penataan diri bagi wanita Melayu adalah dimulai dengan dari hujung rambut sehinggalah ke hujung kaki. Bagi wanita Bajau memelihara kecantikan dan menyihatkan tubuh badan bukan sekadar melepaskan betuk di tangga sahaja. Ia perlu dilakukan secara tekun dan disiplin bagi mendatangkan hasil yang akan memuaskan hati. Daripada pemerhatian yang pengkaji lakukan, jelas terlihat wanita Bajau yang punya rutin dan petua yang tersendiri dalam penjagaan rambut. Antaranya adalah petua melebatkan rambut. Rambut yang lebat dan panjang akan membolehkan seseorang itu mendandankan rambutnya supaya cantik dan anggun. Hal ini kerana, rambut lebat dan sihat adalah umpama untaian bunga yang boleh didandan indah dan cantik. Melalui rambut lebat dan sihat ini maka akan mudah untuk

University of Malaya

wanita Melayu menyanggul rambut mereka dengan pelbagai jenis sanggul sepertimana yang ada dalam masyarakat Melayu. Justeru, dalam masyarakat Bajau mereka telah menggunakan daun rambutan bagi melebatkan rambut mereka. Menurut Hajah Lidah binti Udin jika seseorang itu rambutnya nipis maka disarankan agar mengambil beberapa helai daun rambutan yang muda bagi tujuan melebatkan rambut. Helaian daun rambutan itu hendaklah dicampurkan dengan satu bekas air. Setelah itu, daun rambutan itu hendaklah diramas sehingga ia mengeluarkan lendir. Apabila lendir itu keluar maka ia boleh disapukan pada rambut. Biarkan ia selama 20 hingga ke 30 minit. Setelah itu, rambut hendaklah dicuci dengan air yang sejuk. Amalan ini hendaklah dilakukan dua hari sekali bagi tujuan memperolehi hasil yang akan memuaskan hati.

Selain dari itu, daun rambutan ini juga dipercayai dapat melambatkan uban untuk tumbuh di kepala. Secara umum, uban adalah satu situasi yang akan terjadi apabila rambut mengalami perubahan warna menjadi putih atau kelabu. Situasi ini akan berlaku tatkala kurangnya melanin pada rambut. Secara kebiasaannya uban akan tumbuh pada sekitar usia 40 tahun ke atas, namun kini terdapat juga uban yang akan muncul pada usia muda. Hal ini berlaku kerana faktor genetik. Kebiasaannya, apabila ia terjadi maka rasa kurang keyakinan diri akan muncul. Natijahnya, kepelbagaian produk komersial akan dicuba oleh seseorang itu yang kadangkala akan memudaratkan kesihatan rambut mereka sendiri (Etty Kurnia Saptorini,2016).

Bagi merawati masalah ini, masyarakat Bajau sudah ada kearifan tempatan mereka sendiri. Menurut Puan Hajah Lidah binti Udin lagi, khasiat daun rambutan ini juga bukan sahaja dapat melambatkan uban untuk tumbuh di kepala bahkan mampu mencegah uban untuk tumbuh pada masa yang mendatang. Beliau memberitahu daun rambutan sebanyak dua belas helai hendaklah ditumbuk sehingga halus. Kemudian ia diayak. Setelah itu pengamal hendaklah menyediakan minyak buah keras. Bagi menghasilkan minyak buah

University of Malaya

keras pengamal hendaklah menggunakan lima biji buah keras yang sudah disangai sehingga hitam. Setelah itu buah keras itu perlu ditumbuk halus. Selepas itu, serbuk buah keras itu harus dibungkus ke dalam kain kasa dan diperah sehinggalah minyak keluar. Kemudian, campurkan minyak buah keras itu dengan daun rambutan yang sudah ditumbuk halus itu dengan sebati. Pengamal hendaklah menyapu sebatian minyak buah keras dan juga daun rambutan pada rambut mereka selama semalaman. Pada keesokan harinya, basuhlah rambut itu dengan air yang dingin. Hajah Lidah binti Udin juga menyarankan agar amalan ini dibuat sebanyak seminggu sekali supaya mendapat hasil yang memuaskan hati.

Apabila diteliti secara sains dan akademik, daun rambutan ternyata mempunyai khasiat yang sangat jelas dalam merawati pelbagai masalah. Kandungan tanin di dalamnya mampu menjadi zat yang akan memberi warna segar kepada sel-sel rambut. Jurnal tentang "Penetapan Kadar Tanin Daun Rambutan *(Nephelium Lappaceum. L)* Secara Spektrometri Untraviolet Visibel" telah menyatakan bahawa daun rambutan memiliki kandungan zat tanin yang dapat memberikan atau menghantar warna (Andryani *et al*, 2010: 2). Tanin secara ringkas boleh difahami sebagai  bahan yang berasa pahit yang terdapat pada daun, kulit kayu, buah yang belum masak. Ia digunakan dalam pengawetan kulit binatang dan membuat pewarna dan dakwat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*). Oleh itu, dapat dilihat bahawa kebijaksanaan masyarakat Bajau dalam menangani masalah yang selalu berlaku dalam masyarakatnya harus diangkat sebagai satu nilai kepustakaan ilmu yang sangat tinggi.

Akhir sekali adalah petua penjagaan kulit. Kulit yang halus adalah impian setiap wanita. Kulit yang cantik, halus dan gebu perlukan penjagaan luar dan dalam. Hal ini kerana kulit yang cantik itu datangnya dari penjagaan dalaman dan luaran seseorang itu. Tubuh badan kita mempunyai bahan toksik yang sangat banyak. Ia datang dari pelbagai

University of Malaya

sumber seperti makanan, minuman, ubat-ubatan dan sebagainya. Dalam Islam, berbekam adalah salah satu rawatan alternatif yang terbaik bagi mengatasi masalah toksik dalam badan (Norazlina Ismail,2014). Namun demikian, terdapat juga permasalahan-permasalahan kulit yang akan berlaku walaupun seseorang itu menjaga pemakananan dan juga melakukan aktiviti sihat serta mengamalkan rawatan bekam. Antaranya adalah permasalahan hormon yang kerap berlaku dewasa kini. Kekurangan hormon terutamanya hormon adrenal akan membuatkan kulit kusam, berjerawat, jeragat dan sebagainya (Utusan Malaysia,2010). Jika melalui perubatan moden, rawatan suntikan hormon dan juga pil hormon dan juga boleh dilakukan melalui pemantauan doktor. Hal ini kerana, kesan sampingan yang amat buruk seperti penyakit barah, radang, ketumbuhan boleh berlaku. Kini ada rawatan terbaharu iaitu dengan menyuntik darah sendiri ke dalam tubuh untuk melicinkan dan menghaluskan kulit (Nor Afzan Mohamad Yusof,2016).

Bagi mengatasi masalah ini, masyarakat Bajau sudah ada jalan penyelesaiannya yang tersendiri. Penggunaan bedak beras atau 'badak buas' sangat membantu menghaluskan dan menyihatkan kulit (Mohd Afis, 2017). Penggunaan bedak beras yang dibuat sendiri oleh Puan Hajah Siah binti Udin dari Kg.Dundau,Kota Belud. Bedak ini akan selalu digunakan oleh kaum wanita mahu pun lelaki. Sapuan bedak beras ini akan mampu mengelakkan dari kulit merekah kerana terkena cahaya matahari. Bahan-bahan untuk membuat bedak beras ini adalah beras, daun pad-pad, daun biabas (daun jambu) dan juga air. Segala bahan-bahan tersebut perlu ditumbuk sehingga halus dan dicampur air. Setelah itu, barulah campuran bahan-bahan tersebut akan ditepek pada muka. Menurut Puan Hajah Siah binti Udin, penggunaan bedak beras ini tidak akan mendatangkan impak yang negatif kerana bahan-bahan yang digunakan adalah berbentuk alami dan murah. Ia tidak akan mendatangkan kesan sampingan. Tambah informan lagi, daun pad-pad adalah herba yang paling mujarab sekali untuk kesihatan kulit kerana ia sangat sejuk dan sesuai dengan kondusi persekitaran Bajau yang sememangnya panas. Hal ini menjadikan bedak beras



University of Malaya

adalah satu produk yang sangat berguna bagi masyarakat Bajau tanpa mengira jantina yang akan menggunakannya. Justeru, bedak beras ini adalah satu lagi kearifan tempatan bagi masyarakat Bajau dalam menangani permasalahan kulit yang sering berlaku pada masyarakat kini.

Secara tuntasnya, dapat dilihat bahawa ramuan untuk kecantikan bagi wanita Bajau amat rapat dengan alam semulajadi yang sangat asli dan segar. Melalui penggunaan bahan-bahan yang segar ini maka kecantikan yang diimpikan akan dapat terhasil dengan jayanya. Walaupun hasil yang diimpikan itu lambat dan proses yang perlu dilakukan itu lambat dan renyah, namun ia dapat mengelakkan kesan buruk jika tindak balas terlalu segera dan cepat. Hal ini acap kali berlaku pada produk kecantikan komersial yang mempunyai bahan kimia yang memudaratkan. Oleh itu, dapat dilihat melalui pengamalan secara berkala dan konsisten, amalan kecantikan wanita Bajau ini sekaligus dapat mendidik mereka agar sabar dengan sesuatu hasil kerja. Hal ini menjadikan kecantikan yang tertanam dari akhlak mulia itu dapat diluahkan pada cerminan wajah mereka. Justeru, definisi kecantikan wanita Bajau ini tercermin melalui kecantikan dalaman yang mulia yang akan menjadikan kecantikan pada rupa luaran mereka.

## 5.3 Amalan Pemakanan

Pemakanan adalah suatu bentuk rutin diet bagi seseorang itu. Sesuatu pola pemakanan yang diamalkan oleh seseorang itu akan mempengaruhi perlakuan dan memberi impak yang baik terhadap kesihatan tubuh badan. Selain daripada itu, pemakanan juga mampu menjadi identiti budaya sesebuah masyarakat. Dan makanan juga merupakan salah satu daripada tujuh keperluan asas manusia sepertimana yang disebut oleh Malinowski (Langness, L.L, 1987). Hal ini juga berlaku pada kaum wanita Bajau. Wanita Bajau amat menitik beratkan pola pemakanan mereka agar kesihatan dan kecantikan mereka terjaga.

University of Malaya

Seperti kelompok masyarakat yang lain, masyarakat Bajau mempunyai pelbagai aneka menu hidangan yang amat lazat. Setiap hidangan itu mempunyai nutrisi dan zat yang tersendiri terutamanya bagi kaum wanita. Hidangan pertama yang pengkaji rasa begitu unik dan eksklusif adalah *Latok*. *Latok* adalah gelaran yang diberi kepada sejenis tumbuhan laut yang strukturnya seakan sama dengan anggur hijau yang bersaiz kecil. Di Nusantara, *latok* lebih dikenali sebagai anggur laut boleh didapati di mana-mana pasar di Sabah. *Latok* mempunyai rasa yang masin dan berlemak sangat enak dimakan bersama-sama sambal, ikan bakar dan nasi yang masih panas. Menurut Puan Raneh Binti Jami dari Kg. Siasai Jaya, Kota Belud, *Latok* yang sudah dibeli itu harus disiram dengan air sesegera yang mungkin. Setelah itu, *Latok* hendaklah dibuang tangkai dan boleh dihidangkan terus untuk dimakan. Jika tidak dibuat dengan segera maka *Latok* akan lembik dan layu. Setelah disiang dan dibuang tangkai, *Latok* boleh dicampur bersama dengan mangga muda, udang segar, belacan, cili, limau dan sebagainya. Penyediaannya seumpama menu kerabu yang biasa disediakan di daerah Semenanjung Malaysia.

*Latok* atau anggur laut yang memiliki saintifiknya iaitu *Latin Caulerpa Racemosa* mempunyai nilai ekonomi yang sangat tinggi yang kerap digunakan sebagai bahan makanan, ubat-ubatan dan pelbagai lagi (Lely Okmawaty Anwar et.al,2016). Sebenarnya, *Latok* mengandungi pelbagai zat seperti protein, kalsium dan juga lemak omega tiga yang mampu menguatkan tulang dan sendi. Pengamalan pemakanannya secara sihat dan seimbang mampu mengatasi masalah osteoporosis yang sering dialami masyarakat ketika menginjak usia. Selain dari itu, *Latok* atau anggur laut ini mempunyai asid lemak iaitu AA, LA, DHA, EPA dan juga ALA. Kesemua asid lemak ini mampu mengelakkan penyakit kardiovaskular seperti lumpuh, jantung dan sebagainya. Seterusnya, anggur laut ini juga mampu menjaga kecantikan rambut dan kulit. Kandungan nutrisi anggur laut yang mempunyai kolagen yang dapat mengelakkan pori-pori muka menjadi besar dan juga dapat melembabkan kulit. (Nia Dwihandita,2009). Dalam pada itu juga, kandungan

University of Malaya

gula dalam anggur laut yang sangat rendah akan tetapi sangat tinggi dengan protein, vitamin C dan juga asil lemak tidak tepu mampu mencegah dari obesity. Akhir sekali adalah, zat semulajadi yang bernama fucoidan sangat berperanan sebagai anti kanser dan juga dapat menjaga kesihatan tubuh(Nia Wayan Suniti,2012). Justeru, dapat disimpulkan bahawa anggur laut yang sinonim sebagai hidangan masyarakat Bajau ini mempunyai pelbagai khasiat yang harus didedahkan kepada khalayak masyarakat.



**Gambar 5.3: Latok @ Anggur Laut**

Seterusnya adalah *Ampap*. *Ampap* merujuk kepada sejenis masakan tradisi masyarakat Bajau yang selalu dihidangkan pada sesi makan tengahari. Menurut Puan Hajah Baikah binti Oleh dari Kampung Pirasan,Kota Belud, hidangan ini biasanya akan menggunakan ikan *Basung* sebagai ramuan utamanya. Istilah ikan *Basung* itu adalah istilah bagi ikan *Selayang*. Hajah Baikah memberitahu ikan *Basung* amat sesuai digunakan kerana isinya lebih dan rasanya lebih lemak dan manis. Jika hidangan ini dipanaskan secara berulang kali, maka bertambah sedaplah rasanya. Hajah Baikah memberitahu hal ini berlaku kerana segala bahan dan perasa semakin sebati dan masuk ke dalam isi ikan yang telah dimasak. Bagi persediaan untuk membuat *Ampap*, pada peringkat awalnya adalah ikan *Selayang* perlulah dicuci bersih. Segala lendir dan pasir yang ada pada ikan harus dibuang sehingga bersih. Setelah itu, serai yang telah dititik hendaklah disusun di dalam periuk. Hal ini dilakukan kerana ingin mengelakkan periuk

menjadi hangit dan ikan menjadi hangus. Setelah itu, susun ikan basung di atas serai-serai itu. Kemudian ramuan bawang, cili, dan kunyit hendaklah ditumbuk dan dimasukkan ke dalam periuk bersama dengan perahan air asam jawa. Puan Hajah Baikah memberitahu bahawa paras air asam jawa itu haruslah tinggi daripada susunan ikan. Didihkan sehingga menggelegak. Masak menggunakan api yang perlahan sehingga air ikan itu tinggal sedikit namun jangan terlalu kering kerana dikhuatiri hangus. Hidangan ini amat sesuai dihidangkan secara panas dan ia boleh bertahan lama sehingga seminggu walaupun tidak disimpan di dalam peti sejuk.

Apabila dilihat komponen utama bagi hidangan *Ampap* ini adalah ikan. Ikan merupakan antara sumber protein yang baik dalam pola hidangan pemakanan yang seimbang. Ia memiliki kandungan gizi yang sangat tinggi. Kandungan mineral, kepelbagaian vitamin dan lemak tidak tepu amat baik bagi pertumbuhan dan pengganti sel-sel tubuh yang telah rosak. Ikan segar kebiasaannya mengandungi kira 76% air, 17% protein, lemak 4.5%, dan mineral 4.5%. Selain dari itu, lemak atau minyak ikan memiliki asid lemak yang sangat baik yang mengandungi asid linolik, EPA dan DHA yang merupakan lemak yang penting untuk kesihatan tubuh (Indra T. Maulana,2014). Diet yang mengandungi kadar protein ikan yang cukup mampu menurunkan risiko penyakit jantung. Hal ini kerana protein ikan mampu menurunkan kadar kolesterol dalam darah(Siti Zarinah Sahib,). Dalam pada itu, protein ikan juga mampu memberi kesihatan yang baik bagi ibu-ibu yang sedang hamil. Kandungan DHA yang ada pada ikan mampu untuk perkembangan otak, mata dan sistem saraf pusat bayi. Melalui kadar DHA yang mencukupi janin yang dikandung mempunyai peluang untuk sihat.(Simopoulos A,2008). Justeru, dapat dilihat bahawa ikan adalah salah satu sumber hidangan yang baik untuk dinikmati oleh semua orang.

University of Malaya

Oleh itu, apabila pengkaji melihat sajian *Ampap* ini, maka ia adalah salah satu hidangan menu yang sangat seimbang. Melalui pilihan ikan yang segar dan bahan-bahan ramuan yang mudah didapati *Ampap* adalah salah satu pilihan bagi sesiapa yang ingin mengamalkan hidup yang sihat. Cara memasak secara bening dengan renehan ramuan bawang-bawang, cili, kunyit, serai dan air asam jawa ternyata ia adalah satu hidangan yang mampu memberi kesegaran dan kelazatan kepada sesiapa yang menikmatinya. Dalam pada itu juga, kearifan masyarakat Bajau dalam ilmu kulinari juga dapat ditelah. Dengan meletakkan susunan batang serai di dalam periuk bagi mengelakkan ikan hangus wajar diberi pujian. Justeru, dapat dilihat hidangan ampap ini adalah hidangan yang sihat kerana mempunyai nutrisi yang seimbang yang sesuai dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Seterusnya adalah kuih bingka ubi kayu yang menjadi pengganti zat karbohidrat bagi masyarakat Bajau. Pertama sekali adalah Bingka ubi kayu. Menurut Hajah Ramlah binti Oleh dari Kg.Pirasan, Kota Belud , hidangan ini menggunakan ubi kayu yang telah dikupas kulitnya dan diparut halus. Setelah itu, parutan ubi kayu itu harus diperah airnya bagi membuang rasa pahit. Kemudian ubi kayu itu dicampur dengan gula tebu dan harus dikukus atau dibakar.Hidangan kuih ini sesuai dijadikan sarapan pagi dan minum petang atau sebagai bekalan makanan masyarakat petani Bajau untuk dibawa ke kawasan sawah padi.

Kebanyakan makanan tradisional masyarakat Bajau adalah berasaskan beras. Ini memandangkan masyarakat Bajau di daerah Kota Belud amat sinonim dengan aktiviti pertanian iaitu penanaman padi.Antara makanan tradisional tersebut adalah kuih Pinjaram.Kuih pinjaram ini diperbuat daripada beras yang direndam dan ditumbuk untuk dijadikan tepung.Seiring dengan peredaran zaman,masyarakat Bajau tidak lagi menumbuk beras dengan menggunakan lesung kayu tetapi hanya menggunakan tepung

University of Malaya

beras yang telah sedia diproses.Antara bahan-bahan yang digunakan adalah tepung beras,tepung gandum,gula tebu.Bahan ini akan digaul dan diperam semalaman sebelum digoreng keesokan harinya. Menurut puan Bailan Haji Hassan,untuk mendapat kuih Pinjaram yang cantik dan menarik rupanya,bahan itu perlu diperam dahulu.

Selain daripada kuih Pinjaram, kuih masyarakat Bajau yang berasaskan beras adalah seperti *Berati, Jala, simsim@cincin*.

Ikan Pangi merupakan suatu hidangan yang terkenal dalam masyarakat Bajau. Ikan pangi adalah mirip ikan pekasam yang banyak diusahakan oleh masyarakat Melayu.Ikan Pangi menggunakan buah Pangi atau Kepayang sebagai ramuan khas pada ikan tersebut. Ia bertindak sebagai bahan pengawet supaya produk terbabit mampu bertahan lebih lama dan berbau wangi. Pengusaha pangi dari Kampung Kesapang, Kota Belud, Masni Mor Salim, berkata ikan pangi mampu bertahan lama dan berbau wangi apabila digoreng. Ikan tilapia antara ikan terbaik untuk dibuat ikan pangi. Ini berikutan isinya tebal, kenyal dan tidak mudah rosak. Selain itu, ikan lampam dan anak ikan sungai lain juga boleh dipangi.

Proses membuat pangi cukup mudah iaitu membabitkan kaedah mengupas dan membelah buah pangi untuk diambil isinya yang berwarna ungu. Kemudian dikopek dan ditumbuk halus menggunakan lesung kayu. Ikan tilapia hitam segar disiang dan dibilas bersih untuk membuang segala kotoran pada bahagian perutnya. Kemudian toskan hingga airnya kering.Ikan dikelar dan digaulkan dengan garam halus secukupnya serta diperap lebih kurang 10 hingga 15 minit. Ia bertujuan supaya kemasinan garam menyerap ke seluruh bahagian ikan.Selepas diperap, gaulkan sekali lagi dengan serbuk buah pangi yang dilumatkan tadi. Kemudian, ikan dimasukkan ke dalam bekas atau besen berpenapis untuk ditoskan airnya sekali lagi bertujuan membuang segala baki air yang masih terdapat dalam badan ikan supaya ia cukup kering dan mampu bertahan lebih lama.Ikan yang telah dipangi yang ditoskan tadi tidak boleh terkena air. Jika tidak, ia cepat busuk dan tidak

University of Malaya

boleh dijual. Lazimnya, selepas satu atau dua malam diperap ikan pangi terbabit boleh dimakan atau dijual di Tamu Kota Belud dan sekitar.

Pangi tilapia goreng berlada adalah resipi paling tersohor. Bau wangi buah pangi goreng mampu membuka selera  jika ia dimakan bersama nasi panas bersama ulam. (Mohamed Semail,2015)

Akhir sekali adalah sayur -sayuran. Masyarakat Bajau biasanya memilih sayur seperti rebung,pucuk ubi kayu,umbut dan sebagainya untuk dijadikan sajian.Sayur-sayuran ini akan dimasak secara rebus dan jarang menggunakan minyak untuk menumis bahan-bahan yang dicampur bersama sayur-sayuran tersebut. Oleh itu, kesemua hidangan ini adalah salah satu kebijaksanaan wanita Bajau dalam melengkapkan pola pemakanan yang sihat bagi keluarga mereka. Ubi kayu yang segar mempunyai kadar air sekitar 60%, karbohidrat 35%, fiber 2.5%, kadar protein 1%, dan kadar lemak 0.5%. Segala kandungan nutrisinya mampu mendatangkan manfaat yang besar dalam tubuh badan manusia. Kandungan vitamin B6 dan vitamin C yang terdapat dalam ubi kayu akan membantu tubuh untuk segar dan sihat. Hal ini kerana selain dari karbohidrat, tubuh tetap memerlukan vitamin untuk kekal cergas dan cerdas. Selain dari itu, kandungan karbohidrat yang tiggi dalam ubi kayu mampu membantu seseorang yang menjalani program diet untuk menahan rasa lapar yang lebih lama berbanding nasi. Tambahan pula, kandungan kalori yang ada pada ibu kayu mampu mengawal nafsu makan. Hal ini kerana, kepadatan fiber yang ada pada ubi mampu menahan nafsu pemakannya dari memakan makanan yang lain. Apabila kandungan fiber yang ada di dalam tubuh badan seseorang itu maka ia dapat  memberikan tenaga yang cukup untuk membantu seseorang itu aktif dalam kegiatan seharian. Akhir sekali, ubi juga mampu membantu sistem pencernaan di dalam badan kerana kandungan seratnya yang amat tinggi (Norhazliza Shafie, 2017).

University of Malaya

Justeru, dapat disimpulkan di sini, amalan pemakanan masyarakat Bajau amatlah baik dan seimbang. Kandungan nutrisi pada setiap hidangan mempunyai zat-zat yang mencukupi untuk tubuh berfungsi dengan baik (Noorsyarzielah Binti Saleh,2013). Melalui zat-zat yang mencukupi itu bekalan tenaga untuk melakukan aktiviti harian dengan sihat dan cerdas. Bagi pengkaji, wanita Bajau sudah menyediakan hidangan makanan yang sihat seperti yang digagaskan oleh kerajaan Malaysia. Pada tahun 1997, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melancarkan Kempen Makan Secara Sihat (Nur Hidayat Binti Mohd Yunus, 2011). Melalui penerapan gagasan ini dalam kelompok ahli keluarga maka sudah tentu ia akan memberi kualiti hidup yang besar terhadap komuniti masyarakat juga.

## 5.4 Petua dan Amalan Penjagaan Kesihatan

Populasi kaum Bajau secara keseluruhannya adalah seramai 4055 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia,2010). Separuh dari jumlah itu adalah kaum wanita. Sumbangan wanita Bajau amat penting dalam pembangunan etnik mereka, kemajuan negeri Sabah dan juga Malaysia secara keseluruhannya. Secara umum, peranan wanita yang bermula dari rumah sehinggalah kepada kelompok masyarakat telah menuntut nilai kesihatan yang tinggi buat mereka. Wanita perlu menjaga kesihatan mereka sejak dari muda sehinggalah ke akhir usia. Aspek penjagaan kesihatan ini memerlukan nilai disiplin dan ketekunan yang tinggi agar hasilnya dapat memuaskan hati. Oleh itu, kaum wanita terutamanya wanita Bajau sudah mengamalkan petua-petua yang tertentu bagi memelihara kesihatan mereka.

Konsep amalan penjagaan kesihatan mempunyai hubungan rapat dengan sikap, kepercayaan, pandangan hidup serta amalan-amalan hidup sesebuah kelompok masyarakat. Hal ini kerana setiap masyarakat mempunyai kepercayaan masing-masing

University of Malaya

mengenai penjagaan kesihatan. Masing-masing mempunyai cara dan nilai tersendiri serta panduan khusus untuk menjaga dan mengekalkan kesihatan demi kesejahteraan hidup.(Shariffah Suraya Syed Jamaludin,2010:2). Hal ini kerana ia mempunyai kaitan dengan cara hidup serta kepercayaan warisan merupakan yang mempengaruhi terhadap amalan penjagaan kesihatan sesebuah masyarakat tersebut. (Shariffah Suraya Syed Jamaludin,2010:3). Justeru, dapat dilihat struktur budaya dan persekitaran hidup dapat membentuk cara kesihatan sesebuah masyarakat.

### 5.4.1 Petua Dan Amalan Penjagaan Wanita Selepas Kedatangan Haid

Wanita Bajau secara umumnya akan memelihara kesihatan dalaman mereka terlebih dahulu. Mereka percaya jika tidak dipelihara dengan rapi dan teliti maka ia akan memberi kesan buruk terhadap seluruh kitaran kesihatan tubuh badan manusia. Bagi wanita Bajau mereka benar-benar peka akan kesihatan alat sulit mereka. Daripada temubual yang dilakukan, mereka secara umumnya mengetahui kesihatan vagina amat penting. Apabila seseorang wanita itu sudah didatangi haid maka akan berlaku pelbagai masalah yang berkaitan dengan kebersihan vagina. Antaranya adalah masalah keputihan. Keputihan adalah cecair yang keluar dari vagina mengakibatkan ketidakselesaan terhadap wanita. Masalah keputihan ini merupakan suatu masalah yang sering dihidapi oleh kebanyakan wanita di seluruh dunia. Statistik menunjukkan hampir 75% wanita yang sudah berkahwin berhadapan dengan masalah keputihan berikutan oleh aktiviti seksual. Terdapat beberapa punca yang mengakibatkan keputihan berlaku. Antaranya adalah punca dari pemakanan, stress, perubahan hormon, gaya hidup, dan sebagainya (Kementerian Kesihatan, 2014). Apabila permasalahan ini berlaku maka berlaku lambakan produk pencuci wanita yang menawarkan kesembuhan terhadap permasalahan keputihan tersebut. Walhal jika pencuci wanita digunakan secara berlebihan masalah

University of Malaya

keputihan tetap juga berlarutan bahkan boleh mendatang kesan yang lebih parah seperti radang dan juga barah (Annisa Mayaningtyas,2011).

Dalam menangani masalah ini, wanita Bajau sudah ada kearifan tempatan sendiri. Menurut Puan Bailan binti Haji Hassan dari Kampung Labuan, Kota Belud, pucuk pegaga adalah jalan yang terbaik bagi mengatasi masalah keputihan bagi wanita. Wanita yang mempunyai masalah keputihan harus mengambil secekak daun pegaga beserta akar yang bersih untuk direbus bersama air. Setelah mendidih, air daun pegaga itu harus disejukkan terlebih dahulu. Apabila sudah sejuk maka tapiskanlah airnya dan pesakit hendaklah meminumnya sebanyak dua kali sehari. Pesakit hendaklah mengamalkannya sehinggalah masalah keputihan dan kegatalan itu benar-benar sudah sembuh.

Apabila diteliti pegaga atau nama saintifiknya centella asiatica mempunyai seribu satu macam kebaikan di dalamnya. Daun herba yang berbentuk kipas ini sering tumbuh di kawasan Nusantara, Jepun dan India. Di India pegaga lebih dikenal dengan nama *Gotu Kola*. Kini, masyarakat Barat mula mengintai kebaikan daun ini untuk dijadikan sebagai makanan kesihatan buat mereka. Daun pegaga mempunyai pelbagai nutrien antaranya asid asiatik, kalsium, potasium, fosforus, beta karotin, vitamin C, tiamin, niasin dan riboflavin. Melalui nutrien-nutrient ini maka ia mampu merawat kerosakan kulit secara tradisi selain meningkatkan peredaran darah untuk memberikan wajah lebih berseri kepada mereka yang rajin mengamalkan makan daun pegaga atau minum air rebusannya. Sifat antibakteria yang ada pada pegaga membuatkan ia turut digunakan sebagai rawatan tradisi untuk jangkitan bakteria dan virus seperti selesema, jangkitan saluran kencing, influenza, batuk kering, kusta dan taun. Dalam pada itu juga, menurut Prof Dr Suhaila Muhamed dari Universiti Putra Malaysia menyatakan bahawa kandungan zat choline dapat membantu perkembangan sel otak dan ingatan. Selain dari itu, zat choline yang ada pada daun pegaga mampu meningkat keupayaan dari segi pengawalan urat saraf dalam kalangan kanak-kanak kurang upaya. Daun pegaga juga mempunyai vitamin B kompleks

University of Malaya

dan zat besi yang mampu merawat penyakit paru-paru, asma dan buah pinggang. Apabila dikatakan sebagai bahan kecantikan, pegaga turut membantu merawat selulit, menggalakkan pembentukan kolagen, dan mampu menyuburkan kulit rambut dan kuku. Tambahan pula, pegaga boleh dijadikan alternatif rawatan wajah untuk anti penuaan kerana sifatnya yang mampu menegangkan kulit. Oleh itu, dapat dilihat bahawa daun pegaga mempunyai kandungan zat dan nutrien yang cukup hebat yang boleh diamalkan bagi tujuan kecantikan dan juga kesihatan bagi manusia terutamanya golongan wanita ( Faizzatul Farush Khan,2014) . Oleh yang demikian, penerusan zuriat dalam kalangan masyarakat Bajau tidak akan terganggu dan seterusnya membantutkan aktiviti budaya yang ada dalam masyarakat itu.

### 5.4.2 Amalan Kesihatan Ketika Mengandung

Apabila sudah berkahwin sudah tentu kehadiran anak dalam isi keluarga akan dapat mengikat kasih sayang sesama pasangan. Seseorang wanita yang apabila disahkan mengandung akan berasa gembira kerana naluri keibuaan akan terserlah. Namun, tempoh hamil selama sembilan bulan sepuluh hari itu merupakan tempoh yang agak sukar untuk seseorang wanita itu. Mereka akan mengalami pelbagai simptom seperti loya, mabuk, kekejangan perut, darah tinggi, kencing manis dan sebagainya. Bagi penyakit darah tinggi dan kencing manis, wanita yang hamil boleh mengawalnya melalui pemilihan makanan dan durasi waktu makan yang sesuai untuk mereka. Namun, bagi masalah mabuk dan loya ia merupakan satu kebiasaan bagi wanita yang hamil. Mabuk hamil boleh difahami sebagai rasa loya atau mual yang seringkali dialami oleh wanita hamil di dalam tempoh tiga bulan awal kandungan. Kebiasaannya, mabuk hamil berlaku pada waktu pagi. Ianya akan hilang dengan sendirinya menjelang tengahari atau petang. Perubahan hormon dalam tempoh dua belas minggu pertama adalah mungkin salah satu sebab-sebab kenapa seseorang itu mengalami mabuk hamil. Selain dari itu kekurangan vitamin B6 dalam pola

University of Malaya

diet juga akan mempengaruhi hormon wanita hamil sehingga mengakibatkan mabuk. Secara umumnya, hampir 80% wanita akan mengalami sekirar 12-16 minggu kehamilan (Kementerian Kesihatan, 2010). Namun, terdapat juga segelintir wanita yang akan mengalami simptom mabuk ini sepanjang durasi kehamilan mereka.

Bagi mengatasi masalah tersebut, wanita Bajau mempunyai kearifan mereka sendiri. Menurut Puan Bailam binti Haji Hassan yang mempunyai lapan orang anak ini, beliau telah memberitahu petua ini perlu dibuat bukan sahaja ketika waktu mengandung bahkan boleh dilakukan pada sesiapa sahaja tidak kira masa, tempat dan ketika. Beliau memberitahu supaya wanita hamil apabila bangun tidur pada waktu pagi janganlah terburu-buru bangkit dari katil. Mereka perlu duduk dengan tenang dan menarik nafas dengan perlahan. Hal ini penting untuk ibu dan juga bayi yang dikandung. Bagi beliau, Islam sudah mengajar supaya membaca doa syukur selepas bangun tidur adalah yang terbaik. Durasi membacanya dengan tenang sekitar satu sehingga dua minit itu mampu menggerakkan seluruh urat saraf yang sudah berehat untuk bergerak dengan aktif pada siang hari. Setelah itu barulah bangun dengan perlahan dan cermat.

Seterusnya, Puan Bailam binti Haji Hassan juga memberitahu apabila rasa loya sudah datang maka beliau menyarankan supaya minum air suam yang telah dicampurkan dengan perahan limau kasturi atau limau nipis dan juga hirisan halia. Jika tidak mahu minum, wanita hamil itu boleh menghidu sahaja bau buah limau tersebut. Apabila aroma buah limau dapat dihidu rasa loya akan hilang.

Selain dari itu, beliau juga memberitahu juga supaya jangan terlalu minum air yang berlemak seperti susu kacang soya kerana ia akan menambahkan sahaja rasa loya itu. Beliau juga menasihatkan supaya menyediakan biskut keras untuk dicicip jika rasa loya itu datang kembali. Pengalaman beliau mengandung dan melahirkan secara normal kesembilan anaknya dengan mengamalkan petua-petua yang dibincangkan di atas.

University of Malaya

Bahkan petua-petua itu diturunkan kepada anak dan menantunya jika mengalami masalah mabuk ketika hamil. Beliau juga memberitahu jika beliau pening dan rasa mabuk dalam kenderaan, buah limau nipis atau kasturi akan menjadi ubat untuknya. Beliau akan menghidu sedalam-dalamnya bau limau itu sehinggalah rasa mabuk itu hilang.

Hasil penelitian yang dibuat oleh Dr. Suri Roowi dari penyelidik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menyatakan bahawa buah limau kasturi sebenarnya mempunyai khasiat yang lebih tinggi dan lebih banyak berbanding sebiji epal hijau. Buah limau kasturi dapat membantu merawat pelbagai penyakit seperti batuk, sakit tekak, pening kepala, mual dan sebagainya. Kata beliau lagi limau kasturi juga dapat membantu masalah bau badan, kelemumur, dan menguruskan badan. Menurut Dr. Suri, bahan aktif di dalam limau kasturi adalah Floretin-G yang biasanya terdapat dalam buah epal. Kombinasi antara bahan floretin bersama asid ferulic telah dijual di pasaran antarabangsa sebagai bahan kosmetik anti kedut dan pemutih wajah semulajadi (Nur Fatiehah Abdul Rashid, 2014). Justeru, dapat diteliti bahawa melalui petua yang diberikan oleh Puan Bailam binti  Haji Hassan ini adalah petua yang cuba mengubah cara hidup seseorang supaya menjadi lebih sihat dan cerdas. Mulai dari pembacaan doa ianya telah menyuntik semangat tenang dan cerdas bagi wanita hamil itu. Hal ini penting supaya wanita hamil itu sentiasa tenang dalam menghadapi apa jua situasi yang mendatang. Hal ini sekaligus mampu membentuk perwatakan anak yang dikandung itu juga. Bagi pengkaji, petua Puan Bailam binti Haji Hasan ini cuba mendidik jiwa dan zahir bagi seseorang wanita itu.

### 5.4.3 Petua dan Amalan Ketika Mengandung

Apabila hamil sudah tentu setiap pasangan mengharapkan bayi yang bakal lahir cukup sifat dan sihat dari segi fizikal dan mental. Bagi memastikan kesihatan bayi terjamin dan

University of Malaya

terpelihara, si-ibu perlu menjaga pola pemakanan mereka. Hal ini amat penting terutamanya pagi kehamilan pertama. Si ibu perlu mengambil zat dan nutrisi yang lengkap agar anak yang dikandung membesar dengan sempurna dan sihat. Hal ini kerana, menurut Pakar Dietetik Hospital Pusrawi Kuala Lumpur, Norhaslinda Jefrezen, ibu hamil harus memberikan tumpuan kepada fasa pertama atau trimester pertama kerana dalam waktu ini pembentukan sel dan perkembangan organ berlaku dengan sangat cepat (Siti Zarinah Sahib,2017). Jika si ibu tidak menjaga dengan baik maka bayi yang bakal dilahirkan itu akan mengalami masalah kurang berat badan. Bahkan si ibu juga berhadapan dengan risiko kematian bayi lima kali ganda berbanding ibu yang mendapatkan penjagaan semasa mengandung dan menjaga pemakanan mereka. Justeru, si-ibu perlu menjaga diet pemakanan bagi kesihatan mereka dan juga bayi yang dikandung.

Wanita Bajau mempunyai pelbagai petua bagi mendapatkan anak yang sihat. Menurut Puan Bailam Binti Haji Hassan ianya perlu bermula dengan si ibu terlebih dahulu. Si ibu disarankan mengambil udara bersih pada setiap pagi agar bayi dalam kandungan sihat dan perkembangan tumbesarannya dapat berlaku dengan sempurna.

Selain dari itu, ibu yang hamil selalu positif, ceria dan cergas. Ibu yang hamil perlu mengawal segala prasangka negatif dan ganjil kerana kedua-dua elemen rasa itu akan menggangu anak yang dikandung. Puan Bailan menyarankan agar si ibu boleh mengamalkan zikir dan selawat bagi mengatasi masalah ini. Bacaan surah Yusuf dan Maryam amat digalakkan supaya anak yang dikandung sihat dan mendapat perilaku yang baik. Selain dari itu, si ibu juga boleh menyibukkan diri dengan kerja yang mereka suka seperti memasak hidangan baru, menjahit, mengemas rumah, menulis dan sebagainya. Puan Bailam memberitahu pengkaji bahawa perasaan itu biasanya berlaku pada si ibu yang baru sahaja mengandung anak pertama. Kurangnya pengalaman dan ilmu

University of Malaya

membuatkan jiwa mereka kosong. Selain dari perasaan yang ganjil dan aneh berlaku, Puan Bailam berpesan supaya jangan terlalu gembira kerana jika leka maka ditakuti mudarat yang tidak diingini terpaksa dihadapi oleh mereka. Beliau berpesan supaya sentiasa berpada dengan apa yang mereka rasa. Justeru, adalah lebih baik mereka menjaga emosi, membaca dan bertanya pada orang yang berpengalaman.

Seterusnya adalah wanita yang hamil boleh mengambil telur ayam yang asli sebiji sehari supaya mereka dan bayi sihat. Selain dari itu juga, Puan Bailan memberitahu supaya mengelakkan segala makanan yang berbisa dan tajam seperti nenas, tapai, ikan pari dan juga ikan sembilang.

Dalam pada itu juga, beliau berpesan agar suami harus menjaga dan menghormati perasaan isteri yang sedang mengandung. Suami haruslah memberi galakan dan motivasi kepada isteri agar isteri berasa positif dalam tempoh hamil. Hal ini sekaligus memberi impak yang baik terhadap bayi dalam kandungan. Selain dari itu, pada tempoh tiga bulan pertama mereka juga dinasihatkan agar jangan terlalu kerap bersetubuh. Jikalau boleh berhentilah buat sementara waktu.

Setelah dari memberi petua yang berupa penjagaan tingkah laku dan motivasi, barulah Puan Bailam memberitahu amalan pemakanan yang mampu memberi kesan terhadap fizikal bayi. Pertama adalah petua mendapatkan anak berkulit putih. Selain dari faktor genetik faktor pemakanan juga turut membantu supaya bayi yang dikandung berkulit putih. Ibu yang hamil perlu memakan sayur-sayuran hijau dan segar terutamanya sayur bayam. Ibu juga turut digalakkan memakan telur ayam Kampung yang asli sekurang sebiji sehari. Petua ini hendaklah diamalkan secara konsisten sehinggalah anak dilahirkan. Insya Allah, petua ini akan dimakbulkan. Selanjutnya, jika hendak mendapatkan anak yang cergas dan cerdas ibu yang hamil perlu memakan ikan laut secara kerap. Puan Bailan juga melarang ibu yang hamil memakan ikan berbisa kerana dikhuatiri zat yang ada pada

University of Malaya

ikan itu akan merencatkan perkembangan kecergasan bayi. Dalam pada itu juga, beliau juga memberi petua jika ada pasangan yang inginkan anak lelaki, si ibu haruslah makan telur rebus secara kerap dalam tempoh kehamilan mereka. Selain dari itu, mengamalkan surah Yusuf secara kerap turut membantu untuk mendapatkan anak lelaki. Puan Bailam menyatakan bahawa Allah sentiasa memakbulkan doa kita jika kita yakin pada yang kita pohonkan. Akhir sekali ada petua yang pengkaji berasa cukup unik sekali. Petua itu adalah petua mendapat anak yang berambut kerinting. Puan Bailam menyarankan agar si ibu yang hamil memakan lima hingga sepuluh biji kerang rebus pada setiap hari dari awal mengandung sehinggalah cukup bulan. Dengan izin Allah petua ini biasanya akan menjadi.

Apabila diteliti petua-petua yang diberikan, pertama sekali pengkaji melihat betapa pentingnya emosi si-ibu dalam membentuk anak yang sihat. Si ibu hendaklah sentiasa positif, bersemangat, sihat, ceria dan sebagainya agar kandungannya juga turut menerima tempias akannya. Anak yang dikandung akan cergas, cerdas dan sempurna kejadiannya. Dalam pada itu juga, melalui perwatakan si ibu yang sentiasa positif sebegitu ianya secara tidak langsung akan membentuk watak dan perwatakan anak yang dikandung. Selanjutnya, untuk mendapat anak yang sihat, si suami juga turut memainkan peranan yang besar. Hal ini menjadikan hubungan kasih sayang di antara sesama pasangan akan terjalin erat.

Seterusnya, adalah apabila melihat pemakanan-pemakanan yang tertentu akan menghasilkan rupa paras dan jantina yang diingini oleh sesebuah pasangan. Ianya boleh dijadikan sebagai suatu percubaan dan sumber ikhtiar. Sebenarnya sudah ada jalan ikhtiar sebegini rupa sejak seratus yang lampau. Dalam Manuskrip *Mss 3007 Petua Melayu* telah ada ikhtiar jika sesebuah pasangan itu menginginkan anak perempuan hendaklah membaca beberapa petikan ayat Al-Quran sebelum bersetubuh dengan isteri (Nurul

Nashrah,2017). Begitu juga masyarakat moden kini yang mengutamakan konsep pemakanan untuk memilih jantina anak yang ingin dikandung. Jika pasangan tersebut mahu anak lelaki, sang ibu perlu melebihkan makanan laut dan jika anak perempuan si ibu perlu memakan makanan yang berasid tinggi seperti limau, jeruk dan sebagai (Wan Amalia Pama, 2017). Terkini, sudah ada teknik yang terbaharu dalam menentukan jantina anak yang ingin dikandung. Teknik tersebut adalah teknik semulajadi yang dilakukan berdasarkan pemantauan pada sperma dan ovum mengikut tarikh dan bulan (Utusan Malaysia,2008). Kaedah yang diperkenalkan oleh pakar dan ahli sains di Perancis ini di akui dan dicadangkan oleh Pakar Sakit Puan dan Kesuburan di Pusat Perubatan St. Vincent, New York, Dr. Niels Lauersen. Ia merupakan kaedah semula jadi tanpa perlu mengambil sebarang suntikan atau ubat-ubatan.

Oleh itu, ikhtiar wanita Bajau dalam usaha memilih jantina anak dengan amalan memakan telur rebus adalah salah satu kearifan tempatan bagi masyarakatnya. Telur adalah sumber protein, lemak dan mikronutrien yang memainkan peranan penting dalam pemakanan yang seimbang (Jose M. Miranda et.al,2015). Telur juga mempunyai peranan yang penting dalam menyuburkan sperma dan ovum setiap pasangan. Kandungan vitamin choline di dalamnya juga mampu mencegah jangkitan kepada bayi Telur juga kaya dengan sebatian lemak yang larut dan boleh menjadi makanan berkhasiat dalam diet untuk semua peringkat umur dan tahap kehidupan sesebuah masyarakat. Peranannya dalam diet pemakanan bagi warga tua, ibu hamil dan anak-anak tidak boleh dipertikaikan lagi (Jose M. Miranda et.al,2015). Oleh itu, dapat dilihat bahawa kearifan masyarakar Bajau dalam memilih jantina anak sewaktu dalam kandungan harus diangkat sebagai sebuah lagi nilai ilmu kepustakaan tradisional yang cukup unik dan tersendiri.

University of Malaya

### 5.4.4 Petua dan Amalan Selepas Bersalin

Akhir sekali adalah petua dan amalan selepas bersalin yang akan dilalui oleh wanita Bajau. Menurut Puan Bailam, petua dan amalan selepas bersalin juga memerlukan wanita mengawal emosi mereka. Hal ini kerana selepas melahirkan, segala tenaga telah diguna pakai semaksima yang mungkin sehingga si ibu menjadi terlalu letih. Oleh itu, beliau juga memberitahu si ibu perlu konsisten dalam menjalani tempoh berpantang dengan tekun dan disiplin demi mengembalikan tenaga mereka.

Pertama, Puan Bailam memberitahu wanita selepas bersalin hendaklah belajar mengaktifkan diri mereka secara perlahan-lahan. Ianya penting untuk kelancaran pengaliran darah. Beliau memberitahu bahawa jika wanita yang baru bersalin tidak bergerak maka boleh mendatangkan mudarat yang lain. Darah akan terkumpul yang membuatkan betis berasa sakit dan bengkak dan kadang-kala boleh mendatangkan demam. Namun, jika perkara ini tidak dihiraukan, pengumpulan darah boleh berlaku sehingga paru-paru. Hal ini akan mengakibatkan ianya pecah dan boleh mengakibatkan komplikasi jantung. Tanda-tanda pada masalah ini adalah si -ibu akan mengalami masalah semput dan lelah. Hal ini akan mendatangkan bahaya kepada si -ibu. Oleh itu, wanita harus berani bergerak dan buangkan rasa takut untuk manfaat diri sendiri.

Selain dari memulakan langkah demi langkah untuk bergerak, wanita yang baru bersalin juga perlu memperbaiki perjalanan darah dalam badan mereka dengan meminum air lidah buaya. Puan Bailam memberitahu daun lidah buaya yang sudah tua hendaklah dicuci bersih. Setelah itu, daun lidah buaya itu hendaklah dipotong kecil-kecil dan direbus dengan tiga gelas air. Apabila sudah menggelegak tutup api dan tapia air tersebut. Wanita yang baru bersalin itu hendaklah meminumnya sewaktu suam. Amalkan meminum air rebusan daun lidah buaya ini pada waktu pagi dan petang sehinggalah kesihatan mereka



University of Malaya

pulih. Wanita Bajau yang baru lepas bersalin akan menjalani proses urutan bagi melancarkan perjalanan darah dan urat saraf. Proses bertungku pula akan dibuat bagi tujuan memecahkan lemak dan darah yang membeku dalam perut. Cara bertungku yang dibuat oleh wanita Bajau adalah sama dengan masyarakat Melayu yang lainnya. Mereka akan menggunakan batu sungai yang sudah diperhangatkan di atas. Selepas itu daun pisang dan kain tebal akan membaluti batu sungai yang diperhangatkan itu dan ditungku kepada bahagian badan si-ibu yang menjalani tempoh pantang itu.

Selanjutnya, jika kekurangan darah, Puan Bailam menyatakan bahawa lempoyang adalah herba yang terbaik bagi merawat masalah tersebut. Tiga batang lempoyang diperlukan dalam rawatan ini. Kemudian kerat lempoyang itu kecil-kecil. Cuci dan rebus dengan air rebusan tiga gelas yang sudah dicampur dengan gula merah sebanyak dua sudu. Biarkan mendidih sehingga air tersebut menjadi satu gelas. Wanita yang baru bersalin hendaklah mengamalkannya sebanyak dua kali seminggu. Wanita itu akan berasa segar dan bertambah cergas dan sihat.

Seterusnya adalah pengamalan kunyit sebagai salah satu herba yang penting dalam rawatan bersalin masyarakat Bajau. Bagi ibu yang baru melahirkan perlu merendam alat sulit di dalam air garam yang diletakkan dalam sebuah talam yang dicampurkan dengan kunyit dan herba-herba yang lain untuk tujuan perawatan dalaman seseorang wanita yang baru lepas bersalin. Selain dari itu, kunyit juga digunakan untuk membuat pilis. Seperti mana yang sedia maklum pilis adalah rawatan untuk menghindarkan sakit kepala dan mengelakkan rabun mata selepas melahirkan anak. Ramuan pilis adalah campuran kunyit, tepung beras, buah kapulaga, sintok, kulit kayu manis, halba, kapur sirih dan air limau nipis. Wanita yang sedang dalam tempoh berpantang meletakkan pilis di dahi mereka sehingga habis pantang. Selain daripada itu, kunyit juga berfungsi untuk mengecutkan dan memulihkan kembali rahim wanita yang baru bersalin. Dalam pada itu juga, air kunyit

University of Malaya

juga mampu mengembalikan seri wajah wanita yang bersalin itu. Caranya adalah dengan membakar tiga ketul ibu kunyit yang sudah dibersihkan sehingga layu. Setelah itu, rebus dan biarkan air rebusan itu tinggal suku cawan. Tumbuk ibu kunyit sehingga halus dan minum bersama air rebusan tersebut. Puan Bailam berpesan supaya mengamalkan air rebusan kunyit itu hanya sekali sahaja selepas bersalin. Hal ini ditakuti apabila meminumnya banyak kali akan mengeringkan rahim itu nanti.

Akhir sekali, barulah Puan Bailam memberitahu makanan yang dilarang pengambilannya oleh wanita yang baru lepas bersalin. Menurut beliau, sememangnya pantang-larang ini perlu diikuti tidak kiralah sejauh mana modennya pemikiran masyarakat kini. Tambah beliau lagi, tubuh dan kudrat ini perlu dijaga rapi dengan tujuan beribadat kepada Tuhan. Justeru, apabila sudah melahirkan anak wanita perlu menjaga pemakanan mereka. Pertamanya, Puan Bailam melarang memakan ikan yang mempunyai bisa yang boleh membuatkan si ibu bentan dan turun darah. Ikan seperti ikan keli, ikan bawal hitam, ikan terubuk dan ikan duri, ikan sembilang, ikan parang adalah antara jenis ikan yang harus dielakkan oleh wanita yang sedang berpantang. Wanita yang sedang berpantang digalakkan memakan ikan haruan, ikan yu, ikan gelama, bawal putih, ikan bilis dan senangin. Beliau juga memberitahu ikan haruan dapat menyembuhkan kesan luka selepas bersalin. Ikan bilis pula amat tinggi zat kalsiumnya. Ikan senangin pula amat bermanfaat untuk pencermaan dan juga dapat membantu urat saraf bagi wanita yang bersalin.

Seterusnya, Puan Bailam memberitahu juga banyak sayur-sayuran dan buah-buahan harus dielakkan oleh wanita yang berpantang. Antaranya adalah sayur-sayuran yang tumbuhnya menjalar dan sejuk kerana akan mengakibatkan wanita berpantang akan kembung perut dan lenguh-lenguh di badan. Sayur seperti ubi kayu, kangkung, terung, timun, pucuk ubi dan sebagainya sangat memudaratkan jika diambil sewaktu pantang.

University of Malaya

Wanita berpantang digalakkan mengambil lobak putih dan peria yang sangat membantu membanyakkan susu badan. Pengambil peria sewaktu berpantang dapat memudahkan membuang air besar, membantu membersihkan dan melancarkan peredaran darah dalam tubuh.

Bagi buah-buahan pula wanita berpantang dilarang mengambil buah nenas, limau, tembikai dan juga pisang. Buah-buahan ini dilarang kerana akan mengakibatkan sakit tulang dan otot menjadi sejuk yang akan mengakibatkan sendi menjadi lemah.

Selain daripada itu, Puan Bailam juga menyarankan agar wanita yang sedang berpantang harus mengelakkan makanan yang berproses. Makanan seperti tempe, tauhu, bihun, kuetiau, daging burger dan sebagainya tidak elok bagi mereka. Beliau menggalakkan penggunaan bahan-bahan alami untuk memanaskan badan seperti lada hitam, halia,lengkuas,serai dan sebagainya akan menjadikan badan menjadi segar dan kembali aktif. Oleh itu, dapat difahami bahawa penggunaan bahan segar dan mengelakkan makanan sejuk mampu merawat kembali tubuh badan wanita yang berpantang untuk sihat dan cergas seperti sedia kala. Bagi wanita juga turut melalui fasa pantang larangnya tersendiri. Skop pantang lebih kepada kesihatan diri dan juga penjagaan hubungan dengan kelompok komuniti. Pertamanya adalah bagi wanita yang hamil. Puan Bailam memberitahu pengkaji bahawa masyarakat Bajau melarang untuk ibu yang hamil berjalan di bawah ampaian kerana dikhuatiri mendapat anak yang gagap. Apabila diteliti secara mata kasar sudah tentunya ungkapan ini adalah ungkapan lapuk oleh orang tua-tua bagi menakut-nakutkan wanita hamil. Bagi mereka ianya merupakan satu perkara yang sangat negatif yang tiada langsung berkait dengan anak yang dikandungi. Namun, apabila diteliti dengan cermat, kebiasaan penyidai di rumah adalah lebih rendah dari ketinggian manusia. Hal ini akan memaksa wanita untuk tunduk untuk melaluinya. Jika tiba-tiba wanita hamil tidak dapat mengawal langkah, dikhuatiri wanita



University of Malaya

hamil akan tersadung dan jatuh. Sudah tentunya ini akan akan membahayakan kandungan. Dalam pada itu juga, gerakan membongkok, tunduk dan kemudian wanita yang hamil itu terus bangun, sekali lagi dibimbangi saraf urat dari leher akan mengalami kejutan yang mengakibatkan kompiklasi yang tidak diingini. Justeru, dapat dilihat bahawa pantang-larang ini adalah bertujuan bagi memelihara kesihatan dan kesejahteraan wanita itu sendiri.

Seterusnya adalah, Puan Bailam melarang wanita Bajau yang hamil menjahit waktu senja. Jika menjahit juga matanya akan menjadi buta. Hal ini kerana mata adalah merupakan satu organ yang kompleks dengan beberapa bahagian yang penting. Bagi membolehkan mata berfungsi dengan baik untuk menghasilkan penglihatan yang normal, setiap bahagian mata perlulah normal dan sihat (Rozniza Abu Razak, 2013). Oleh itu, setiap manusia menjaga kesihatan mata mereka bagi mempermudahkan harian mereka. Had penglihatan bagi mata adalah mempunyai kadar yang tertentu. Sudah tentunya ia berkait dengan pencahayaan. Pada malam hari sudah tentunya keupayaan bagi mata adalah kurang. Hal ini kerana mata manusia kekurangan *tapetum lucidum*. Sel-sel tapetum lucidum dapat merefleksikan cahaya kembali ke retina. Hal ini biasanya berlaku dalam kalangan haiwan seperti kucing(Eldredge *et al.* 2008). Kucing adalah haiwan yang mempunyai deria mata yang tajam pada waktu malam. Justeru, apabila seseorang wanita memaksa mata mereka bekerja dengan lebih kuat pada waktu malam makan akan hadir satu penyakit yang dikenali sebagai rabun malam. Oleh itu, wanita Bajau telah mencipta ungkapan ini bagi tujuan pemeliharaan anggota mata dalam masyarakatnya terutama wanita Bajau itu sendiri.

Justeru, dapat disimpulkan di sini bahawa seluruh pantang-larang dan gaya atur hidup sewaktu tempoh kehamilan dan selepas kehamilan dalam masyarakat Bajau ternyata amat baik untuk mereka. Ianya bermula dari menyesuaikan diri keadaan yang hamil dan

University of Malaya

berusaha untuk mencapai kondisi bayi yang sihat telah menjadikan ia adalah suatu gaya hidup yang boleh diteruskan sampai bila-bila. Setelah melahirkan anak, masyarakat Bajau juga turut menitik beratkan keadaaan diri wanita supaya mereka sentiasa dipelihara dari sakit dan perkara yang boleh membahayakan diri mereka sendiri. Pada waktu ini, wanita yang berpantang akan dikawal rapi dengan segala macam pantang-larang agar wanita Bajau kembali sihat seperti sedia kala. Oleh itu, melalui adat resam dan pantang larang yang telah diwujudkan dalam kerangka pemikiran masyarakat Bajau ini telah membuktikan bahawa betapa berharganya wanita buat mereka. Ini kerana wanita adalah penerusan tradisi dan budaya mereka melalui melahirkan anak atau zuriat dan ini adalah sesuai dengan gagasan Malinowski(Langness,L.L, 1987)

## 5.5 Amalan Pantang -larang (Berkaitan Adab)

Amalan pantang larang dalam masyarakat Bajau merupakan kepercayaan tradisi masyarakat tersebut sejak zaman dahulu kala lagi. Pantang larang merupakan satu amalan budaya dalam sesebuah masyarakat. Pantang larang diturunkan hasil pemerhatian orang-orang tua dahulu kepada generasi kini untuk tujuan mendidik dan pedoman.Ia disampaikan secara lisan dan diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi khususnya untuk golongan muda agar membawa kepada penerapan nilai-nilai baik yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.(Shariffah Suraya Syed Jamalludin, 2010:14). Pantang larang adalah larangan atau tegahan terhadap sesuatu perbuatan atau percakapan dengan tujuan untuk mengelak diri daripada berlaku sesuatu yang buruk atau kejadian yang tidak diingini. Pantang larang ini masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu kini walaupun semakin terhakis ditelan zaman. Orang tua-tua dahulu selalu mengingatkan anak cucunya supaya tidak melanggar pantang larang. Melanggar pantang

University of Malaya

larang dianggap tidak mendengar nasihat orang tua-tua (Ani Omar,2014). Teromba berikut mengungkapkan pantang larang:

Orang tua berkata
Jangan dilangkahi jangan
Usah dilakukan larangan
Ini kata orang tua
Tak patah tiek
Tak pekung jingkek
Kok tak berpadah
Manalah semuanya itu ditegah
Jangan oh jangan

(Mohd Rosli Saludin, 2005)

Justeru, pantang-larang merupakan satu rencam budaya dalam masyarakat Melayu yang mempunyai prinsip dan tujuan bagi melahirkan generasi yang ampuh pada nilai yang baik dan sejahtera persekitaran hidupnya.

### 5.5.1 Pantang Larang Anak Dara Dalam Masyarakat Bajau

Wanita dalam alam Melayu khususnya bagi masyarakat Bajau mempunyai terlalu banyak pantang larang yang perlu dipatuhi. Hal ini kerana kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu dan Bajau amatlah tinggi. Hal ini berpadanan dengan agama Islam yang cukup menghargai nilai wanita di dunia dan juga akhirat. Sebagai contoh, terdapat banyak ayat Al-Quran dan juga nas hadis yang menceritakan berkenaan keistimewaan wanita, penjagaan diri buat wanita, hak-hak bagi wanita dan sebagai. Misalnya, dalam surah al-Baqarah ayat 187 yang membawa maksud :

Mereka (istri-istri) adalah pakaian bagimu, dan kamu
pun (para suami) adalah pakaian bagi mereka.

(Surah Al-Baqarah :187)

University of Malaya

Oleh itu, melalui kehormatan yang telah diberikan oleh Islam, maka masyarakat Bajau telah memelihara kehormatan bagi wanita bersesuaian dengan konteks budayanya yang tersendiri.

Pertamanya adalah Puan Bailam menyatakan bahawa adalah pantang bagi beliau mendengar anak daranya menyanyi di dalam dapur. Beliau percaya perbuatan yang seperti ini bukanlah amalan yang baik. Beliau mengakui larangan tersebut merupakan warisan turun temurun daripada orang-orang tua terdahulu yang percaya jika perkara itu dilakukan maka anak dara tersebut akan mendapat suami yang tua. Secara umum, petua berbentuk larangan atau tegahan ini sehingga kini masih meniti di bibir ibu-ibu bagi menasihati anak gadis mereka. Bagaimanapun jika dahulu ungkapan ini akan menjadi satu igauan ngeri bagi wanita, namun kini ianya sudah bertukar menjadi bahan gurauan bagi anak dara untuk mengahwini lelaki tua. Hal ini kerana, lelaki yang lebih tua matang dan stabil kedududkan kewangan mereka. Namun, apabila diteliti secara halus mendalam, ungkapan itu mempunyai makna siratan yang tersendiri. Wanita adalah merupakan makhluk yang sangat istimewa dalam Islam. Justeru, segala hal yang ada pada wanita adalah aurat yang memerlukan hijab dana dab untuk melindunginya. Maka keluarlah pantang larang yang melarang anak dara menyanyi di dapur.

Selain dari itu, apabila membuat dua kerja dalam satu masa maka sudah tentu ianya akan kekurangan fokus dalam membuatnya. Fokus memerlukan penelitian yang cukup bersungguh bagi menghasilkan sesuatu perkara dengan baik. . Dalam manuskrip *Petua Memasak* juga ada menyebut larangan untuk melakukan perkara lain sewaktu memasak (Marwan Mohd Tanos dan Zahir Ahmad , 2017). Justeru, apabila anak gadis leka menyanyi maka sudah tentunya masakan yang sedang dimasak akan mengalami masalah seperti hangus, kurang masin, terlebih gula dan sebagainya. Oleh itu, ungkapan ini

merupakan sebagai satu tanda motivasi bagi kaum wanita supaya dapat melakukan sesuatu perkara dengan fokus, tekun dan teliti.

Seterusnya adalah pantang larang diberitahu oleh Puan Bailam ialah “jangan makan beralih tempat nanti kahwin banyak”. Ungkapan ini sering dituturkan pada kanak-kanak baik lelaki mahu pun perempuan. Pada waktu dahulu apabila menyebut diksi ‘ kahwin banyak ‘ itu satu perkataan yang mengerikan bagi kanak-kanak. Apabila diteliti secara mendalam hal ini adalah berkenaan dengan disiplin dan tingkah laku. Kanak-kanak yang baru belajar untuk makan sendiri akan makan dalam keadaan yang bersepah. Sudah tentu akan berlaku tumpahan air sedikit apabila diteguk, lebihan nasi yang terkeluar dari pinggan dan sebagainya. Hal ini adalah satu bentuk proses bagi kanak-kanak untuk menjadi dewasa. Ibu dan bapa hanya memerhati supaya proses itu dapat berjalan dengan lancar dan teratur. Oleh itu, apabila kanak-kanak yang ingin beralih tempat makan sudah tentunya kawasan yang akan bersepah akan menjadi luas. Masyarakat dahulu makan bersimpuh di bawah tanpa meja sudah tentu persekitarannya luas yang akan menjadikan tempat bersepah akan menjadi besar. Bagi mengatasi masalah ini orang tua tahu akan perkara kahwin adalah perihal yang ditakuti oleh anak kecil dan telah menggunakan ungkapan tersebut. Selain dari itu, ungkapan itu juga adalah satu ungkapan bagi membentuk perilaku dan adab generasi muda. Masyarakat Bajau amat tinggi adat susilanya. Perilaku yang sopan dan molek akan menjadi bual-bicara bagi masyarakatnya. Justeru, hal ini menjadikan satu aras bagi ibu bapa membentuk anak-anak kecil mereka supaya lebih berhemah, santun dan berbudi pekerti mulia.

Akhir sekali adalah anak dara masyarakat Bajau dilarang duduk di tepi pintu dibimbangi tiada orang akan masuk meminang. Sekali lagi, kaum Bajau cuba menjaga imej anak dara mereka. Bagi masyarakat Bajau, Puan Bailam menyatakan bahawa gadis yang selalu duduk di tepi pintu rumah adalah gadis yang pemalas. Dalam kerangka fikiran



University of Malaya

mereka anak gadis haruslah duduk dalam rumah belajar menjahit, memasak, mengemas rumah atau segala hal yang berkaitan dengan rumah tangga. Jika anak gadis duduk di tangga dan termenung panjang sudah tentunya dia merupakan seorang yang wanita yang tiada usaha untuk melengkapkan diri bagi menjadi wanita yang lengkap dan sempurna dalam kelompok masyarakat mereka. Natijahnya, maka sudah tentu gadis itu akan sukar mendapat suami dek kerana sikapnya itu.  Dalam masyarakat Bajau, berkahwin lambat akan membuatkan masyarakat memandang serong dan rendah terhadap seseorang anak gadis tersebut. Hal ini amat membimbangkan ibu bapa kerana takut anak gadisnya diberikan gelaran yang kurang menyenangkan seperti "andartu" atau "anak dara tua" (Indah, 2016). Justeru, bagi masyarakat Bajau  pantang-larang ini supaya dapat memelihara anak gadis mereka dari fitnah dan juga membentuk perilaku yang lebih baik.

### 5.5.2 Pantang Larang Wanita Dalam Masyarakat Bajau

Wanita juga turut melalui fasa pantang larangnya tersendiri, yang meliputi pantang terhadap kesihatan diri dan juga penjagaan hubungan dengan kelompok komuniti. Pertamanya adalah bagi wanita yang hamil. Puan Bailam memberitahu pengkaji bahawa masyarakat Bajau melarang untuk ibu yang hamil berjalan  di bawah ampaian kerana dikuatiri mendapat anak yang gagap. Apabila diteliti secara mata kasar sudah tentunya ungkapan ini adalah ungkapan lapuk oleh orang tua-tua bagi menakut-nakutkan wanita hamil. Bagi mereka ianya merupakan satu perkara yang sangat negatif yang tiada langsung berkait dengan anak yang dikandung. Namun, apabila diteliti dengan cermat, kebiasaan penyidai di rumah adalah lebih rendah dari ketinggian manusia. Hal ini akan memaksa wanita membongkokkan badan untuk melaluinya. Jika tidak dapat mengawal langkah,wanita hamil akan tersadung kaki dan jatuh.Ini akan membahayakan keselamatan wanita tersebut. Justeru, dapat dilihat bahawa pantang-larang ini adalah bertujuan bagi memelihara kesihatan dan kesejahteraan wanita itu sendiri.

University of Malaya

Akhir sekali adalah larangan tidur waktu rembang dan senja kerana dikhuatiri wanita boleh mendapat penyakit murung. Terdapat kajian yang mendapati bahawa tidur petang akan meningkatkan perubahan negatif pada hormon. Berdasarkan penelitian dari Huazhong University of Science and Technology di China bahawa seseorang itu tidak boleh tidur 30 minit pada siang hari. Kajian menunjukkan 24% dari orang yang sering tidur siang hari memiliki kadar kolesterol dalam tubuh yang lebih tinggi dibandingkan dengan 19% dari mereka yang tidak pernah tidur di waktu tersebut. Hasil penelitian tersebut juga mendapati bahawa tidur pada waktu petang dapat memburukkan kadar ingatan seseorang itu. Jika tidak ditangani segera, ia mungkin lebih membahayakan hingga mengundang risiko nyanyuk (Utusan Malaysia, 2014). Pantang-larang yang dicipta oleh masyarakat Bajau ini adalah sebenarnya berkait rapat cara hidup Nabi Muhammad s.a.w yang tidak tidur selepas Asar. Terdapat sebahagian daripada ulama yang menyatakan hukumnya makruh. Hal ini kerana ianya akan mendatangkan penyakit. Ibn Qayyim dalam kitab Zaad al-Ma'ad pernah menyatakan bahawa apabila banyak tidur pada siang hari maka, ia akan akan mewarisi penyakit kebengkakkan (muka kelihatan sembab dan tidak bercahaya) malapetaka, merosakkan warna kulit, menimbulkan penyakit radang limpa, melemahkan urat saraf dan melemahkan syahwat. Bagi pengkaji hal ini boleh berlaku kerana pancaran warna antara waktu senja dan pagi yang hampir sama. Hal ini membuatkan otak akan berfikir secara separuh sedar sama ada waktu pagi atau malam. Hal ini sebenarnya akan menggangu kestabilan hormon seseorang itu.

Justeru, dapat dilihat bahawa pantang larang supaya jangan tidur pada waktu senja bukanlah semata-mata rekaan untuk tujuan kepentingan diri sendiri. Ianya adalah bersandarkan pengalaman, ilmu dan juga kajian yang sudah dibuat oleh orang-orang tua dahulu. Oleh itu dapat dilihat bahawa ianya merupakan satu kearifan tempatan yang harus dikedepankan bagi tujuan melahirkan komuniti yang sihat lagi sejahtera.

University of Malaya

Justeru, pantang-larang bagi masyarakat Bajau ini memperlihatkan betapa seriusnya masyarakat ini memelihara tahap kesihatan bagi wanita mereka. Melalui wanita yang sihat maka akan lahirlah generasi yang sihat, bijak, berbudi, dan juga teracu dalam acuan budayanya tersendiri.

### 5.5.3 Pantang Larang Wanita Bajau Dalam Kematian

Dalam kematian juga, masyarakat Bajau mempunyai pantang-larangnya yang tersendiri. Pertamanya adalah bagi sang isteri. Si isteri tidak boleh menyikat rambut atau menyisir rambutnya selama tujuh hari. Dalam pada itu juga, si isteri juga tidak boleh menyapu rumah dalam tempoh tujuh hari.

Selain dari itu, tempat tidur (*bangkaian*) arwah hendaklah dipelihara selama tujuh hari. Tempat tidur itu perlulah sentiasa kemas dan bersih. Menurut informan Puan Bailan Haji Hassan, hal ini kerana roh allahyarham sedang melihat kawasan rumahnya. Selanjutnya, komuniti kampung juga tidak boleh langsung bersuka ria. Mereka perlu menghormari perasaan sedih dan pilu keluarga si mati. Apabila jenazah diangkat untuk dikebumi dan ditalqinkan ahli keluarga dikehendaki lalu di bawah jenazah yang diangkat bertujuan agar keluarga yang tinggal tidak merindui arwah. Selain itu, kucing dipastikan tidak melangkah mayat kerana dikhuatiri mayat akan bangun. Menangisi jenazah juga dilarang kerana dipercayai boleh menyebabkan roh arwah menderita dan sedih (Radik Taim,2013). Setelah itu, keluarga akan mengadakan kenduri yang dikenali sebagai *bangi* tiga, tujuh, empat puluh, seratus dan pertemuan genap satu tahun. *Bangi* bererti "kenduri hari" atau dalam masyarakat ini dikenali sebagai makan tiga, makan tujuh dan seterusnya. Sewaktu itu, seluruh ahli masyarakat akan berkunjung ke rumah arwah. Adat itu dikenali sebagai *nibau.* Sewaktu itu, seluruh ahli keluarga dan masyarakat akan berkumpul bagi

menzahirkan rasa takziah dan dalam pada masa yang sama membantu memulihkan emosi keluarga si mati terutama si isteri.

## 5.6 Rumusan

Justeru, dapat dilihat bahawa masyarakat Bajau mempunyai kepelbagaian pantang-larang, adat dan sebagainya yang telah banyak diasimilasikan oleh Islam. Kehadiran Islam telah memurnikan lagi segala adat istiadat dan juga pantang-larang yang sememangnya telah menjadi nadi kehidupan mereka. Melalui adat dan juga pantang-larang inilah yang menjadikan masyarakat Bajau unik dan tersendiri. Ianya perlu dilestarikan agar budaya yang telah dibentuk dengan molek boleh diteruskan oleh generasi yang mendatang. Pantang larang yang berkait dengan amalan pemakanan adalah untuk memastikan wanita Bajau menjadi sihat dan mampu menguruskan rumah tangga dan juga aktiviti masyarakat dengan baik. Hal ini kerana wanita merupakan anggota masyarakat yang penting dalam membentuk sesuatu generasi yang mempunyai akhlak serta budaya yang baik. Mereka berfungsi mengandung dan melahirkan zuriat, memberi didikan awal dengan harapan mereka akan menjadi anggota masyarakat yang berbudaya dan berguna kepada kelompok masyarakat mereka sendiri. Amalan-amalan yang berupa saranan dan tegahan seperti amalan pemakanan dan larangan membuat perkara-perkara yang di luar adab keagamaan adalah sesuatu yang penting untuk diteruskan demi memelihara budaya baik dan unik orang-orang Bajau. Jelas sekali amalan yang bertumpu kepada aspek pemakanan, penjagaan kesihatan serta pantang larang tertentu adalah menjuruskan kepada mewujudkan seseorang anggota masyarakat itu sihat. Wanita sebagai salah satu anggota masyarakat dalam kajian ini terlihat amat penting menjaga kesihatan luaran dan dalaman supaya mereka sentiasa berfungsi dalam tahap yang sebenar dalam menguruskan kehidupan. Dalam bab sebelum ini telah dibincangkan betapa pentingnya amalan membaca mantera-mantera tertentu untuk penjagaan keselamatan dan

University of Malaya

kecantikan dalam kalangan wanita Bajau. Mantera-mantera itu menjadikan mereka yakin tatkala berhadapan dengan anggota masyarakat yang lain. Hal ini jika dikaitkan dengan teori fungsional aliran Malinowski ianya lebih menjurus kepada keselamatan atau *safety*. Dan dalam bab ini (bab 5) amalan dan pantang larang yang dilakukan oleh wanita Bajau adalah untuk menjamin diri mereka sihat dan mampu melahirkan zuriat yang dapat meneruskan tradisi kehidupan masyarakat Bajau. Dan ini memenuhi salah satu daripada 7 keperluan manusia dalam kehidupan mereka, iaitu “reproduction”.

University of Malaya

# BAB 6: KESIMPULAN

Melalui pengkajian ini, dapat dilihat bahawa masyarakat Bajau mempunyai beribu rencam adat dan kebudayaan. Ternyata mantera yang telah dikaji dan diteliti bukanlah dibuat secara sewenang-wenangnya. Setiap ayat dan perkataan yang telah disusun mempunyai makna yang khusus berserta harapan yang maha tinggi kepada Allah Yang Maha Esa. Selain dari itu melalui penyebutan nama nabi Muhammad s.a.w pada setiap ruang akhir mantera ternyata masyarakat ini telah arif dengan adab-adab atau ketertiban dalam mengamalkannya. Oleh itu, jika ada generasi muda yang ingin mengamalkan ianya sangatlah digalakkan. Selain daripada dapat melestarikan adat, pada masa yang sama ia juga dapat mendidik hati nurani generasi muda agar sentiasa berpaut harapan kepada Tuhan Yang Maha Esa. Walaupun terdapat mantera yang agak menyalahi syariat namun bagi pengkaji jika ia ingin diamalkan maka perkataan itu harus dibuang dan digantikan dengan perkataan yang lebih baik. Namun, hal ini perlu diberi kupasan yang lebih lanjut lagi dan penelitian yang lebih teliti melalui pendapat dan pandangan dari agamawan agar ia tidak menyalahi dengan syariat Islam yang benar-benar syumul itu.

Susunan bahasa yang telah dicipta indah dalam sesuatu mantera itu harus dipuji. Penyandaran harapan terhadap Tuhan dan pengambilan berkat daripada Nabi Muhammad s.a.w telah menjadikan ia seolah-olah 'selawat' yang telah dicipta oleh masyarakat Bajau itu sendiri. Hal ini telah memperlihatkan manifestasi rasa cinta pada agama telah diasimilasikan dengan cukup hemat dan pintar dalam budaya Bajau itu sendiri. Rasa syukur dan pengharapan yang tinggi terhadap Allah telah menjadikan mantera-mantera kecantikan amat berbeza dengan mantera-mantera suku kaum yang lain. Justeru, adalah wajar mantera kecantikan yang telah dikaji oleh pengkaji ini dibawa kepada satu penelitian bersifat ilmiah yang lebih istimewa dan menyeluruh agar ia bukanlah satu amalan lapuk yang sering dianggap oleh masyarakat kini.

University of Malaya

Walau bagaimanapun terdapat mantera yang bertentangan dengan agama Islam yang dikenali sebagai. *Pugai* adalah sejenis mantera yang tidak baik digunakan untuk tujuan memikat wanita cantik dan lelaki yang ingin dimiliki oleh seseorang secara paksa. Seseorang wanita Bajau yang cantik akan terancam dengan *Pugai.* Jika sekiranya wanita ini sukar untuk membalas cinta si lelaki,maka lelaki tersebut akan berjumpa dengan orang yang pandai mengamalkan ilmu *Pugai* ini,dan ada kalanya jika pengamal *Pugai* itu seorang yang amat berkebolehan,wanita tersebut akan terkena pugai tersebut dan akan keluar daripada rumah untuk mencari lelaki yang *memugainya* itu. Amalan ini juga adalah bertentangan dengan agama Islam tetapi bagaimanapun masih terdapat amalan *pugai* ini sehingga kini walaupun kesnya semakin berkurangan.

Kadang kala *Pugai* ini dikenakan ke atas seseorang kerana ada pihak yang berasa cemburu dan iri hati melihat kebahagiaan rumah tangga seseorang. Apabila terkena *Pugai* suami atau isteri akan berpisah. *Pugai* ini biasanya diperolehi daripada orang-orang tua yang mempunyai ilmu batin yang tinggi atau dalam kalangan bomoh yang terkenal.

Daripada kajian yang telah dilakukan mantera-mantera yang dikumpulkan dapat diperlihatkan dalam jadual di bawah;

| Bil | Jenis Mantera | Jumlah |
|---|---|---|
| 1. | Mantera Penguat Badan dan Kebal | 21 |
| 2. | Mantera Pendinding | 41 |
| 3. | Mantera Penggerun Dan Penunduk | 23 |
| 4. | Mantera Pemanis | 59 |
| 5. | Mantera Pengasih | 11 |
| **Jumlah** | | **155** |

**Jadual 6.1: Mantera dan Penggolongannya.**

University of Malaya

Berdasarkan jadual 6.1,terdapat sejumlah 155 mantera yang telah diperolehi daripada informan. Mantera yang dikaji adalah tergolong dalam mantera pakaian diri sebagaimana yang dikategorikan oleh Haron Daud. Terdapat 21 mantera Penguat badan dan kebal. Mantera ini bukan sahaja boleh digunakan untuk wanita Bajau malahan kaum lelaki juga boleh mengamalkannya.Mantera Penguat Badan ini adalah pelengkap bagi mantera Pemanis. Jika wanita itu dipandang manis sahaja tetapi tidak ada mantera sebagai penguat badan dan kebal maka pakej kecantikan itu dianggap tidak sempurna. Cantik bagi masyarakat Bajau meliputi dalaman dan luaran seseorang itu,maknanya ia dapat melindungi diri daripada sebarang bentuk ancaman.

Terdapat sejumlah 41 mantera pendinding yang berjaya diperolehi daripada kajian yang dilakukan. Mantera pendinding ini juga melindungi diri daripada sebarang ancaman luar dan dalaman. Kebiasaannya apabila seseorang wanita Bajau itu kelihatan cantik maka ramai yang cuba untuk memikatnya dengan menggunakan berbagai cara sama ada baik atau buruk. Maka mantera pendinding ini digunakan untuk menangkis berbagai kemungkinan yang akan berlaku. Di samping itu, wanita Bajau juga memohon perlindungan daripada Allah dan berdoa serta bertawakal agar dilindungi daripada perkara-perkara yang tidak diingini.

Hasil daripada kajian,terdapat sejumlah 23 mantera Penggerun dan Penunduk yang dikumpulkan. Mantera ini bertujuan untuk menunduk dan menggerunkan pihak lawan. Kadang kala wanita yang kelihatan cantik ini juga akan mendapat ramai musuh akibat daripada perasaan iri hati dalam kalangan masyarakat setempat. Oleh itu, mantera ini diamalkan sebagai melindungi diri agar apabila orang sekeliling memandang akan berasa kasihan dan lembut hati daripada melakukan perkara yang di sebaliknya dan mudah diterima dalam kelompok masyarakat tersebut.

University of Malaya

Daripada kajian yang dilakukan,sebanyak 59 mantera Pemanis berjaya dikumpul daripada informan di pelbagai lokasi kawasan kajian. Pemanis ini biasanya dipakai oleh wanita Bajau untuk menyerlahkan kecantikan dan keterampilan diri mereka agar mudah diterima dalam masyarakat tersebut. Hasil pemerhatian pengkaji di lapangan,kadang kala ada wanita Bajau yang apabila dilihat dengan mata kasar tidaklah begitu terserlah kecantikannya tetapi apabila memandangnya terasa tidak jemu dan manis sekali. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan pengamalan mantera pemanis di samping itu ia juga rajin mengerjakan solat lima waktu.

Sejumlah 11 mantera Pengasih berjaya diperolehi daripada informan. Tujuan mantera pengasih ini diamalkan juga agar mudah diterima dalam kelompok masyarakat Bajau. Wanita yang mengamalkan mantera pengasih ini akan sentiasa disayangi oleh keluarga dan kelompok masyarakat itu sendiri. Malahan kehadiran pengamal ini sentiasa dinantikan dalam kelompok keluarga dan masyarakat. Jelas sekali mantera pemanis dan pengasih ini (kesemuanya berjumlah 70) merupakan amalan wanita Bajau untuk memastikan kelangsungan hidup mereka. Jumlah ini merupakan satu jumlah yang agak besar, iaitu 41.1% iaitu hampir separuh daripada jumlah besar 155 mantera. Manakala, baki mantera yang lain itu (penggerun, penunduk dan pendinding) adalah mantera yang digolongkan sebagai mantera untuk perlindungan diri. Ini amat bersesuaian dengan 7 keperluan asas seperti mana yang digagaskan oleh Malinowski dalam rajah 6.1 di bawah.

University of Malaya

## SYNOPTIC SURVEY OF BIOLOGICAL AND DERIVED NEEDS AND THEIR SATISFACTION IN CULTURE

| A<br>Basic Needs (Individual) | B<br>Direct Responses (Organized, i.e., Collective) | C<br>Instrumental Needs | D<br>Responses to Instrumental Needs | E<br>Symbolic and Integrative Needs | F<br>Systems of Thought and Faith |
|---|---|---|---|---|---|
| Nutrition (metabolism) | Commissariat | Renewal of cultural apparatus | Economics | Transmission of experience by means of precise, consistent principles | Knowledge |
| Reproduction | Marriage and family | | | | |
| Bodily comforts | Domicile and dress | Charters of behaviour and their sanctions | Sosial control | | |
| Safety | Protection and defense | | | Means of intellectual emotional, and pragmatic control of destiny and chance | Magic<br>Religion |
| Relaxation | Systems of play and repose | Renewal of personnel | Education | | |
| Movement | Set activities and systems of communication | | | | |
| Growth | Training and apprenticeship | Organization of force and compulsion | Political organization | Communal rhythm of recreation, exercise, and rest | Arts<br>Sports<br>Games<br>Ceremonial |

**Jadual 6.2: Jadual keperluan asas manusia mengikut struktur *functionalism* oleh Malinowski (Langness, L. L.), 1987**

University of Malaya

Dari segi teori yang digunakan iaitu fungsional aliran Malinowski , jelas sekali teori ini amat membantu pengkaji dalam kajian ini dengan memperlihatkan 7 perkara utama yang sepatutnya menjadi tumpuan dalam kajian.

Berdasarkan fungsi budaya dalam memenuhi 7 keperluan asas manusia yang digagaskan oleh Malinowski, dapatan kajian jelas menunjukkan ada di antara 7 keperluan manusia itu telah dibincangkan secara langsung dan tidak langsung dalam kehidupan wanita Bajau. Bagaimanapun yang diberikan tumpuan dalam kajian ini hanya bertumpu kepada 4 keperluan iaitu *Nutrition (metabolism), Reproduction, Bodily comforts, Safety*. Manakala tiga aspek keperluan lagi tidak dibincangkan secara langsung dalam kajian ini.

Selain dari konsep kecantikan masyarakat Bajau yang sangat istimewa, cara hidup mereka (amalan) juga dilihat punya keunikan dan jati diri yang tersendiri. Penggunaan seluruh bahan alam yang segar dan semulajadi di dalam aspek kehidupan mereka telah menjadikan wanita Bajau adalah masyarakat yang mesra pada khazanah alam,contohnya penggunaan bedak beras atau "badak buas" sebagai alatan kosmetik semulajadi. Begitu juga penggunaan lempoyang dan daun rambutan bagi tujuan kecantikan telah menjadikan rutin bagi masyarakat Bajau ini. Melalui penggunaan bahan alami ini maka ia lebih selamat dan pasti tidak akan mendatangkan kemudaratan terhadap pengamalnya. Hal ini telah menjadikan ia adalah salah satu kearifan tempatan yang harus diakui oleh masyarakatnya sendiri dan sekaligus boleh diangkat sebagai kepustakaan ilmu tradisional bagi kaum Bajau.

Seterusnya, konsep kecantikan wanita yang bermula dari aspek dalaman telah dimanifestasikan dengan benar-benar cemerlang oleh wanita Bajau. Ianya bermula dengan penggunaan mantera kemudian diimbangi pula dengan cara pemakanan dan penggunaan alatan semula jadi yang telah menjadi rutin buat wanita Bajau. Hal ini telah memperlihatkan makna cantik itu harus diasuh melalui amalan mantera yang secara tidak

University of Malaya

